



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN

2017

KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2017

- 002 PERUTUSAN MENTERI
- 004 PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA



MAKLUMAT KORPORAT

- 006 VISI, MISI, TERAS DAN NILAI TERAS
- 008 SENARAI AKTA DAN PERATURAN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
- 009 PIAGAM PELANGGAN
- 010 CARTA ORGANISASI



PENCAPAIAN

- 012 PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
- 014 UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
- 016 UNIT AUDIT DALAM
- 017 UNIT INTEGRITI
- 019 UNIT SEKRETARIAT MERDEKA

“ MASYARAKAT TERHUBUNG DAN BERINFORMASI ”



SEKTOR PENGURUSAN

- 020 BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
- 022 BAHAGIAN KEWANGAN
- 027 BAHAGIAN PEMBANGUNAN
- 028 BAHAGIAN AKAUN
- 035 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
- 036 BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



SEKTOR OPERASI

- 042 BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK
- 044 BAHAGIAN KAWALAN DAN PEMATUHAN
- 056 BAHAGIAN INFRASTRUKTUR DAN APLIKASI
- 060 UNIT PUSPAL



SEKTOR DASAR

- 064 BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
- 066 BAHAGIAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI
- 076 BAHAGIAN ANTARABANGSA
- 079 BAHAGIAN PEMBANGUNAN KANDUNGAN



JABATAN/AGENSI

- 086 JABATAN PENYIARAN MALAYSIA (RTM)
- 088 JABATAN PENERANGAN MALAYSIA (JAPEN)
- 108 JABATAN HAL EHWAL KHAS (JASA)
- 109 INSTITUT PENYIARAN DAN PENERANGAN TUN ABDUL RAZAK (IPPTAR)
- 113 JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (JPDP)
- 115 PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)
- 121 PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
- 126 SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC)
- 128 PERBADANAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA (MDEC)
- 131 MYNIC BERHAD



PERISTIWA DAN AKTIVITI

144





PERUTUSAN MENTERI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh & salam sejahtera

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah dapat menghasilkan Laporan Tahunan 2017.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan tertinggi serta warga Kementerian, Jabatan dan Agensi sebagai tulang belakang yang telah banyak berusaha untuk melaksanakan dan menyelesaikan pelbagai agenda Kementerian untuk tahun 2017. Sesungguhnya komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh semua pihak telah mengangkat KKMM ke satu pencapaian yang dibanggakan dan berdaya saing dengan Kementerian-Kementerian yang lain.

Akhir kata, semoga program-program yang telah dilaksanakan menjadi penyumbang yang besar kepada masyarakat untuk meningkatkan sektor Komunikasi dan Multimedia di masa akan datang.

YB DATUK SERI DR. SALLEH SAID KERUAK

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah dipanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya Laporan Tahunan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2017 dapat diterbitkan. Sekalung tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada barisan sidang redaksi dan warga yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung yang sentiasa komited dalam menerbitkan Laporan Tahunan KKMM 2017 ini sebagai wadah berinformasi untuk tatapan semua.

Sebagai sebuah Kementerian yang berperanan dalam industri Komunikasi dan Multimedia, Kementerian telah memperkenalkan satu program *outreach*. Program ini adalah salah satu inisiatif KKMM dalam usaha untuk merakyatkan perkhidmatan awam selaras dengan Agenda Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam.

Saya dan pihak pengurusan tertinggi serta warga Kementerian akan terus memberikan kerjasama dan sokongan kepada YB Menteri dalam menggalas tanggungjawab yang diamanatkan bagi mencapai kejayaan dan meningkatkan pencapaian prestasi Kementerian pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.

YBHG. TAN SRI DR. SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**



MAKLUMAT KORPORAT

008 VISI, MISI, TERAS DAN NILAI TERAS

009 SENARAI AKTA DAN PERATURAN
DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN
KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

010 PIAGAM PELANGGAN

011 CARTA ORGANISASI



MAKLUMAT KORPORAT

VISI

MASYARAKAT TERHUBUNG DAN BERINFORMASI

TERAS

MENGHUBUNG RAKYAT
MEMBINA MASYARAKAT BERMAKLUMAT
MENGGERAK EKONOMI DIGITAL
MEMPERKASA INDUSTRI KREATIF

MISI

MENYEDIKAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI SECARA MENYELURUH DAN INKLUSIF, MEMBANGUN EKONOMI DIGITAL DAN MEMPERKASA INDUSTRI KREATIF SERTA MEMPERLUAS DAN MEMPERDALAM PENYAMPAIAN DAN PENYEBARAN MAKLUMAT SECARA STRATEGIK

NILAI TERAS

TADBIR URUS YANG BAIK, TEKNOLOGI, INTEGRITI, PATRIOTISME

SENARAI AKTA DAN PERATURAN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA 1981 [AKTA 244]

1. Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Bayaran Filem) 1988-P.U.(A) 209/1988.
2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Kompau) 1985-P.U.(A) 264/1985.
3. Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pelesenan) 1983-P.U.(A) 546/1983
4. Peraturan-Peraturan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Skim Wajib Tayang) 2005-P.U.(A) 232/2005.

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998 [AKTA 588]

1. Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 - P.U. (A) 419/2002
2. Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Tribunal Rayuan) (Saraan Anggota) 2009- 118/2009
3. Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Tribunal Rayuan) (Tatacara Rayuan) 2009- P.U.(A) 117/2009
4. Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pengkompaunan Kesalahan) 2001 - P.U. (A) 346/2001

5. Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000 - P.U. (A) 124/2000.
6. Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) 2000 - P.U. (A) 129/2000.
7. Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Spektrum) (Pindaan) 2000 - P.U. (A) 128/2000
8. Peraturan-Peraturan Komunikasi Radio (Pengiklanan) 1985 - P.U.(A) 12/1985.

AKTA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA 1998 [AKTA 589]

1. Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (Jawatankuasa Tatatertib Dan Lembaga Rayuan Tatatertib) 2007-P.U.(A) 219/2007.
2. Peraturan-Peraturan Tatatertib Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia 2007-P.U.(A) 218/2007

AKTA PERKHIDMATAN POS 2012 [AKTA 741]

1. Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) 1994 - P.U. (A) 330/1994
2. Kaedah-Kaedah Perkhidmatan Pos (Kadar Bayaran Pos) 2005 - P.U. (A) 80/2005
3. Kaedah-Kaedah Pejabat Pos (Pengecualian) 1998 - P.U.(A) 306/1998
4. Post Office Rules 1947 - M.U. G.N. 8436 of 1947

AKTA TANDATANGAN DIGITAL 1997 [AKTA 562]

1. Peraturan-Peraturan Tandatangan Digital 1998 - P.U. (A) 359/1998

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 [AKTA 709]


AKTA BERNAMA 1967 [AKTA 449]



PIAGAM PELANGGAN

- 1 Menyampaikan Maklumat Terkini Dan Dasar Kerajaan Kepada Masyarakat Dengan Sahih, Tepat, Cepat, Jelas Dan Berkesan Menerusi Media Elektronik, Cetak Dan Komunikasi Bersemuka;
- 2 Menyediakan Prasarana Dan Perkhidmatan Komunikasi Jalur Lebar, Internet Dan Selular Yang Bermutu Bagi Memenuhi Kehendak Pelanggan;
- 3 Memproses Permohonan Penggambaran Filem Dan Persembahan Artis Luar Negara Dalam Tempoh 5 Hari Bekerja Dari Tarikh Penerimaan Dokumen Yang Lengkap;
- 4 Memberi Respons Kepada Aduan Pelanggan Dengan Cepat, Tepat Dan Berbudi Bahasa Dalam Tempoh Masa Berikut:
 - Akuan Penerimaan Dalam Tempoh 1 Hari Bekerja;
 - Maklum Balas Awal Dalam Tempoh 3 Hari Bekerja; Dan
 - Laporan Status Bulanan Aduan Awam Kepada Biro Pengaduan Awam (BPA) Pada Minggu Pertama Setiap Bulan;
- 5 Memastikan Bil Dan Invois Dibayar Dalam Masa 14 Hari Dari Tarikh Penerimaan Dokumen Yang Lengkap.

CARTA ORGANISASI



MAKLUMAT KORPORAT

MAKLUMAT KORPORAT



PENCAPAIAN

014 PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

014 UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

016 UNIT AUDIT DALAM

017 UNIT INTEGRITI

019 UNIT SEKRETARIAT MERDEKA



PENCAPAIAN

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

FUNGSI UTAMA

- Memberi nasihat perundangan kepada Kementerian / Jabatan di bawahnya selaras dengan keperluan dan perkembangan sistem perundangan yang dinamik terutamanya melibatkan Akta-Akta dan perundangan subsidiari di bawah Kementerian.
- Menggubal perundangan utama dan perundangan subsidiari yang

- diperlukan oleh Kementerian / Jabatan / Agensi di bawahnya.
- Memberi nasihat dan menyemak serta meluluskan setiap dokumen perundangan (perjanjian, kontrak dan sebagainya) yang diterima daripada

- Kementerian / Jabatan di bawahnya termasuk perjanjian antarabangsa di mana Kerajaan merupakan pihak kepada Perjanjian.
- Mengendalikan kes mahkamah yang melibatkan Kementerian / Jabatan.

PENCAPAIAN

20 PANDANGAN UNDANG-UNDANG



7 PENGGUBALAN, PINDAAN AKTA DAN PERUNDANGAN SUBSTANTIF



143 SEMAKAN DOKUMEN PERUNDANGAN



23 PENGENDALIAN KES MAHKAMAH DAN ABRITASI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PENGURUSAN ADUAN

- Aduan Sektor Awam : 140 (27.6%)
- Aduan Sektor Swasta : 368 (72.2%)
- Jumlah aduan : 580

Skop Aduan

- Industri Penyiaran (Analog dan Digital)
- Industri Telekomunikasi yang meliputi perkhidmatan telefon dan internet
- Perkhidmatan Pos dan Penghantaran
- Digital Certification

PRESTASI PIAGAM PELANGGAN KKMM 2017

Memproses permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.

Bulan	Bilangan Permohonan		Peratusan Diproses Dalam Tempoh 5 Hari
	Keseluruhan	Dalam Tempoh 5 Hari	
JANUARI	157	157	100%
FEBRUARI	152	152	100%
MAC	184	184	100%
APRIL	181	181	100%
MEI	179	179	100%
JUN	158	158	100%
JULAI	119	119	100%
OGOS	186	186	100%
SEPTEMBER	186	186	100%
OKTOBER	200	200	100%
NOVEMBER	184	184	100%
DISEMBER	152	152	100%
JUMLAH	2038	2038	100%

Memberi respons kepada aduan pelanggan dengan cepat, tepat dan berbudi bahasa dalam tempoh masa seperti berikut :

- Aduan penerimaan dalam tempoh 1 hari bekerja;
- Maklum balas awal dalam tempoh 3 hari bekerja; dan
- Laporan status bulanan aduan awam kepada Biro Pengaduan Awam (BPA) pada minggu pertama setiap bulan

Bulan	Jumlah Kes Aduan	Aduan Terima Dihantar Dalam 1 Hari Bekerja	Peratus (%)	Maklum Balas Awal Dihantar Dalam 3 Hari Bekerja	Peratus (%)	Laporan Kepada BPA
JANUARI	44	44	100%	44	100%	1
FEBRUARI	50	50	100%	50	100%	1
MAC	57	57	100%	57	100%	1
APRIL	52	52	100%	52	100%	1
MEI	54	54	100%	54	100%	1
JUN	29	29	100%	29	100%	1
JULAI	33	33	100%	33	100%	1
OGOS	27	27	100%	27	100%	1
SEPTEMBER	45	45	100%	45	100%	1
OKTOBER	34	34	100%	34	100%	1
NOVEMBER	45	45	100%	45	100%	1
DISEMBER	38	38	100%	38	100%	1
JUMLAH	508	508	100%	508	100%	12

Memastikan bil dan invoice dibayar dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.

Bulan	Bilangan Bil Yang Telah Diproses			Peratusan Bil Diproses Dalam Tempoh 14 Hari
	Keseluruhan	Dalam Tempoh 14 Hari	Melebihi Tempoh 14 Hari	
JANUARI	2,871	2,871	0	100%
FEBRUARI	9,045	9,044	1	99.99%
MAC	11,470	11,469	1	99.99%
APRIL	10,949	10,946	3	99.97%
MEI	12,234	12,234	0	100%
JUN	10,864	10,864	0	100%
JULAI	8,754	8,754	0	100%
OGOS	8,754	8,754	0	100%
SEPTEMBER	8,754	8,754	0	100%
OKTOBER	8,754	8,754	0	100%
NOVEMBER	8,754	8,754	0	100%
DISEMBER	8,754	8,754	0	100%
JUMLAH	109,957	109,952	5	99.99%

UNIT AUDIT DALAM

FUNGSI UTAMA

- Memastikan pengurusan kewangan diurus mengikut undang-undang, peraturan dan prosedur yang ditetapkan;
- Memastikan program/aktiviti/projek diurus secara cekap, berhemat dan berkesan; dan
- Memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif ke arah meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan akauntabiliti KKMM.

PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2017 Unit Audit Dalam telah melaksanakan pengauditan berikut:

- Pengauditan Pengurusan Kewangan
- Pengauditan Prestasi
- Pengauditan Perolehan
- Pengauditan ICT
- Pengauditan Secara Mengejut
- Pengesahan Terhadap Baki Awal Aset dan Liabiliti

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2017, pengauditan pengurusan kewangan telah dilaksanakan di sepuluh(10) PTJ Kementerian/Jabatan seperti berikut:

- Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Pulau Pinang
- Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Sabah
- Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Pahang
- Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Melaka

- Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Pahang
- Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Perlis
- Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Perak
- Jabatan Hal Ehwal Khas Wilayah Persekutuan Labuan
- Jabatan Penyiaran Malaysia Langkawi
- Jabatan Penyiaran Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan

Pengauditan Pematuhan

Pengauditan Pematuhan dijalankan bertujuan memastikan pengurusan aktiviti yang dilaksanakan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan. Pada tahun 2017, pengauditan pematuhan yang telah dilaksanakan adalah Pengurusan Kenderaan di Ibu Pejabat Jabatan Penyiaran Malaysia

Pengauditan Baucar Bayaran

Pada tahun 2017, pengauditan baucar bayaran telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Ibu Pejabat Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)
- Ibu Pejabat Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM).

PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2017 sebanyak 3 pengauditan prestasi telah dilaksanakan iaitu:

- Kajian Audit Terhadap Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar, (SUBB) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- Kajian Terhadap Pengurusan Aktiviti Jabatan Perlindungan Data Peribadi
- Kajian Terhadap Pengurusan Perolehan dan Prestasi Penyiaran Program TV(TV1, TV2 dan TVi), Jabatan Penyiaran Malaysia

PENGAUDITAN PEROLEHAN

Pada tahun 2017, sebanyak empat (4) pengauditan perolehan telah dilaksanakan seperti berikut:

- Pengurusan Perolehan Van Siaran Luar TV, Jabatan Penyiaran Malaysia, Negeri Sarawak
- Pengurusan Perolehan Peralatan Unit Siaran Luar Radio, Jabatan Penyiaran Malaysia, Negeri Sabah
- Pengurusan Perolehan Sistem Produksi Radio Digital dan Kerja-Kerja Akustik di Jabatan Penyiaran Malaysia, Negeri Johor
- Pengurusan Perolehan Penyewaan dan Penyenggaraan ICT, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

PENGAUDITAN ICT

Pengauditan ICT adalah merangkumi Kajian ICT dan penampilan Audit ICT.

Kajian ICT

Kajian ICT dijalankan bagi memastikan projek dan perolehan berkaitan ICT telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pada tahun 2017, satu (1) kajian ICT telah dijalankan iaitu:

- Pengauditan Terhadap Pengurusan *Revenue Management Airtime System* (ARMS), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Penampilan Audit ICT

Pada tahun 2017, enam (6) Penampilan Audit ICT telah dijalankan iaitu;

- Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Negeri Sarawak
- Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Negeri Selangor
- Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) Negeri Sarawak

- Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) Negeri Selangor
- Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Negeri Sarawak
- Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Negeri Selangor

PENGAUDITAN SECARA MENGEJUT

Pada tahun 2017, pengauditan secara mengejut telah dilaksanakan di empat (4) PTJ seperti berikut:

- Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Perak
- Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Pulau Pinang
- Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Sabah
- Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Selangor

PENGESAHAN TERHADAP BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI

Pada tahun 2017, pemeriksaan fizikal terhadap ATA dan AA telah dijalankan di negeri Johor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Labuan, Perak, Sabah dan Sarawak dengan kerjasama Bahagian Akaun, Bahagian Khidmat Pengurusan, JAPEN, RTM, dan JASA.

Sehingga 23 Februari 2018, pihak Audit telah dapat mengesahkan ketepatan data baki awal aset dan liabiliti KKMM pada 31 Disember 2017 sejumlah RM 8,453.80 juta daripada jumlah keseluruhan bernilai RM 8,457.40 juta.

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Sebanyak 15 Pemerhatian/Laporan Audit telah dibentangkan dan dibincang dalam Mesyuarat JKA tersebut seperti berikut:-

PEMBENTANGAN PEMERHATIAN AUDIT DI MESYUARAT JKA

Bil.	Bil. Mesyuarat JKA	Tarikh	Bil. Kertas Perbincangan	Bil. Isu Yang Dilaporkan
1.	JKA Bil. 1/2017	03.04.2017	1	5
2.	JKA Bil. 2/2017	11.07.2017	7	77
3.	JKA Bil. 3/2017	06.10.2017	4	30
4.	JKA Bil. 4/2017	08.01.2018	3	19
JUMLAH			15	131

UNIT INTEGRITI

PENCAPAIAN PROGRAM / AKTIVITI UNIT INTEGRITI TAHUN 2017

PELAKSANAAN PROGRAM

Bagi meningkat, mengukuh dan membudayakan integriti dalam kalangan warga Kementerian serta amalan tadbir urus yang baik dalam organisasi, pelbagai program telah dilaksanakan pada tahun 2017 berdasarkan fungsi unit seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2013.

a) Tadbir Urus

Bil.	Program / Aktiviti	Kekerapan
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus peringkat Kementerian	3
2.	Ikrar Bebas Rasuah	1

Ikrar Bebas Rasuah

Kementerian telah menzahirkan sokongan terhadap usaha-usaha pencegahan rasuah melalui inisiatif yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu Ikrar Bebas Rasuah (IBR). Majlis Melafaz dan Menandatangani IBR telah diadakan dalam satu majlis di Dewan Serbaguna KKMM pada 14 Ogos 2017. Lafaz ikrar serta tandatangan IBR oleh warga Kementerian diketuai oleh YBhg. Tan Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad Ketua Setiausaha KKMM dan disaksikan oleh wakil daripada SPRM YBhg. Dato' Hj. Abdul Samat Kasah, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM.

b) Pengukuhan Integriti

Bil.	Program / Aktiviti	Kekerapan
1.	Kursus Bina Insan SMART Integriti	3
2.	Program Wacana Integriti	5
3.	Program <i>Breakfast Talk</i>	3
4.	Program Ihya Ramadhan	4
5.	Program 60 Minit Bersama Ustaz	16
6.	Forum Sempena Sambutan Maulidur Rasul	1
7.	Info Integriti	12

Program Pengukuhan Integriti

Sebanyak 44 program Pengukuhan Integriti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 dengan kumpulan sasaran adalah semua pegawai di Kementerian, Jabatan dan juga Agensi di bawah Kementerian. Konsep program merangkumi kursus, ceramah, taklimat dan bual bicara bersama penceramah atau panel jemputan yang mahir mengenai topik yang dipilih untuk setiap program.

Info Integriti

Info Integriti merupakan program hebahan maklumat integriti, peraturan dan pekeliling berkaitan dengan tata tertib menggunakan saluran e-mel. Hebahan dibuat sekali bagi setiap bulan.

c) Pematuhan, Pengesanan dan Pengesahan

Bil.	Program / Aktiviti	Kekerapan
1.	Pengesahan dan pengesanan salah laku pelanggaran integriti	4
2.	Pemeriksaan ke atas pematuhan peraturan, prosedur/ <i>standard</i> yang telah ditetapkan	3

Pemeriksaan berkaitan pematuhan kepada waktu bekerja berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2007 telah dilaksanakan di tiga (3) Bahagian di Kementerian iaitu Bahagian Pembangunan, Bahagian Pengurusan Maklumat dan Unit KPI.

d) Pengurusan Aduan

Bil.	Program / Aktiviti	Kekerapan
1.	Penerimaan aduan salah laku pegawai	4

e) Tatatertib

Bil.	Program / Aktiviti	Kekerapan
1.	Kursus Pengurusan Tatatertib	1
2.	Mesyuarat Lembaga Tatatertib KKMM	1
3.	Mesyuarat Lembaga Tatatertib Jabatan (RTM/JASA/JPDP/IPPTAR)	2
3.	Penyelesaian kes-kes tata tertib KKMM	2
4.	Penyelesaian kes-kes tata tertib Jabatan (RTM/JASA/JPDP/IPPTAR)	4

Urus setia Lembaga Tatatertib Kementerian dan Jabatan

Unit Integriti merupakan urus setia kepada Lembaga Tatatertib bagi pegawai gred 1 hingga 44 di Kementerian dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) serta urus setia kepada Lembaga Tatatertib bagi pegawai gred 41-47 Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), dan Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak.

UNIT SEKRETARIAT MERDEKA

PENCAPAIAN

Bil.	Program	Tarikh	Kekerapan
1.	Merdeka@Komuniti	April - Oktober	Seluruh Negara
2.	Kayuhan Merdeka	6 Ogos 2017	Dataran DBKL, Kuala Lumpur
3.	Pelancaran Negaraku Sehati Sejiwa	8 Ogos 2017	Stadium Batu Pahat, Johor
4.	Doa Untuk Malaysia	12 Ogos 2017	Dataran Putra, Presint 1, Putrajaya
5.	<i>Merdeka My Buddies Run</i>	20 Ogos 2017	MAEPS, Serdang, Selangor
6.	<i>Gemilang Walk</i>	25 Ogos 2017	Putrajaya
7.	Amanat Merdeka	30 Ogos 2017	TV1 Jam 4.00 petang
8.	Ambang Merdeka	30 Ogos 2017	Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur
9.	Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan	31 Ogos 2017	Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
10.	<i>Merdeka Quran Hour</i>	31 Ogos 2017	Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
11.	Karnival Hari Malaysia	15 - 17 September 2017	Kompleks Sukan Likas Kota Kinabalu, Sabah
12.	Sambutan Hari Malaysia	16 September 2017	Kota Kinabalu, Sabah



SEKTOR PENGURUSAN

- 022 BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
- 027 BAHAGIAN KEWANGAN
- 028 BAHAGIAN PEMBANGUNAN
- 035 BAHAGIAN AKAUN
- 036 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
- 038 BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



SEKTOR PENGURUSAN

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)

Sepanjang tahun 2017, BPSM telah melaksanakan PTM sebanyak empat (4) siri seperti butiran berikut:

Siri	Tempat	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	Institut Latihan FAMA, Port Dickson, Negeri Sembilan	5-10 Mac	40
2.	Pusat Latihan LKIM Camar Laut, Bagan Lalang, Selangor	14-19 Mei	40
3.	Pusat Latihan LKIM Camar Laut, Bagan Lalang, Selangor	16-21 Julai	40
4.	Institut Latihan FAMA, Port Dickson, Negeri Sembilan	1-6 Oktober	40

TRAINING ROAD MAP (TRM)

Training Road Map (TRM) adalah kursus yang dirangka bagi memberi latihan kepada skim-skim perkhidmatan di bawah KSU iaitu skim Jurufoto, Jurusolek, Pereka dan Ahli Muzik. Kursus yang diberikan merangkumi aspek-aspek teknikal yang perlu dipelajari dalam memastikan kelancaran laluan kerjaya pegawai dalam skim tersebut. Modul latihan telah dirangka oleh konsultan terpilih selari dengan *Training Need Analysis (TNA)* setiap skim.

Bagi tahun 2017, TRM skim Pereka telah dilaksanakan sebanyak empat (4) siri, TRM skim Jurufoto sebanyak tiga (3) siri, TRM bagi skim Jurusolek adalah sebanyak dua (2) siri manakala TRM skim Ahli Muzik dijalankan sebanyak satu (1) siri.

SPEAKERS' CORNER

Dalam usaha untuk menggilap kemahiran komunikasi berkesan dan kebolehan bercakap di khalayak umum, BPSM telah memperkenalkan program *Speakers' Corner*.

Sepanjang tahun 2017, BPSM telah melaksanakan tujuh (7) siri *Speakers' Corner* seperti butiran berikut:

Siri	Tarikh	Speaker
1.	21 Mac	Puan Siti Syahida Jamaludin
2.	19 April	Cik Lyana Shohaimay
3.	23 Mei	Encik Muhammad Syamir Aizat Mohd Marzuki
4.	26 Julai	Encik Mohd Khairul Adha Hakimi Idris
5.	23 Ogos	Cik Adrianni Abdul Zulkifli
6.	26 September	Encik Mazlan Zurin Zulkifli
7.	17 Oktober	Puan Fairuz Fadila Othman

BICARA ILMU: MAHLIGAI BERDURI

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 3,488 kes keganasan rumah tangga dilaporkan pada tahun 2012. Statistik ini meningkat pada tahun 2016 apabila 5,796 kes dilaporkan. Bagi memberi kesedaran tentang tahap keganasan rumah tangga di Malaysia, BPSM telah mengambil inisiatif dengan

melaksanakan Bicara Ilmu: Mahligai Berduri.

Datuk Dr. Tengku Naufal Tengku Mansor, peguam syarie terkenal di Malaysia telah dijemput bagi memberikan ceramah berkaitan dengan keganasan rumah tangga. Ceramah beliau telah dibahagikan kepada dua slot iaitu "Slot 1- Keganasan rumah tangga- hak suami isteri" serta "Slot 2- Penderaan kanak-kanak".

PEMURNIAN KRITERIA PENGAMBILAN SKIM PERKHIDMATAN AHLI MUZIK

Pemurnian kriteria pengambilan berdasarkan bakat bagi Skim Perkhidmatan Ahli Muzik (Gred B19 hingga B53) telah dilaksanakan melalui beberapa siri mesyuarat dan perbincangan bersama wakil daripada Skim Ahli Muzik dari Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) dan Istana Budaya (IB). Pembangunan dan pemurnian kriteria pengambilan ini bertujuan untuk menambah baik kriteria sedia ada seterusnya berperanan sebagai garis panduan penilaian semasa proses pengambilan bagi skim tersebut. Kriteria tersebut telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha KKMM dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia untuk tindakan selanjutnya.

NAZIRAN PERJAWATAN KE JABATAN DI BAWAH KKMM

Sepanjang tahun 2017, Cawangan Pembangunan Organisasi (CPO), BPSM telah melaksanakan empat (4) naziran di beberapa Jabatan di bawah KKMM. Program ini melibatkan

pegawai-pegawai daripada Cawangan Pembangunan Organisasi (CPO) dan Cawangan Pengurusan Perkhidmatan (CPP), BPSM bersama wakil sumber manusia di setiap Jabatan. Objektif utama pelaksanaan program naziran ini adalah untuk membuat semakan dan pemantauan terhadap pematuan setiap Jabatan dalam aspek pengurusan sumber manusia masing-masing. Hasil daripada program naziran ini akan digunakan untuk penambahbaikan urusan perjawatan serta memastikan pengurusan sumber manusia yang lebih sistematik dan komprehensif di setiap jabatan.

- Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)- 4 Mei 2017
- Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR)- 30 Mei 2017
- Jabatan Penerangan Negeri Sembilan - 12 Disember 2017

- Jabatan Penyiaran Negeri Sembilan- 12 Disember 2017

MAJLIS JASAMU DIKENANG 2017

Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2017, KKMM telah diadakan seperti berikut:

- Dewan Majma; Tunku Abdul Rahim Mu'adzam Shah, Kuching, Sarawak pada 2 Mac 2017;
- Kompleks Bersepadu KKMM, Kota Kinabalu, Sabah pada 3 Mac 2017; dan
- Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya pada 26 September 2017.

Pecahan Pesara KKMM bagi tahun 2017 mengikut Kementerian & Jabatan/ Agensi adalah seperti berikut:

Bil.	Jabatan	Jumlah Pesara	Lelaki	Wanita
1.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia	19	11	8
2.	Jabatan Perlindungan Data Peribadi	2	-	2
3.	Jabatan Hal Ehwal Khas	5	3	2
4.	Jabatan Penyiaran Malaysia	181	103	78
5.	Jabatan Penerangan Malaysia	81	59	22
6.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia	10	8	2
7.	Institut Penyiaran Dan Penerangan Tun Abdul Razak	5	3	2
8.	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia	10	9	1
JUMLAH BESAR		313	196	117

HRCU

Objektif program HRCU adalah salah satu medium untuk Pengurusan Tertinggi Kementerian menyampaikan amanat dan harapan terhadap pegawai dan kakitangan di peringkat Kementerian dan Jabatan di samping mendapatkan maklum balas daripada warga KKMM berkenaan permasalahan / isu yang dihadapi.

Senarai program di bawah HRCU adalah seperti berikut:

- Majlis Amanat SUBK (P) bersama Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan;
- Connecting the Dots*; dan
- Majlis Perjumpaan SUBK (P) bersama PTD Gred M41 hingga M44.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2016

Majlis APC melibatkan penerima anugerah daripada Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian. Jumlah keseluruhan penerima APC bagi tahun 2016 adalah seramai 697 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 530 orang adalah dari Semenanjung, 75 orang dari Sabah dan 92 orang dari Sarawak.

Majlis APC Peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) diadakan di tiga (3) lokasi iaitu meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak seperti berikut:

	Semenanjung	Sarawak	Sabah
Lokasi	Auditorium Perdana Angkasapuri	Dewan Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Dewan Kompleks Islam, Kuching	Ruang Legar, Kompleks Bersepadu KKMM, Jalan Lintas, Kepyayan, Kota Kinabalu
Tarikh	23 Februari 2017 (Khamis)	2 Mac 2017 (Khamis)	3 Mac 2017 (Jumaat)

MAJLIS BERSAMA JABATAN TAHUN 2017

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ialah sebuah medium dua hala, di mana Pihak Pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan Pihak Pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi. Mesyuarat MBJ Peringkat KKMM dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. KSU diadakan mengikut sukuan (sekali setiap 3 bulan) dan perlu diadakan sebanyak 4 kali dalam setahun. MBJ pada tahun 2017 telah diadakan pada ketetapan seperti berikut:

- Mesyuarat MBJ Bilangan 1 Tahun 2018 telah diadakan pada 15 Mac 2017 (Rabu) bertempat di Bilik Mesyuarat Pengurusan Aras 34, Kompleks KKMM;
- Mesyuarat MBJ Bilangan 2 Tahun 2018 telah diadakan pada 2 Jun 2017 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Pengurusan Aras 34, Kompleks KKMM;
- Mesyuarat MBJ Bilangan 3 Tahun 2018 pula telah diadakan di Institut Kepimpinan dan Pembangunan Universiti Teknologi Mara beserta dengan pelaksanaan Program CSR yang melibatkan kunjungan mesra ke Pusat Jagaan Asnaf Murni, Bandar Sri Sendayan Seremban. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyampaikan sumbangan dan melaksanakan aktiviti ramah mesra bersama anak-anak yatim dan khidmat sukarela yang bersesuaian di Pusat Jagaan Asnaf Murni, Bandar Sri Sendayan, Seremban; dan
- Mesyuarat MBJ Bilangan 4 Tahun 2018 telah diadakan pada 7 Disember 2017 (Khamis) bertempat di Bilik Mesyuarat Pengurusan Aras 34, Kompleks KKMM.

MESYUARAT KERJA / LATIHAN / BENGKEL MODUL / SUBMODUL HRMIS

Secara keseluruhannya sebanyak 17 bengkel/latihan telah diadakan kepada semua warga dan Pentadbir HRMIS di Kementerian, Jabatan dan Agensi.

Bil.	Semenanjung	Tarikh Latihan
MAC		
1.	Bengkel Latihan <i>Hands On</i> HRMIS Kepada Pegawai Baharu – Pengurusan Rekod Peribadi, Pengisytiharan Harta, Pengurusan Cuti, Pengurusan Tuntutan Bil.1/2017	14/03/2017
2.	Bengkel Pemurnian Data HRMIS bagi KKMM Bil 1/2017	22/03/2017

Bil.	Semenanjung	Tarikh Latihan
3.	Bengkel Kerja dan Latihan Submodul Permohonan Pertukaran	23/03/2017
4.	Bengkel <i>Hands On</i> HRMIS bagi SKT 2017 kepada Pentadbir HRMIS Bahagian Bil 1/2017	28/03/2017
SEPTEMBER		
5.	Bengkel <i>Task Force</i> bagi Submodul Pengisytiharan Harta HRMIS Bil. 1/2017	19/09/2017
6.	Bengkel Pemurnian Data HRMIS bagi KKMM Bil 2/2017	28/09/2017
OKTOBER		
7.	Bengkel Latihan <i>Hands On</i> HRMIS kepada Pegawai Baharu – Pengurusan Rekod Peribadi, Pengisytiharan Harta, Pengurusan Cuti, Pengurusan Tuntutan Bil. 2/2017	03/10/2017
8.	Bengkel Pemurnian Data HRMIS bagi KKMM Bil 3/2017	10/10/2017
9.	Bengkel Pemurnian Data HRMIS bagi KKMM Bil 4/2017	13/10/2017
10.	Taklimat Pelaksanaan Cuti HRMIS bagi Bahagian	10/10/2017
11.	Taklimat Pelaksanaan Cuti HRMIS bagi Jabatan	13/10/2017
12.	Bengkel <i>Task Force</i> Data Perjawatan HRMIS Bil 1/2017	16/10/2017
13.	Bengkel <i>Task Force</i> bagi Submodul Pengisytiharan Harta HRMIS Bil. 2/2017	25-26/10/2017
14.	Taklimat Penyelarasan SKT/LNPT bagi Pentadbir Sistem di Bahagian	27/10/2017
15.	Bengkel <i>Task Force</i> Data Perjawatan HRMIS Bil 2/2017	30/10/2017
16.	Taklimat Penyelarasan SKT/LNPT bagi Pentadbir Sistem di Jabatan	30/10/2017
NOVEMBER		
17.	Bengkel <i>Hands On</i> HRMIS bagi SKT 2017 kepada Pentadbir HRMIS Bahagian Bil. 2/2017	01-02/11/2017

PENCAPAIAN HRMIS

KKMM telah berjaya mencapai penarafan **5 bintang** dengan peratus pencapaian sebanyak 99.76% bagi **KPI HRMIS bagi tahun 2016**. Sijil penghargaan telah disampaikan kepada Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), YBhg. Dato' Samsuni Bin Mohd Noor oleh YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim Bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, semasa perasmian Program HRMIS User Group Summit (HUGS) 2017 yang telah diadakan 8 Mei 2017 (Isnin) di Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya.

Sebanyak **17 agensi telah mencapai 100%** dan **36 agensi telah mencapai peratus pengisian 95% ke atas**. Pencapaian KKMM

juga telah meningkat sebanyak **0.71% berbanding pada tahun 2015**. Tahniah dan terima kasih di atas komitmen dan kerjasama semua pegawai KKMM, Jabatan dan Agensi bagi memastikan KPI HRMIS tahun 2016 mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

PROGRAM CIVIL SERVANT SMART INTERVENTION (CSI)

Program CSI merupakan program pemulihan yang bersepadu merangkumi konsep pemulihan, pembangunan dan pemerksaan kepada pegawai yang bermasalah dan berprestasi rendah dalam tempoh satu (1) tahun. Ianya juga satu usaha bersepadu kementerian bagi menangani dan memulihkan pegawai

yang bermasalah dan berprestasi rendah selari dengan hasrat kerajaan untuk menghasilkan kakitangan yang berprestasi tinggi seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015 Pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) bagi pegawai yang berprestasi rendah dalam perkhidmatan awam. Pada tahun 2017 program ini telah dilaksanakan sebanyak tiga fasa yang melibatkan seramai 18 orang peserta yang terlibat. Ketiga-tiga fasa adalah peserta yang sama dan setiap fasa mempunyai objektif tersendiri. Antaranya adalah seperti berikut:

Fasa & Tarikh Pelaksanaan	Fokus	Objektif
Fasa Pertama (5-7 April 2017)	Penstrukturan <i>Kognitif & Brain Workout</i>	Bertujuan untuk menstruktur semula pemikiran pegawai berprestasi rendah dan bermasalah supaya memiliki pemikiran yang lebih rasional dan positif.
Fasa Kedua (2- 6 Oktober 2017)	Kursus Koordinasi Emosi dan Pemulihan Pegawai (NBOS Agensi-PDRM)	Bertujuan untuk memberi fokus kepada kestabilan emosi sebagai salah suatu langkah untuk berjaya bagi pegawai berprestasi rendah.
Fasa Ketiga (1-3 Nov 2017)	Kursus <i>Supernova Spirit</i>	Bertujuan untuk memberi fokus kepada perubahan tingkah laku yang harus bermula dari dalam diri dengan sedikit penekanan aspek psiko-spiritual.

PROGRAM RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM AKRAB

Pada tahun 2017, unit ini telah berjaya melaksanakan sebanyak 7 program yang melibatkan ahli AKRAB Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Program-program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk pengukuhan dan pemantapan serta melihat komitmen ahli-ahli AKRAB yang telah dilantik. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil.	Program	Tarikh Pelaksanaan	Objektif
1.	Kursus Pengukuhan Pasukan AKRAB KKMM	5-7/4/2017	Membentuk kepimpinan dan budaya kerja berpasukan yang jitu dalam kalangan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB).
2.	Program Latihan Praktikal AKRAB KKMM – Kursus Pensijilan <i>Art Drawing HTP (House Tree- Person)</i>	16-17/5/2017	Program yang memberi kemahiran kepada AKRAB untuk dipraktikkan bersama warga kementerian/jabatan yang mendapatkan sesi bimbingan bersama AKRAB.
3.	Kursus Peningkatan Kemahiran Pembimbing AKRAB KKMM	8-11/8/2017	Program khusus bagi AKRAB dalam menangani isu atau permasalahan yang terdapat dalam organisasi.
4.	Seminar AKRAB	25/10/2017	Medium bagi ahli AKRAB menyampaikan perkongsian dalam mengendalikan sesi bimbingan kepada warga di jabatan masing-masing.
5.	Kursus Peningkatan Kesejahteraan Psikologi Personal	2-4/11/2017	Program pemantapan AKRAB, bagi memastikan motivasi kemahiran dan <i>passion</i> AKRAB berada dalam momentum yang cemerlang.
6.	Program CSR @ Rungkup AKRAB BERNAMA dan KKMM	10/8/2017	Program yang memberi peluang kepada warga kementerian/jabatan untuk turut menyumbang barang keperluan kepada kumpulan Asnaf di Rungkup, Perak selain AKRAB merasakan sendiri nadi kesusahan yang dialami kelompok tersebut.

HARI PSIKOLOGI

Hari Psikologi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia merupakan aktiviti tahunan anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia melalui unit Pengurusan Psikologi. Pada tahun 2017 Hari Psikologi telah dilaksanakan pada 24 Oktober 2017 bertepatan "Alaf 21: Kepesatan Dirai Karar Psikologi Dikecapi", bertempat di Dewan Serbaguna, Aras B1 Kompleks KKMM, Presint 4, Putrajaya. Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberi fokus kepada:

- Menjana kuasa positif dalam pekerjaan bagi meningkatkan potensi kerja ke tahap yang maksima;
- Meningkatkan kesedaran peserta bahawa prestasi kerja yang luar biasa diperoleh dengan set minda yang positif serta aura persekitaran yang energetik, produktif, kreatif dan bermotivasi tinggi;
- Memberi akses kepada peserta untuk memperoleh maklumat dengan lebih mudah dan tepat daripada sumber yang tepat; dan
- Mengenal pasti medium terbaik ke arah kesejahteraan psikologi (*psychological wellness*) yang holistik.


BAHAGIAN KEWANGAN

PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2017 KKMM telah menerima peruntukan mengurus berjumlah **RM1,124,722,700.00** dengan perincian seperti berikut:

Program	Peruntukan Asal (RM)	Peruntukan Kemaskini (RM)	Perbelanjaan (RM)	%	Baki (RM)
B47 KKMM	1,124,722,700.00	1,142,722,700.00	1,097,723,550.42	96.06	44,999,149.58

Perbelanjaan Sebenar Peruntukan Mengurus Bagi Tahun 2013-2017



Program	Peruntukan Kemaskini (RM)	Perbelanjaan (RM)	%	Baki (RM)
Dasar Sedia Ada (DSA)	908,430,990.00	868,300,438.42	95.58	40,130,551.58
Program Khusus	193,269,600.00	190,457,738.52	98.55	2,811,861.48
<i>One Off (OO)</i>	41,022,110.00	38,965,373.48	94.99	2,056,736.52
KESELURUHAN	1,142,722,700.00	1,097,723,550.42	96.06	44,999,149.58

Secara keseluruhan, KKMM telah melaksanakan perolehan sebanyak **11,851** yang melibatkan jumlah besar perbelanjaan adalah **RM127,635,704.53**. Perincian lanjut mengenai kaedah perolehan adalah seperti di bawah:

Kaedah Perolehan	Bilangan Perolehan	Nilai Perolehan (RM)
e-Bidding	1	240,052.00
Government to Government	9	104,440.00
Kontrak Kementerian	24	2,832,835.42
Kontrak Pusat / Sistem Panel (Kementerian Kewangan)	23	495,786.70
Pembelian Terus / Requisition / Lantikan Terus	11690	37,545,489.08
Rundingan Terus (Kuasa Pegawai Pengawal)	17	76,522,160.70
Sebutharga	84	7,640,645.13
Tender Terbuka	3	2,254,295.50
JUMLAH (RM)	11,851	127,635,704.53

Selain itu, Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab memproses bayaran bil Kementerian bagi tahun 2017 jumlah keseluruhan bil yang telah diproses adalah sebanyak **8,536** dengan nilai keseluruhan **RM869,505,503.50**. Ringkasan laporan bil adalah seperti berikut:

Bulan	Bil	Nilai Bil (RM)
Januari	424	67,349,028.23
Februari	441	23,545,805.00
Mac	690	64,914,120.25
April	795	119,579,377.03
Mei	751	51,587,290.76
Jun	708	9,642,719.65
Julai	373	16,817,141.36
Ogos	824	27,408,626.92
September	781	141,546,962.24
Oktober	1055	116,621,956.45
November	1091	178,006,451.67
Disember	603	52,486,023.94
JUMLAH	8,536	869,505,503.50

Pencapaian keseluruhan hasil masa siaran iklan televisyen dan radio RTM bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

Hasil Jualan Masa Siaran Iklan RTM Bagi Tahun 2017 (Mengikut Suku Tahun)

Tempoh	RTM		ZENITH	
	TV (RM)	Radio (RM)	TV (RM)	Radio (RM)
Suku Tahun Pertama	3 juta	3 juta	3 juta	3 juta
Suku Tahun Kedua	4.5 juta	4.5 juta	4.5 juta	4.5 juta
Suku Tahun Ketiga	4.5 juta	4.5 juta	4.5 juta	4.5 juta
Suku Tahun Keempat	4.5 juta	4.5 juta	4.5 juta	4.5 juta
Jumlah	16.5 juta	16.5 juta	16.5 juta	16.5 juta
Jumlah Keseluruhan	45.7 juta			

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

	RTM	ZENITH
Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan		12 kali setahun
Mesyuarat Jawatankuasa Aset Tak Alih Kerajaan		4 kali setahun
Mesyuarat Jawatankuasa Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera		4 kali setahun
Kursus Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA)		1 kali

KKMM secara khusus melaksana, memantau, menyelia dan menguruskan projek-projek pembangunan dalam RMK-11 bagi KKMM dan Jabatan / Agensi di bawahnya dengan lebih cekap dan efisien setelah penggunaan sistem *Rolling Plan (RP)*.

KKMM juga telah memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan dengan baik bagi mencapai prestasi perbelanjaan yang telah ditetapkan pada setiap tahun. Bagi tahun 2017, KKMM telah mengurus perbelanjaan jumlah siling yang diperuntukkan dalam

RMK -11 sebanyak **RM478,265,391.00 juta**. Jadual di bawah menunjukkan prestasi perbelanjaan projek-projek pembangunan KKMM RMK-11 sehingga 31 Disember 2017.

PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

KKMM telah membelanjakan sebanyak **RM477,291,940.99 juta** atau 99.80 peratus daripada peruntukan yang disalurkan sebanyak **RM477,365,920.96 juta** bagi tahun 2017. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan KKMM untuk tahun 2017 seperti di Jadual di bawah:

Perbelanjaan Pembangunan Bagi Projek-Projek Mengikut Agensi/Bahagian Sehingga 31 Disember 2017

Agensi / Bahagian Pelaksana	Peruntukan (RM juta)	Belanja (RM juta)	Baki Peruntukan (RM juta)	Peratus Belanja (%)
Jabatan Penyiaran	79.78	79.34	0.44	99.4
IPPTAR	8.09	8.09	0.0	100.0
Jabatan Penerangan	6.77	6.3	0.47	93.0
Bernamea	11.07	11.07	0.0	100.0
Bahagian Kawalan & Pematuhan	0.11	0.11	0.0	100.0
Bahagian Infrastruktur dan Aplikasi	65.92	65.9	0.02	99.9
MDEC	123.1	123.1	0.0	100.0
MYNIC	4.21	4.21	0.0	100.0
FINAS	80.61	80.61	0.0	100.0
Bahagian Pembangunan Kandungan	50.0	49.95	0.05	99.9
Bahagian Khidmat Pengurusan	48.61	48.61	0.0	100.0
JUMLAH	478.27	477.29	0.98	99.8

Senarai Projek-Projek Pembangunan Fizikal KKMM Tahun 2017

Bil.	Projek	Kos Keseluruhan (RM)	RMK	Status
1.	Pembinaan Bangunan Pejabat Penerangan Daerah Batu Pahat Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Johor	3,000,000.00	RMKe-11 Sambungan	Penyerahan
2.	Pembinaan Kompleks Penyiaran Negeri Perlis	21,000,000.00	RMKe-11	Pembinaan
3.	Pembinaan Bangunan Baru Pejabat Penerangan Daerah Rompin Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Pahang	4,500,000.00	RMKe-11	Pembinaan
4.	Pembinaan Bangunan Baru Pejabat Penerangan Daerah Pekan Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Pahang	4,500,000.00	RMKe-11	Pembinaan
5.	Pembinaan Kompleks Bersepadu Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan	10,500,000.00	RMKe-11 Sambungan	Pembinaan
6.	Pembinaan Bangunan Baharu Jabatan Penyiaran Malaysia Sandakan, Sabah.	21,000,000.00	RMKe-11	Reka Bentuk
7.	Bangunan Penyiaran RTM Bintulu, Sarawak	21,000,000.00	RMKe-11	Reka Bentuk
8.	Pembangunan Semula Kompleks Angkasapuri Sebagai Bandar Media (MEDIACITY)	1,888,299,811	PPP	Pembinaan

PEMBINAAN KOMPLEKS KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Pembinaan Kompleks KKMM W.P. Labuan ini merupakan satu inisiatif KKMM untuk menempatkan empat (4) jabatan / agensi di bawah KKMM iaitu Jabatan Penerangan W.P. Labuan (JAPEN), Jabatan Penyiaran W.P. Labuan (RTM), Jabatan Hal Ehwal Khas Labuan (JASA) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia W.P. Labuan (BERNAMA) di bawah satu bumbung. Lokasi tapak adalah di atas sebahagian Lot 207528550 Mukim Tg. Taras, Wilayah Persekutuan Labuan iaitu bersebelahan bangunan RTM sedia ada. Projek ini diseliasa oleh Jabatan Kerja Raya W.P. Labuan.



Gambaran perspektif Kompleks Kementerian KKMM WP Labuan



Gambar pembinaan di tapak bagi cadangan Kompleks KKMM WP Labuan

PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL KKMM TAHUN 2017

PEMBINAAN BANGUNAN PEJABAT PENERANGAN DAERAH BATU PAHAT NEGERI JOHOR

Pembinaan bangunan baru di tapak baru iaitu di Lot 4114 PTB 2162, Jalan Dagang, Batu Pahat, Johor dengan kemudahan dan fasiliti yang lebih sempurna bagi Pejabat Penerangan Daerah Batu Pahat. Hal ini kerana, bangunan sedia ada yang terletak di Aras 3, Wisma Persekutuan Batu Pahat tidak dapat menampung bilangan pengunjung Pusat Maklumat Rakyat (PMR), ruang kerja yang terhad dan ruang penyimpanan peralatan siar raya serta bahan penerbitan yang terhad. Projek ini diseliasa oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Johor. Bangunan Pejabat Penerangan Daerah Batu Pahat ini telah siap sepenuhnya dan Majlis Perasmian telah diadakan pada 8 Ogos 2017 yang dirasmikan oleh YB. Menteri KKMM Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak.



Bangunan Baru Pejabat Penerangan Daerah Batu Pahat telah siap dibina.



Ruang lobi pintu masuk utama ke Pejabat Penerangan Daerah Batu Pahat, Johor



Majlis Perasmian dan Penyerahan Bangunan telah diadakan pada 8 Ogos 2018 yang dirasmikan oleh YB. Menteri KKMM Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak

PEMBINAAN BANGUNAN BARU PEJABAT PENERANGAN DAERAH ROMPIN NEGERI PAHANG

Pejabat sedia ada telah dirobohkan dan dibina semula bangunan baru dengan kemudahan serta fasiliti yang lebih sempurna. Hal ini kerana bangunan sedia ada tidak dapat menampung pengunjung Pusat Maklumat Rakyat (PMR), ruang kerja yang terhad, sistem pendawaian elektrik yang tidak selamat dan keadaan bangunan yang telah uzur serta tidak dapat dibaik pulih. Penyediaan reka bentuk dan pengurusan projek ini oleh pihak Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia manakala penyeliaan pembinaan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang.



Gambar pembinaan lantai tingkat satu dan kerja pemasangan kerangka bumbung telah siap.



Kerja-kerja luar bangunan dan pembinaan longkang sedang dijalankan ditapak.

PEMBINAAN BANGUNAN BARU PEJABAT PENERANGAN DAERAH PEKAN NEGERI PAHANG

Pejabat sedia ada telah dirobohkan dan dibina semula bangunan baru dengan kemudahan serta fasiliti yang lebih sempurna. Ini kerana bangunan sedia ada tidak dapat menampung pengunjung Pusat Maklumat Rakyat (PMR), ruang kerja yang terhad dan keadaan bangunan yang telah uzur untuk dibaik pulih. Penyediaan rekabentuk dan pengurusan projek ini oleh pihak Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia manakala penyeliaan pembinaan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang.



Kerja-kerja luar bangunan termasuk penyediaan longkang.



Kerja-kerja mengecat luar bangunan sedang dijalankan.



Kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan di tapak projek.

PEMBINAAN KOMPLEKS PENYIARAN NEGERI PERLIS

Tapak cadangan bagi pembinaan bangunan baru Pejabat Penyiaran (RTM) Perlis adalah di Lot 20005 Mukim Sena, Kangar, Perlis. Pembinaan bangunan ini dilaksanakan bagi menyediakan kemudahan serta fasiliti yang lebih sempurna kepada kakitangan serta sistem penyiaran yang lebih canggih dan moden bagi meningkatkan kualiti penyiaran RTM Perlis. Penyediaan rekabentuk dan pengurusan projek ini oleh pihak Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia manakala penyeliaan pembinaan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis.




Gambar di tapak bagi pembinaan baru bangunan Penyiaran RTM Perlis.



Gambar kerja-kerja *Ground Beam* sedang dijalankan di tapak bagi pembinaan baru bangunan Penyiaran RTM Perlis.



PEMBINAAN BANGUNAN PENYIARAN RTM BINTULU SARAWAK



Pandangan perspektif keseluruhan Bangunan Baru RTM Bintulu, Sarawak

PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU JABATAN PENYIARAN MALAYSIA SANDAKAN, SABAH



Pandangan kawasan tapak projek Bangunan Baru RTM Sandakan

PEMBANGUNAN SEMULA KOMPLEKS ANGKASAPURI SEBAGAI BANDAR MEDIA (MEDIA CITY)

Tapak cadangan bagi Pembangunan Semula Tapak Kompleks Angkasapuri adalah di atas sebahagian lot PT23, 8354, 47446 dan 47447 bandar Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pembinaan bangunan ini dilaksanakan bagi menyediakan kemudahan serta fasiliti yang lebih canggih kepada kakitangan serta sistem penyiaran yang lebih efisien dan moden bagi meningkatkan kualiti penyiaran sebagai sebuah Pusat dan Bandar Media di Malaysia pada masa akan datang.

Mesyuarat Kabinet pada 2 Mac 2011 telah bersetuju pembangunan semula kawasan Bukit Putera (Angkasapuri) menjadi sebuah Bandar Media (*Media City*) dilaksanakan oleh Syarikat *Media City Development* Sendirian Berhad (MCDSB). Pelaksanaan Projek ini adalah secara *Public Private Partnership* (PPP) yang diselenggarakan oleh UKAS. Pembangunan semula ini akan melibatkan 2 komponen utama iaitu pembinaan

bangunan baru dan pembekalan kemudahan fasiliti penyiaran. Perjanjian Konsesi Cadangan Pembangunan Semula Tapak Kompleks Angkasapuri sebagai Bandar Media (*Media City*) telah ditandatangani pada 20hb Mac 2012.

Objektif Projek:

- Menyediakan Infrastruktur Teknologi Tinggi Penyiaran selaras dengan perancangan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Malaysia untuk membangunkan sebuah TV Digital Rangkaian Komprehensif

- Memodenkan Peralatan RTM selaras dengan perubahan teknologi semasa
- Secara Komprehensif menjajarkan Pembangunan Angkasapuri dengan Pembangunan Sekitar selaras dengan Pelan Induk Greater Kuala Lumpur (Greater KL)
- Menyokong Dasar Negara Industri Kreatif
- Pemangkin kepada perkembangan penyiaran negara untuk mencapai kelas atau *standard* antarabangsa sama seperti *Media City* di Dubai, Sydney, Singapura dan Manchester.



Pandangan keseluruhan kerja-kerja pembinaan di tapak bagi Pembangunan Semula Tapak Kompleks Angkasapuri melalui Drone – Ihsan RTM



Wisma Berita News Systems



Transmission Operating Centre



TV Studio Virtual



Pemandangan daripada pintu gerbang masuk utama Kompleks Angkasapuri

BAHAGIAN AKAUN

PERAKAUNAN KEWANGAN


Bahagian Akaun bertanggungjawab dalam memastikan maklumat perakaunan disediakan dengan tepat dan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan:

PENGURUSAN OPERASI PERAKAUNAN

Pengurusan Operasi Perakaunan ialah melibatkan proses pengurusan bayaran, perakaunan, pelaporan dan gaji.

Perician Prestasi bagi Pengurusan Operasi Perakaunan bagi tahun 2017 adalah seperti Carta 1.

Carta 1: Prestasi Pengurusan Operasi Perakaunan




PEMANTAUAN KE ATAS PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN DAN AKTA

Fokus kepada aktiviti pemantauan ini adalah berkaitan dengan pematuhan Peraturan Kewangan dan Akta di pusat tanggungjawab (PTJ). Pemantauan yang dibuat meliputi naziran terhadap PTJ-PTJ yang menggunakan sistem eSPKB, semakan dokumen akaun terimaan dan naziran terimaan.

Perincian prestasi Pemantauan Ke Atas Pematuhan Peraturan Kewangan Dan Akta bagi tahun 2017 adalah seperti di Carta 2.


Carta 2: Prestasi Pemantauan Ke Atas Pematuhan Peraturan Kewangan Dan Akta



KHIDMAT PENGURUSAN PELANGGAN DAN PERUNDINGAN

Khidmat Pengurusan Pelanggan dan Perundingan yang dilaksanakan adalah berkaitan dengan khidmat nasihat berkaitan prosedur/ piawaian perakaunan/ kewangan serta mengurus dan melaksanakan latihan berkaitan sistem perakaunan/ kewangan kepada PTJ.

Prestasi bagi Khidmat Pengurusan Pelanggan dan Perundingan bagi tahun 2017 adalah seperti di Carta 3.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

CAWANGAN PENGURUSAN ASET DAN KEWANGAN

PEMANTAUAN KE ATAS PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN DAN AKTA

Takwim Mesyuarat JKPAK Tahun 2018

Bil.	Projek	Tarikh	Tempat
1.	Suku Tahun Pertama (Januari – Mac 2017)	25 April 2017	Kompleks KKMM, Putrajaya
2.	Suku Tahun Kedua (April – Jun 2017)	21 Julai 2017	Kompleks KKMM, Putrajaya
3.	Suku Tahun Ketiga (Julai – September 2017)	30 Oktober 2017	Kompleks KKMM, Putrajaya
4.	Suku Tahun Keempat (Oktober – Disember 2017)	29 Januari 2017	Kompleks KKMM, Putrajaya

LAPORAN EKSEKUTIF PENGURUSAN ASET KERAJAAN

UPA turut bertanggungjawab untuk menyediakan dan mengemukakan Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Kerajaan kepada Perbendaharaan sebelum 15 Mac setiap tahun bagi melaporkan perkara seperti berikut:-

PENGURUSAN ASET

Laporan Tahunan Harta Modal dan Aset /Laporan Pemeriksaan Aset/ Laporan Tahunan Pelupusan/Laporan Kehilangan dan Hapus kira aset keseluruhan Kementerian.

PENGURUSAN STOR

Laporan Kedudukan Stok Tahunan/Laporan Pemeriksaan Aset/Verifikasi Stor/Laporan Tahunan Pelupusan Stok/Laporan Tahunan Kehilangan dan Hapus kira Stok keseluruhan Kementerian

PEMERIKSAAN ASET TAHUNAN

Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan bagi KKMM dan Jabatan/Agensi di bawahnya telah diadakan pada 10 Julai hingga 31 Oktober 2017 selaras dengan ketetapan 1PP/Tatacara Pengurusan Aset Aset Alih Kerajaan – AM 2.4, Bab Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan yang menggariskan pemeriksaan aset alih Kerajaan perlulah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun. Pemeriksaan bertujuan untuk mengetahui keadaan dan prestasi aset, memastikan setiap aset mempunyai daftar/rekod

yang lengkap, tepat dan kemas kini serta memastikan setiap aset berada di lokasi yang sama seperti yang tercatat dalam daftar.

Pemeriksaan oleh Pegawai Pemeriksa yang dilantik bagi tempoh dua (2) tahun telah dilaksanakan secara silang di antara Bahagian-Bahagian di Kementerian melibatkan seramai 60 orang Pegawai Pemeriksa. Laporan pemeriksaan dikemukakan kepada UPA untuk diselaraskan dan dibentangkan menerusi Mesyuarat JKPAK KKMM.

PEMERIKSAAN STOK DAN VERIFIKASI STOR

Pengurusan Stor Utama di KKMM telah dilaksanakan selaras dengan 1PP -Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan (TPS)/ AM 6.1 bagi memastikan stok sentiasa ada apabila dikehendaki dan menepati kehendak pelanggan dan kualiti stok sentiasa terjamin dengan cara memberi perlindungan, penjagaan dan penyelenggaraan yang sewajarnya semasa dalam simpanan. Pemeriksaan stok dan Verifikasi Stor di Stor Utama KKMM telah dilaksanakan pada 11 hingga 22 Disember 2017 oleh dua (2) orang Pegawai Pemeriksa Stok dan tiga (3) orang Pemverifikasi Stor yang dilantik daripada semua Bahagian di Kementerian.

UPA turut menyelaraskan laporan-laporan Pengurusan Stor bagi Jabatan dan Agensi di bawah KKMM untuk dibentangkan menerusi mesyuarat JKPAK dan dilaporkan di dalam Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Alih Kerajaan kepada Kementerian Kewangan.

UNIT PENGURUSAN REKOD

PELAKSANAAN DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS)

Unit Pengurusan Rekod bertanggungjawab untuk memastikan program pengurusan rekod melalui DDMS dilaksanakan secara teratur, menyeluruh dan berkesan. Maklumat penggunaan DDMS bagi tahun 2017 di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) adalah seperti berikut:

Perkara	Jumlah
Pengguna Aktif	554
Rekod Yang Ditawan	15,635

LATIHAN DAN KURSUS PENGURUSAN REKOD

Bengkel Pengukuhan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi

Bengkel ini diadakan bagi memberikan pendedahan kepada para peserta tatacara pengendalian dokumen rahsia rasmi yang betul, terutamanya dari segi kemahiran teknikal dalam pewujudan, pendaftaran, penghantaran, penyimpanan dan juga pelupusan dokumen rahsia rasmi. Bengkel ini disertai oleh seramai 60 orang pegawai dan kakitangan dari Kementerian dan Jabatan di bawah Kementerian.

Latihan Penggunaan Digital Document Management System (DDMS)

Latihan ini diadakan bagi memastikan penggunaan DDMS yang optimum dalam kalangan warga Kementerian. Bagi tahun 2017, latihan DDMS diadakan sebanyak dua (2) sesi dengan penglibatan seramai lebih kurang 30 orang pegawai dan kakitangan.

PEMANTAUAN PELUPUSAN REKOD KEMENTERIAN

Unit Pengurusan Rekod juga bertanggungjawab memantau pelaksanaan pelupusan rekod Kementerian.

Perkara	Jumlah
Pelupusan Rekod Urusan Am	12.53 meter panjang
Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan	70.87 meter panjang
Pemindahan Rekod Awam ke Arkib	0.3 meter panjang

PUSAT SUMBER

PERKHIDMATAN DAN KOLEKSI PUSAT SUMBER

Sepanjang tahun 2017, Pusat Sumber KKMM telah menerima kunjungan seramai 3,839 orang. Keahlian baru adalah 58 orang dan jumlah kumulatif ahli Pusat Sumber adalah 3,474 orang. Sebanyak 3,632 bahan koleksi Pusat Sumber telah dipinjam pada tahun 2017 oleh seramai 3,192 peminjam. Bilangan capaian portal Pusat Sumber, pangkalan data dan Internet ialah 22,046 hits iaitu portal (8,867), WebOpac (2,086), WebInfoline

(1,613), Lawnet (93), BLIS (7,780) dan penggunaan Internet (1,607).

Pusat Sumber telah memproses sebanyak 6,676 naskhah bahan bercetak iaitu buku (291), surat khabar (5,622), majalah (520) dan koleksi Kementerian (243) naskhah. Jumlah kumulatif koleksi Pusat Sumber ialah 42, 112 naskhah. Pada tahun 2017,

sebanyak 2,143 bahan didigitalisasi iaitu artikel majalah (291), artikel akhbar (1,555) serta koleksi khas (12,486 muka surat, 297 judul). Jumlah kumulatif bahan digital Pusat Sumber ialah 35,510.

Pada 26 September 2017, Pusat Sumber telah melancarkan portal di <http://pusatsumber.kkmm.gov.my> bagi

menggantikan portal sedia ada (<http://ilmu.kkmm.gov.my>) yang telah beroperasi sejak tahun 2007.

AKTIVITI PUSAT SUMBER

Berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Pusat Sumber KKMM bagi tahun 2017:

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	Sambutan Hari Buku Sedunia	26 April 2017	126
2.	Bengkel Teknik Bercerita	27 April 2017	126
3.	Lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2017	4 Mei 2017	31
4.	Hari Terbuka Pusat Sumber : Jom Sihat Bersama Pusat Sumber	24 - 26 Mei 2017	130
5.	Library 2u Aras 35 Aras 27	8 Jun 2017 28 Julai 2017	65
6.	Bengkel Literasi Maklumat Sistem ILMU Ookbee	17 Ogos 2017 31 Oktober 2017	48
7.	Pameran Kemerdekaan	28 Ogos - 18 September 2017	237
8.	Pameran sempena Bulan Bahasa Kebangsaan	1 - 30 Oktober 2017	208

Rajah 1: Perkhidmatan BPM



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

PERANAN DAN FUNGSI BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) KKMM berperanan sebagai peneraju strategik dalam pelaksanaan program-program ICT Kementerian dan Jabatan/ Agensinya. Perkhidmatan utama BPM adalah seperti berikut:


SOKONGAN TEKNIKAL ICT

BPM bertanggungjawab menyediakan bantuan khidmat teknikal dan sokongan ICT bagi program-program anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Pusat Media Pilihan Raya. Kemudahan yang disediakan adalah merangkumi komputer peribadi, komputer riba, pencetak, talian internet, talian telefon dan talian faks. Khidmat sokongan teknikal ICT yang disediakan oleh BPM sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

Rajah 1: Perkhidmatan BPM



Rajah 3 : Pilihan Raya Sepanjang Tahun 2017



RANGKAIAN

Perkhidmatan rangkaian tanpa wayar KKMM (KKMM-Guest) disediakan secara percuma kepada pengunjung dan warga KKMM dengan kapasiti kelajuan sehingga 400Mbps. Liputan capaian adalah meliputi setiap aras di Kompleks KKMM. Kemudahan yang disediakan selaras dengan misi kementerian iaitu Menghubung Rakyat dan Membina Masyarakat Bermaklumat.

KESELAMATAN SIBER DAN PERKHIDMATAN PUSAT DATA

Persekitaran Siber perlu dipastikan sentiasa berada dalam situasi selamat dan rendah risiko insiden bagi memastikan perkhidmatan ICT yang diyakini dan dipercayai berdasarkan amalan terbaik dan garis panduan pada Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKSSA). Perkhidmatan Pusat Data KKMM juga diurus dan dipantau bagi memastikan ketersediaan operasi yang optimum serta meminimumkan gangguan ke atas perkhidmatan Rangkaian, Portal dan Sistem Aplikasi di KKMM. Pada tahun 2017, ketersediaan operasi Pusat Data KKMM adalah 99.66%.

Rajah 4 : Antara Muka Sistem



PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM APLIKASI

Sepanjang tahun 2017, sistem yang sedang dibangunkan ialah Sistem Pengurusan Kelulusan Ke Luar Negara dan Sistem e-PUSPAL masing-masing untuk kegunaan Bahagian Kewangan/ Jabatan/Agensi KKMM dan Unit PUSPAL. Sistem ini akan selesai dibangunkan pada tahun 2018. Selain itu, sistem eVoting Majlis Bersama Jabatan (MBJ) juga telah dibangunkan melalui perkongsian pintar bersama pihak MAMPU. Sistem ini telah digunakan untuk pencalonan dan pemilihan ahli MBJ secara dalam talian bagi sesi 2017 hingga 2019.

Sepanjang 2017 sebanyak 24 sistem aplikasi telah diselenggara dan ditambah baik. BPM juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal untuk Sistem Airtime Revenue Management (ARMS), Sistem Integrated Library Management Utility (ILMU), Sistem Pengurusan Keselamatan Bersepadu (SPKB) dan Projek Pelaksanaan Pengurusan Maklumat Bersepadu dan Pengurusan Media Sosial (RADAR).

PENGURUSAN PORTAL

Portal Rasmi KKMM merupakan saluran utama untuk menyampaikan maklumat perkhidmatan dan program terkini KKMM kepada rakyat.

BPM bersama-sama dengan UKK bertanggungjawab dalam pengemaskinian kandungan portal. Sepanjang 2017 sebanyak 821 pengemaskinian kandungan portal dilakukan manakala seramai 254,662 orang pengunjung telah melayari portal Rasmi KKMM ini. Di antara kandungan utama yang

dikemaskini adalah Ucapan Menteri / Timbalan Menteri / KSU, kenyataan / siaran media dan gambar-gambar aktiviti / program Kementerian dan Jabatan/Agensi.

Pengemaskinian Kandungan Portal Rasmi KKMM



Aktiviti / Program KKMM dan Jabatan / Agensi



Ucapan Menteri / Timbalan Menteri / KSU KKMM



Perolehan Tender

SOKONGAN APLIKASI EG

BPM berperanan sebagai pentadbir sistem bagi aplikasi EG seperti Sistem Pengurusan Aset (SPA), Digital Document Management System 2.0 (DDMS), MyMesyuarat 2.0 dan Aplikasi Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT). BPM juga menyediakan khidmat sokongan teknikal bagi aplikasi EG yang lain seperti Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS), Sistem Pemantauan Projek (SPPII), IMEX ICU, 1GovUC dan 1Gov*Net.

LATIHAN ICT

Sepanjang 2017, BPM telah melaksanakan sebanyak sembilan (9) latihan ICT bagi personel IT kementerian dan jabatan/agensi di bawahnya melibatkan seramai 133 penyertaan. Butiran latihan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Rajah 1: Latihan ICT BPM

Wireless Network Security 18 - 20 April 20 orang	Sistem Pengoperasian CentOS 24 - 26 Oktober 20 orang	APPGen Tools Development Intermediate 6 - 9 November 20 orang
Adobe After Effect Advance 24 - 27 Julai 20 orang	Pembangunan Mobile Application 2 - 5 Oktober 20 orang	Training Lead Assessor ISO/IEC 27001:2013 ISMS 13 - 17 November 3 orang
Ransomware dan Cyberthreat Mitigation 23 - 25 Ogos 10 orang	BIND DNS 26 - 28 September 20 orang	Security Posture Compliance, Assessment dan Penetration Testing 28 - 30 November 10 orang

PENCAPAIAN

AUDIT PENSIJILAN SEMULA BAGI PENSIJILAN INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM (ISMS) ISO/IEC 27001:2013

KKMM berjaya memperolehi pensijilan semula ISMS ISO/IEC 27001:2013 bertarikh 30 Oktober 2017 bagi skop "Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Ke Atas Perkhidmatan Portal Rasmi Dan Sistem ePUSPAL Bagi Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM)" melalui Audit Pensijilan Semula (Recertification Audit) SIRIM yang telah dilaksanakan pada 16 dan 17 Oktober 2017.

Sijil ISMS ISO/IEC 27001:2013 KKMM



PROGRAM HACKATHON APLIKASI MUDAH ALIH 2017


Penyertaan KKMM dalam Program Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2017 telah diwakili oleh 3 orang pegawai BPM KKMM dan seorang pegawai BERNAMA. Pasukan KKMM yang dikenali sebagai Patrio AIRA telah membangunkan aplikasi mudah



Kumpulan Patrio AIRA

alih iAktivitiKKMM yang menawarkan informasi program anjuran KKMM dan Jabatan/Agensi.

Hackathon Aplikasi Mudah Alih 2017 telah berlangsung secara berterusan selama 24 jam pada 11 - 12 September 2017. Majlis perasmian diadakan pada 11 September 2017 di Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Cyberjaya dengan tema Biar Aplikasi Berbicara.



Aplikasi iAktivitiKKMM

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT JABATAN/AGENSI KKMM

Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT yang kos efektif dan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi untuk tempoh masa tertentu.

Pembangunan PSTM Jabatan/Agensi KKMM dilaksanakan secara dalaman dengan penglibatan jabatan/agensi seperti JAPEN, JASA, RTM, IPPTAR, JPDP, BERNAMA dan FINAS. Bengkel untuk merangka visi, misi, strategi dan program ICT telah diadakan pada 21 hingga 22 Ogos 2017 manakala bengkel untuk mengenal pasti dan merancang pelan tindakan ICT termasuk anggaran kos dan prioriti program telah diadakan pada 6-7 November 2017.



Gambar sekitar Bengkel PSTM Jabatan/Agensi KKMM



SEKTOR OPERASI

044 BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK

056 BAHAGIAN KAWALAN DAN
PEMATUHAN

060 BAHAGIAN INFRASTRUKTUR
DAN APLIKASI

062 UNIT PUSPAL



SEKTOR OPERASI

BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK

Bahagian Komunikasi Strategik (BKS) berperanan sebagai pusat pengurusan maklumat yang membekalkan maklumat strategik kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Di samping itu, BKS juga berperanan sebagai perunding komunikasi dalam pengurusan acara-acara rasmi Kerajaan peringkat negara dan juga program-program peringkat antarabangsa.

Enam (6) cawangan utama di BKS iaitu Pusat Pengurusan Maklumat Strategik, Cawangan Hubungan Komunikasi, Cawangan Media Siber, Cawangan Pengesanan Siaran, Cawangan *Call Center* dan Cawangan Hubungan Media bertanggungjawab dalam memastikan program dan aktiviti BKS bagi tahun 2017 dilaksanakan dengan jayanya.

PUSAT PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK

Pusat Pengurusan Maklumat Strategik bertanggungjawab untuk menyediakan laporan analisis isu-isu semasa yang dijadikan rujukan bagi merancang pelan komunikasi dan pelan intervensi dalam menangani isu-isu semasa. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 477 Laporan Pemantauan dan Analisis Isu Harian (Berita) serta 49 Laporan Analisis KKMM telah disediakan. Cawangan ini juga telah menyediakan sebanyak 45 Laporan Analisis Mingguan Mengenai Isu Nasional untuk pelaporan kepada Jawatankuasa StratComm.

CAWANGAN HUBUNGAN KOMUNIKASI

Dalam memastikan masyarakat dapat memahami dan menghayati dasar Kerajaan serta isu-isu semasa, Cawangan Hubungan Komunikasi telah menganjurkan program Taklimat dan

Kerjasama Strategik Dengan Agen Perubah Masyarakat. Kumpulan sasar program ini ialah *Key Communicators* yang terdiri daripada warga Jabatan dan Agensi di bawah KKMM, Agensi Kerajaan Peringkat Negeri, Ahli NGO / Pemimpin Pendapat, Pemimpin Pelajar Institut Pengajian Tinggi dan belia. Tujuh (7) program taklimat yang telah diadakan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut :

Bil.	Program	Tarikh	Tempat
1.	Taklimat Isu Semasa Zon Tengah	1 Mac 2017	Dewan Perdana, UKM
2.	Program <i>Town Hall</i> Isu-isu Semasa Parlimen Machang	19 Mac 2017	UiTM Machang, Kelantan
3.	Taklimat Isu-isu Semasa 2017	13 April 2017	ILP Bukit Katil, Melaka
4.	Taklimat Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak	17 Julai 2017	Dewan Serbaguna, KKMM
5.	Dialog TN50 Bersama YBhg. Tan Sri Dr. Ketua Setiausaha KKMM	28 September 2017	Dewan Serbaguna, KKMM
6.	Taklimat Memahami Dasar Ekonomi Negara	28 September 2017	Dewan Serbaguna, KKMM
7.	Taklimat Khas Bajet 2018	31 Oktober 2017	Dewan Serbaguna, KKMM

Program ini merupakan platform yang berkesan dalam meningkatkan ilmu pengetahuan *Key Communicators* di samping memberi ruang kepada mereka untuk mendapatkan penjelasan terperinci topik dan isu yang disampaikan. Selain itu, mereka juga boleh bertukar-tukar pandangan dan mencari idea baru bersama-sama dengan pakar-pakar dalam bidang berkaitan termasuk anggota pentadbiran Kerajaan.

Program Taklimat Isu Semasa Zon Tengah Di Dewan Perdana, UKM PADA 1 Mac 2017



Sesi bergambar selepas pelancara program oleh YB Dato' Sri Jallani Johari, Timbalan Menteri KKMM



Sesi taklimat ancaman militan oleh Polis Diraja Malaysia

Program Taklimat Isu- Isu Semasa 2017 di ILP Bukit Katil, Melaka Pada 13 April 2017



Sesi Ramah Mesra YB Timbalan Menteri KKMM bersama peserta



Majlis Pelancaran Program Taklimat Isu-isu Semasa Zon Selatan

Program Taklimat Khas Bajet 2018 di Dewan Serbaguna B1, Kompleks KKMM pada 31 Oktober 2017



Sesi taklimat oleh wakil Kementerian Kewangan



Sesi bergambar setelah tamat sesi soal jawab

Program Dialog TN50 KKMM Bersama Ybng. Tan Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad di Dewan Serbaguna B1, Kompleks KKMM Pada 28 September 2017



Sesi dialog TN50 oleh YBhg. Tan Sri KSU KKMM



Sesi bergambar peserta program setelah tamat sesi dialog

Program Taklimat "Memahami Dasar Ekonomi Negara" di Dewan Serbaguna B1, Kompleks KKMM Pada 28 September 2017



Taklimat oleh wakil Kementerian Kewangan



Sesi bergambar setelah tamat sesi soal jawab

Program Taklimat Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak Di Dewan Serbaguna B1, Kompleks KKMM Pada 17 Julai 2017



Taklimat oleh wakil PDRM



Sesi bergambar selepas tamat program

CAWANGAN MEDIA SIBER

Cawangan Media Siber telah menghasilkan sebanyak 460 bahan-bahan info grafik dan 25 video bagi tujuan penjelasan isu-isu, dasar dan program-program Kerajaan sepanjang tahun 2017. Bahan-bahan ini telah disebar melalui platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *WhatsApp* yang berkaitan.

Selain itu, sebanyak tiga (3) siri Program Rakan Strategik Media Siber telah dijalankan dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat semua Kementerian, Jabatan Penerangan Malaysia dan Institut Pengajian Tinggi Awam seperti berikut :

Bil.	Program	Tarikh	Tempat
1.	Program Rakan Strategik Media Siber Siri 1/2017 - Pegawai Perhubungan Awam dan Pegawai Komunikasi Strategik Kementerian	13 - 15 Februari 2017	Aras 4, Bilik Sumber, KKMM
2.	Program Rakan Strategik Media Siber Siri 2/2017 - Mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu	23 - 25 Februari 2017	Universiti Malaysia Terengganu
3.	Program Rakan Strategik Media Siber Siri 3/2017 - Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia	11 - 13 Mei 2017	Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor

Program Rakan Strategik Media Siber – 1/2017 (Unit Komunikasi Korporat / Unit Komunikasi Strategik Di Kementerian) 13-15 Februari 2017



Program Rakan Strategik Media Siber – 2/2017 UMT (23 – 25 Februari 2017)



Program Rakan Strategik Media Siber – 3/2017 UTM (11 – 13 Mei 2017)



Program ini bertujuan untuk membina dan memperluaskan rangkaian kerjasama strategik di kalangan Pegawai Perhubungan Awam dan Pegawai Komunikasi Strategik Kementerian serta kalangan belia supaya menjadi agen yang berpengaruh dalam membantu menyebarkan maklumat Kerajaan dengan cepat, tepat, sah dan kreatif kepada masyarakat.

CAWANGAN PENGESANSIARAN

Cawangan Pengesanan Siaran bertanggungjawab dalam memantau 17 stesen televisyen dan 23 stesen radio dalam dan luar negara bagi mengenal pasti isu-isu yang disiarkan melalui stesen-stesen tersebut. Sepanjang tahun 2017, cawangan ini telah menyediakan sebanyak 263 laporan pemantauan bagi stesen televisyen dan stesen radio tersebut.

Di samping itu, cawangan ini turut menyediakan sebanyak 11,608 laporan verbatim mengenai rancangan berita dan program yang dikenalpasti melalui stesen televisyen dalam dan luar negara,

manakala sebanyak 13,286 laporan verbatim turut disediakan bagi stesen radio dalam dan luar negara.

CAWANGAN CALL CENTER

Cawangan Call Centre telah melaksanakan lima (5) kajian pendapat awam mengenai isu-isu semasa melalui temu bual telefon bagi tahun 2017. Di samping itu, sebanyak 25 bahan infostatistik mengenai trend persepsi rakyat berdasarkan hasil dapatan kajian telah disediakan.

Bagi tahun 2017, pangkalan data responden kajian telah bertambah sebanyak 50,000 menjadikan jumlah keseluruhan data meningkat kepada 1.9 juta responden di dalam sistem *Call Centre*.

CAWANGAN HUBUNGAN MEDIA

Sebanyak 23 pelan komunikasi bagi tujuan publisiti dan promosi acara-acara rasmi kerajaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa tahun 2017 merangkumi acara-acara dan majlis-majlis seperti:

- Tujuh (7) pelan komunikasi bagi acara / majlis rasmi melibatkan SPB Yang Di-Pertuan Agong seperti Pelan Promosi dan Publisiti Sempena Pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V;
- 13 pelan komunikasi bagi acara dan kempen kerajaan peringkat kebangsaan seperti Pelan Komunikasi Program Banteras Jenayah Seksual Kanak-kanak dan Pelan Media *My Beautiful Malaysia Day 2.0* Tahun 2017; dan
- Tiga (3) pelan komunikasi bagi acara dan kempen kerajaan peringkat antarabangsa seperti Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9.

Majlis Tilawah dan Hafazan Peringkat Antarabangsa Tahun 1438H / 2017M (15-20 Mei 2017)



Majlis Sambutan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Kebangsaan Tahun 1439H / 2017M



Majlis Pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V



Antara bahan infografik, bunting dan pemasangan banner sempena Pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V



Temu bual slot bersama YBrs. Puan Normi Binti Nordin, TKSU (Pengurusan) JPM sempena Pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V di Selamat Pagi Malaysia (SPM) TV1



Temu bual slot bersama YBhg. Professor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim sempena Pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V di Selamat Pagi Malaysia (SPM) TV1 dan di radio Nasional FM



Suasana sekitar Istiadat Pertabalan KDYMM SPB Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V pada 24 April 2017 di Istana Negara



Suasana sekitar Majlis Santapan Diraja pada 24 April 2017 di Istana Negara sempena Pertabalan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V



Pegawai bertugas BKS bersama YBhg. Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, TKSUK, Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Pengurusan Atasan semasa Majlis Santapan Diraja pada 24 April 2017 di Istana Negara

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XV Sultan Muhammad V



Antara bahan infografik, bunting dan web banner sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV 2017

Program Banteras Jenayah Seksual Kanak-kanak untuk Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan !! pada 13 dan 14 Mac 2017 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)



Slot di Dialog RTM TV1 bersama YB Dato' Sri Azalina Binti Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan topik Isu & Undang-undang Berkaitan Jenayah Seksual Kanak-kanak siaran pada 8 Mac 2017 (Rabu) jam 9.00 malam.



Slot di Wanita Hari Ini TV3 bersama YBrs. Dr Geshina Ayu Mat Saad, Pakar Psikologi dan Kriminologi, USM dan selebriti En. Fahrin Ahmad dengan topik Perwatakan Kriminogenik Pedofilia pada 2 Mac 2017 (Khamis) jam 12.00 tengah hari



Slot di radio Nasional fm bersama YBrs. En. Arfan Sulaiman, Pengarah Bahagian Kanak-kanak, JKM dengan topik Peranan JKM Menangani Jenayah Seksual Kanak-kanak siaran pada 21 Februari 2017 (Selasa) jam 9.15 pagi.



Slot di Radio Bernama bersama YBhg. Datin Dr. Sheila Marimuthu, Pakar Perunding Kanak-kanak dan Remaja, HKL dengan topik Perawatan Kanak-kanak dan Remaja Mangsa Jenayah Seksual pada 6 Mac 2017 (Isnin) jam 8.30 pagi



Antara bahan kempen sempena Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan !!



Sekitar lawatan YBhg. Tan Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, KSU KKMM ke Pusat Media KKMM: Seminar Jenayah Seksual Kanak-kanak: Hentikan !!

Program Promosi dan Publisiti Kempen Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) 2017



Temu bual slot TV di RTM bersama YB Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed, Timbalan Menteri Dalam Negeri I, (KDN) pada 25 Januari 2017 dengan topik Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran.



Temu bual slot TV di RTM bersama YBhg. Dato' Sri Alwi Hj. Ibrahim Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri pada 26 Julai 2017 dengan topik Malaysia Serius Perangi Pemerdagangan Orang



Penerbitan Buku Kecil 2017 Tajuk: Pemerdagangan Manusia



Temu bual slot radio di Traxx fm bersama YB Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed, Timbalan Menteri Dalam Negeri I, (KDN) pada 25 Januari 2017 dengan topik Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran.



Temu bual slot di KL fm Tuan Mohamed Fauzi bin Ismail, Pengarah Bahagian Pencegahan ATIPSOM & AMLA, Jabatan Imigresen Malaysia pada 17 Mei 2017 dengan topik Peranan Imigresen dalam Antipemerdagangan dan Antipenyeludupan Migran

Persidangan & Pameran Keselamatan & Kesihatan Perkerjaan Kali Ke-20 (COSH) 18 hingga 19 Sept 2017 di PICC, Putrajaya.



Slot di Dialog RTM TV1 bersama YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dengan topik Persidangan COSH 2017 pada 6 Sept 2017 (Rabu) jam 9.30 malam



Slot di SPM TV1 bersama YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dengan topik Persidangan COSH 2017 pada 17 Sept 2017 (Ahad) jam 8.15 pagi.



Slot di MHI TV3 bersama YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dengan topik Persidangan COSH 2017 pada 19 Sept 2017 (Selasa) jam 8.00 pagi.

Program Kesedaran Hentikan Jenayah Kerjasama Strategik Kerajaan Bersama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) 2017



Slot di Program Suara Kita Hak Kita bersama Master Saiful Hamiruzzaman Mohd Hazir (Perunding Keselamatan dan Pertahanan Diri MCPF KL) dengan topik Selamatkah Kita pada 2 Okt 2017



Slot di Apa Kata Wanita (AKW) bersama Master Saiful Hamiruzzaman Mohd Hazir (Perunding Keselamatan dan Pertahanan Diri MCPF KL) dengan topik Haruan Makan Anak pada 23 Sept 2017



Slot di Dialog RTM TV1 YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, Naib Pengerusi Kanan MCPF dan SAC Mustafa Khan Abdul Samat, Ketua Penolong Pengarah (Kepolisian Komuniti) dengan topik Kebimbangan Gejala Sosial di Malaysia pada 29 Nov 2017




Slot di MHI TV3 bersama YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi MCPF dengan Dadah Bawa Padah, Hentikan Jenayah pada 22 Dis 2017

Sukan SEA ke-29



Sekitar suasana aktiviti di Pusat Media KL2017 yang beroperasi pada 10 hingga 30 Ogos 2017 bagi temasya Sukan SEA dan 17 hingga 23 September 2017 bagi Sukan Para ASEAN.



Sekitar suasana Perasmian Sukan SEA ke-29 di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 19 Ogos 2017

BAHAGIAN KAWALAN DAN PEMATUHAN

PENCAPAIAN

PAMERAN PERKHIDMATAN PANGGILAN KECEMASAN MERS 999 SEMPENA SAMBUTAN HARI TELEKOMUNIKASI DAN MASYARAKAT BERINFORMASI SEDUNIA 2017 pada 21 Mei 2017 bertempat di Pejabat Pos dan Pusat Internet Desa (PID), Tanjung Keling Melaka.

Penglibatan Bahagian Kawalan Dan Pematuhan (BKM) dalam program ini adalah bagi mempromosikan perkhidmatan panggilan kecemasan MERS 999 kepada masyarakat awam khususnya dalam memberi pendedahan berkenaan panggilan palsu yang



Pegawai BKM dan pengendali pameran MERS 999

mengakibatkan kesan negatif terhadap perkhidmatan panggilan kecemasan.

MERS 999 ialah inisiatif Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan bantuan kecemasan menerusi 1 nombor utama iaitu 999. Panggilan kecemasan 999 akan diterima oleh operator MERS 999 dan akan menyambungkan panggilan berkenaan ke agensi yang tertentu berdasarkan jenis kecemasan yang dihadapi oleh pemanggil.

LAWATAN KERJA BADAN PENANGGULANGAN BENCANA DAERAH IBUKOTA KHUSUS JAKARTA (BPBD DKI JAKARTA / REGIONAL DISASTER MANAGEMENT AGENCY OF JAKARTA) KE MERS 999

Pada 20 September 2017, Badan Penanggulangan Bencana Daerah Ibukota Khusus Jakarta (BPBD DKI Jakarta / *Regional Disaster Management Agency of Jakarta*), Indonesia melakukan lawatan kerja ke Malaysia bagi melihat dengan lebih dekat pengoperasian sistem MERS 999. Program lawatan kerja ini diadakan di bangunan Telekom Malaysia Annex 2 Bangsar, yang menempatkan *Response Center (RC)* Kuala Lumpur dan juga lokasi utama di mana MERS 999 beroperasi.

BPBD DKI JAKARTA adalah sebuah agensi pengurusan bencana yang bertanggungjawab untuk menentukan garis panduan dan hala tuju mengenai usaha bantuan yang adil dan saksama termasuk pencegahan bencana, tindak balas kecemasan, pemulihan, dan pembinaan semula bagi Daerah Khusus Ibukota Jakarta (DKI Jakarta).



Delegasi BPDP DKI JAKARTA menyampaikan taklimat



Pegawai TM dan delegasi BPDP DKI JAKARTA



Pegawai BKM, TM dan delegasi BPDP DKI JAKARTA

PENYERTAAN WAKIL BAHAGIAN KAWALAN DAN PEMATUHAN (KKMM) BERSAMA-SAMA WAKIL SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM) KE THE 2ND MEETING OF THE ASIA-PACIFIC TELECOMMUNITY CONFERENCE PREPARATORY GROUP FOR WORLD RADIOCOMMUNICATION CONFERENCE 2019 (APG19-2)

The 2nd Meeting of the Asia-Pacific Telecommunity (APT) Conference Preparatory Group for World Radiocommunication Conference 2019 (APG19-2) merupakan kitaran mesyuarat yang kedua bagi persediaan World

Radiocommunication Conference 2019 (WRC-19) selepas berakhirnya WRC-15 pada November 2015 yang lalu. Mesyuarat pada kali ini memberi fokus kepada persiapan awal untuk persediaan WRC-19 dan juga *Radiocommunication Assembly 2019 (RA-19)*.

APG19-2 yang telah berlangsung pada 17 hingga 21 Julai 2017 di Bali, Republik Indonesia telah dihadiri oleh 390 peserta dari 25 negara ahli, 23 ahli bersekutu, 4 organisasi antarabangsa serantau dan 18 organisasi lain-lain. Delegasi Malaysia ke APG19-2 yang terdiri daripada pegawai

KKMM, SKMM dan juga wakil agensi berkaitan berjumlah 14 orang dan diketuai oleh Ketua Pegawai, Sektor Pengurusan Spektrum dan Penomboran, Pelesenan dan Kawal Selia Ekonomi, SKMM sebagai Ketua Delegasi.

Mesyuarat APG-19 bertujuan untuk membincangkan penyediaan Preliminary APT Common Proposal (PACP) di mana semua negara termasuk Malaysia akan mengemukakan pendirian masing-masing berkenaan Agenda Item WRC-19 sebelum PACP dimuktamadkan dan dibawa ke WRC-19.



The 2nd Meeting of the Asia-Pacific Telecommunity (APT) Conference Preparatory Group for World Radiocommunication Conference 2019 (APG19-2) 17 - 21 Julai 2017 di Bali, Indonesia.

PENYERTAAN WAKIL BAHAGIAN KAWALAN DAN PEMATUHAN (KKMM) BERSAMA-SAMA WAKIL SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM) KE 22ND MEETING OF ASIA PACIFIC TELECOMMUNITY WIRELESS GROUP (AWG-22)

Asia Pacific Telecommunity Wireless Group (AWG) merupakan kumpulan kerja yang telah ditubuhkan di bawah Asia-Pacific Telecommunity (APT) bertujuan untuk berkongsi maklumat hasil kajian oleh pakar-pakar dari negara rantau

Asia Pasifik mengenai perkembangan terbaru teknologi telekomunikasi tanpa wayar dan aplikasi radio komunikasi, yang berkaitan dengan penggunaan masa kini dan masa depan jalur spektrum seperti terdapat dalam Resolusi *World Radiocommunication Conference (WRC)*. Mesyuarat AWG ini diadakan secara berkala setiap tahun atau dua kali setahun yang mana AWG-22 ini merupakan mesyuarat kali kedua yang diadakan pada tahun 2017.

AWG-22 yang telah berlangsung pada 25 hingga 29 September 2017 di Busan, Republik Korea telah dihadiri oleh 188 peserta yang mewakili negara ahli, ahli bersekutu, organisasi antarabangsa/serantau dan organisasi lain-lain. Seramai tiga orang pegawai KKMM dan SKMM serta tiga orang wakil industri telekomunikasi dari Malaysia telah menghadiri mesyuarat tersebut.



The 22nd Meeting of APT Wireless Group (AWG-22) yang berlangsung pada 25 hingga 29 September 2017 di Busan, Republik Korea

LAWATAN KERJA YDH TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA KE RESPONSE CENTER (RC) TM ANNEXE 2, 10 NOVEMBER 2017



Encik Rosmahyuddin menyampaikan taklimat kepada delegasi PDRM



Delegasi PDRM, pegawai BKM, dan pegawai TM yang turut hadir



Lawatan YDH Tan Sri Dato' Sri Noor Rashid bin Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara ke Response Center 999



Penyampaian cenderamata sebagai tanda ingatan oleh Encik Rosmahyuddin kepada YDH Tan Sri Dato' Sri Noor Rashid bin Ibrahim, Timbalan Ketua Polis Negara

BAHAGIAN INFRASTRUKTUR DAN APLIKASI

Dalam menerajui era digital dan globalisasi masa ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) memberi penumpuan dalam mewujudkan rakyat Malaysia yang terhubung dan bermaklumat menerusi saluran telekomunikasi yang berkesan.

Masyarakat Terhubung-teras ini menerangkan tiga (3) langkah-langkah strategik dalam menerokai aspek infrastruktur telekomunikasi negara seperti memperluaskan liputan dan menaiktaraf infrastruktur jalur lebar, meningkatkan kelajuan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar serta meningkatkan kualiti perkhidmatan penyiaran negara. Inisiatif-inisiatif yang diambil dalam menekankan aspek peningkatan kelajuan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar negara yang meliputi semua kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Pelaksanaan NBI berlandaskan tiga (3) pelan iaitu:

INISIATIF JALUR LEBAR NEGARA (NBI)

Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi
(High Speed Broadband - HSBB)

Jalur Lebar Untuk Orang Awam
(Broadband for General Population - BBGP)

Jalur Lebar Pinggir Bandar
(Sub Urban Broadband - SUBB)

(i) Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (High Speed Broadband – HSBB 2)

Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (High Speed Broadband - HSBB 2) merupakan pelaksanaan NBI dalam menawarkan perkhidmatan infrastruktur jalur lebar. Pelaksanaannya adalah melalui konsep perkongsian awam dan swasta (Public Private Partnership - PPP) antara Kerajaan dan Telekom Malaysia Berhad (TM) yang bermula pada tahun 2015 dan tamat pada tahun 2024.

Projek HSBB 2 adalah kesinambungan dari Projek HSBB sebelum ini yang mensasarkan peluasan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi ke semua ibu negeri dan bandar-bandar utama

yang terpilih di seluruh Malaysia dengan capaian kelajuan sehingga 100Mbps. Secara kumulatifnya, sebanyak 496,660 sambungan *ports* telah berjaya disediakan menerusi pembinaan 95 ibu sawat dan mencecah sehingga 127% jika berbanding dengan sasaran asal iaitu sebanyak 390,000 *ports*.

(ii) Jalur Lebar Untuk Orang Awam (Broadband for General Population - BBGP)

Bagi memastikan usaha dan tindakan yang lebih baik, pelaksanaan BBGP berlaku di kawasan pinggir bandar dan luar bandar yang melibatkan dua aktiviti utama:

- Membina rangkaian baru (bagi kawasan *greenfield*) dengan kelajuan minimum 1Gbps; dan
- Menaiktaraf rangkaian sedia ada (bagi kawasan *brownfield*) 10 Gbps keseluruhannya dengan setiap sambungan diperuntukkan sebanyak 500 Mbps.

Projek ini terbahagi kepada 3 peringkat peluasan pelaksanaan iaitu:

- **Peringkat 1: Sabah dan Sarawak**
Projek ini bermula pada bulan Julai 2012 dan telah siap pada penghujung 2013. Ia melibatkan pemasangan 76 sambungan gentian optik (*fiber optic*) sepanjang kira-kira 2,462.30 fiber kilometer (fkm).
- **Peringkat 2: Semenanjung Malaysia (Kedah, Perak, Pahang, Terengganu dan Kelantan)**
Projek ini bermula pada bulan Jun 2014 dan telah siap pada penghujung 2014. Ia melibatkan pemasangan 7 sambungan gentian optik sepanjang kira-kira 262 fkm.
- **Peringkat 3: Semenanjung Malaysia (Pahang, Perak, dan Terengganu)**
Projek ini bermula pada bulan September 2015 dan telah siap pada penghujung 2017. Ia melibatkan pemasangan 4 sambungan gentian optik sepanjang kira-kira 162 fkm.

(iii) Jalur Lebar Pinggir Bandar (Sub Urban Broadband - SUBB)

Inisiatif Projek Jalur Lebar Pinggir (Sub Urban Broadband - SUBB) pula memberi fokus dalam peningkatan kapasiti dan perkhidmatan jalur lebar di pinggir bandar. Secara sasarannya, sebanyak 400 ibu sawat akan dibangunkan dan 420,000 *port* akan disediakan di kawasan pinggir bandar berasaskan infrastruktur hibrid yang membolehkan kelajuan lebar jalur sehingga 20 Mbps.

Pada tahun 2017, jumlah *port* yang membekalkan internet jalur lebar berkelajuan sehingga 20 Mbps di kawasan pinggir bandar melalui projek ini telah mencecah sebanyak 366,294 *port* (116%). Inisiatif SUBB yang dilaksanakan mulai tahun 2015 hingga tahun 2019 dijangka dapat menyediakan capaian jalur lebar

sehingga 50% isi rumah di pinggir bandar dan luar bandar. Inisiatif ini akan memberikan sumbangan kepada penembusan 95% jalur lebar ke kawasan berpenduduk menjelang tahun 2020.

PUSAT INTERNET DESA (PID)

Pusat Internet Desa (PID) adalah satu inisiatif penubuhan *telecenter* di bawah Kementerian dengan pengoperasian sebanyak 33 buah PID di seluruh Malaysia pada tahun 2017. PID telah dibangunkan dengan kerjasama POS Malaysia Berhad dan ditempatkan di sebelah pejabat POS sebagai tumpuan ramai. Penubuhan PID bertujuan untuk memperkasa komuniti dan merapatkan jurang digital antara penduduk luar bandar dan bandar melalui kemudahan-kemudahan yang disediakan

oleh Kementerian. PID menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti internet, latihan asas ICT, pembangunan web dan blog. Peranan PID ditambah dengan pelbagai aktiviti untuk komuniti setempat seperti bengkel, seminar dan juga karnival-karnival pembangunan komuniti dan juga usahawan.

Pada tahun 2017, seramai 7,802 orang telah mengikuti Kelas Asas ICT, manakala Kelas Lanjutan ICT dikunjungi sebanyak 6,787 orang. Bagi pengoperasian Bengkel e-Kerajaan, sebanyak 751 sesi telah diadakan bagi mendedahkan orang awam tentang sistem-sistem Kerajaan yang telah dibangunkan demi kemudahan rakyat. Selain itu, PID turut menawarkan latihan bagi usahawan-usahawan mikro dalam mengendalikan urusan perniagaan mereka yang telah berjaya mencecah jumlah seramai 436 orang.



MALAYSIA INKLUSIF NEGARA DIGITAL (MINDA)

Program MINDA merupakan program yang berimpak tinggi serta memberi banyak manfaat kepada masyarakat serta negara. Justeru itu, terdapat beberapa asas pertimbangan program ini dilaksanakan:

- Memberi kesedaran dan kefahaman kepada rakyat dalam mendepani perkembangan teknologi komunikasi terbaru di Malaysia;
- Merupakan platform untuk rakyat merebut peluang menjana pendapatan secara dalam talian (*online*) sejajar dengan pembangunan teknologi semasa;
- Memupuk keyakinan terhadap agensi-agensi kerajaan yang melaksanakan pelbagai pelan pembangunan dalam sektor teknologi komunikasi;
- Meningkatkan jalinan hubungan antara rakyat dengan kerajaan serta sektor swasta supaya bersama-sama merealisasikan perancangan pembangunan dalam sektor telekomunikasi di Malaysia; dan
- Meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat mengenai ancaman media siber agar rakyat dapat hidup dalam suasana harmoni dan sejahtera.

Pada tahun 2017, Program MINDA telah berlangsung di Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu, Sabah selama tiga (3) hari iaitu bermula pada 15 September hingga 17 September 2017 bersempena Perasmian Sambutan Hari Malaysia 2017. Antara pengisian aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Bengkel mengenai ICT dan ceramah-ceramah daripada usahawan dalam talian (*online*), *Klik dengan Bijak*

- (*MCMC*) dan *You Can Duit (MDeC)*;
- Permainan dalam talian dan konsol, pertandingan mewarna, pertandingan *games online*, Zon Digital, pertandingan karaoke serta banyak lagi aktiviti kekeluargaan yang menarik;

- Pertandingan Bintang P.Ramlee;
- Aktiviti sampingan dengan kerjasama agensi/Jabatan/ Kementerian lain; dan
- Persembahan Pentarama, Layar Bestari, Persembahan Artis Tempatan.

UNIT PUSPAL

Berdasarkan keputusan Kabinet pada tahun 2001, sebuah agensi pusat telah ditubuhkan bagi menyelaras, menimbangkan dan menyokong permohonan bagi penggambaran filem dan persembahan artis luar negara (ALN). Proses permohonan penggambaran filem dan persembahan ALN hendaklah melalui satu proses setempat yang diurusetikan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa PUSPAL (JK-PUSPAL) telah ditubuhkan yang diwakili oleh 17 Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam mempertimbangkan permohonan penggambaran filem dan persembahan ALN. Manakala, Unit Keurusetiaan JK-PUSPAL bertanggungjawab menyelaras dan memproses semua permohonan yang berkaitan.

Sepanjang tahun 2017, Mesyuarat JK-PUSPAL telah diadakan sebanyak **52 kali** secara mingguan dan telah membuat pertimbangan terhadap sejumlah **2,017 permohonan penggambaran dan persembahan ALN**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **1,861 permohonan telah disokong** yang melibatkan kemasukan seramai 10,516 artis dan kru luar negara. Bagi kategori **persembahan**, kemasukan ALN lelaki adalah seramai 3,699 orang iaitu 52.59% dan perempuan adalah seramai 3,335 orang iaitu 47.41%. Manakala bagi kategori **penggambaran**, kru luar negara lelaki adalah seramai 2,436 orang iaitu 69.96% dan perempuan adalah seramai 1,046 orang iaitu 30.04%.

Di samping menyelaras permohonan, Unit ini turut menjalankan pemantauan ke atas penggambaran, premis dan konsert yang disokong bagi memastikan pematuhan ke atas Garis Panduan PUSPAL.

Unit ini juga bertanggungjawab menyelaraskan sesi '*engagement*' di antara JK-PUSPAL bersama pihak industri untuk memberikan pendedahan berkaitan peranan dan tanggungjawab PUSPAL serta mengumpul maklumat-maklumat penambahbaikan sekiranya ada.





SEKTOR DASAR

- 066 BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
- 068 BAHAGIAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI
- 076 BAHAGIAN ANTARABANGSA
- 079 BAHAGIAN PEMBANGUNAN KANDUNGAN



SEKTOR DASAR

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK

Empat (4) cawangan utama iaitu Cawangan Perancangan Komunikasi, Cawangan Dasar Parlimen, Kabinet dan Perhubungan, Cawangan Pengurusan Data dan Cawangan Penyelidikan serta dibantu oleh Unit Pentadbiran.

Senarai kajian-kajian lapangan seperti berikut:

1. Kajian Kepuasan Pekerja Dalam Kalangan Anggota KKMM 2017 (Penilaian 2016)
2. Kajian Keberkesanan Penyampaian Maklumat Kerajaan 2017 (KPI KKMM)
 - Projek MRT (Sungai Buloh-Kajang)
 - Lebuhraya Pan Borneo Sarawak
 - Jenayah Seksual Kanak-Kanak
 - Sistem AWAS KEJARA
 - Projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL)
 - Penggunaan Produk Biodegradasi
 - Bajet 2018
3. Kajian Kepuasan Pelanggan (Luaran) KKMM 2017
4. Kajian Keberkesanan Program Menghubung Menyatu (NBOS-CTU) 2017
5. Kajian Pameran/Aktiviti KKMM 2017
6. Penerbitan Buku Buku Perangkaan dan Maklumat KKMM 2016

COMMUNICATIONS & MULTIMEDIA BLUEPRINT 2018 - 2025

KKMM telah membangunkan *Communication and Multimedia Blueprint 2018-2025 (CMB 2018-2025)* yang bertujuan untuk memangkinkan kemajuan sektor komunikasi dan multimedia negara. Dengan visi "A Connected, Informed & Digital Nation", pembangunan CMB 2018-2025 turut berpaksikan misi "Digitising & Humanising Communications". Terdapat 6 imperatif strategik yang telah digariskan di bawah CMB 2018-2025 iaitu *Connecting People, Strengthening Trust, Intensifying Engagement, Accelerating Innovation, Catalysing Creativity* dan

Empowering Talent serta dipandu dengan 15 teras polisi dan disokong oleh 36 program.

Penyediaan dokumen ini telah bermula pada bulan Ogos 2016 dan dilancarkan pada 11 Disember 2017. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak **14 Mesyuarat Teknikal, 3 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu** yang terdiri daripada 40 ahli mewakili sektor awam, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan, **8 Mesyuarat Editorial, 3 bengkel** yang telah dihadiri lebih daripada 200 orang ahli, **10 sesi libat urus bersama 25 Kementerian, Jabatan dan Agensi** serta **2 sesi libat urus bersama 30 pemain utama industri** telah diadakan.

JAWATANKUASA PENYELARAS KKMM (JKP-KKMM)

JKP-KKMM merupakan jawatankuasa KKMM yang bertindak di peringkat negeri yang dianggotai oleh Ketua-ketua Jabatan/Agensi di bawah KKMM seperti Jabatan Penerangan Negeri, Jabatan Penyiaran Negeri, JASA Negeri, BERNAMA Negeri dan SKMM Negeri. JKP-KKMM akan bertindak sebagai pelaksana bagi KKMM di peringkat negeri dalam usaha menjadikan sistem penyampaian dan penyaluran maklumat ke peringkat akar umbi sekali gus mempertingkatkan kerjasama antara Jabatan/Agensi di bawah KKMM. Sepanjang tahun 2017, KKMM telah mengadakan naziran **sebanyak 10 kali bagi 5 Zon** termasuk kunjungan Pengurusan Tertinggi sebanyak **3 kali**.

MESYUARAT MAJLIS PENERANGAN KEBANGSAAN

Mesyuarat Majlis Penerangan (MPK) merupakan mesyuarat tahunan yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama strategik yang lebih erat antara Kementerian dan Kerajaan Negeri. MPK juga akan menjadi platform utama untuk KKMM bagi membincangkan isu semasa yang melibatkan kepentingan KKMM, Kerajaan Negeri dan kesejahteraan rakyat. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Menteri Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang dianggotai oleh YB Timbalan Menteri KKMM, semua Exco Kerajaan Negeri yang memegang *portfolio*

berkaitan penerangan, komunikasi dan multimedia, Pihak Pengurusan Kementerian, Ketua-ketua Pengarah Jabatan/Agensi KKMM yang berkaitan dan Jawatankuasa Penyelaras KKMM (JKP-KKMM) di setiap negeri.

Pada tahun 2017, MPK telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 13 Februari 2017 dan 25 Mei 2017 di KKMM.



Ahli Mesyuarat Majlis Penerangan Kebangsaan Tahun 2017



Mesyuarat Majlis Penerangan Kebangsaan Tahun 2017

JAWATANKUASA PERANCANGAN DASAR (JKPD)

KKMM menerusi JKPD telah membincangkan serta memfokuskan kepada perancangan dasar strategik KKMM dalam meningkatkan keberkesanan fungsi dan peranan KKMM melalui pelaksanaan dasar oleh semua Jabatan/Agensi di bawah KKMM. JKPD turut membincangkan perkara berkaitan pemantauan pelaksanaan dasar dan penilaian impak yang bertujuan membuat penambahbaikan terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan.

DATA RAYA (BIG DATA)

Bagi tahun 2017, gerak kerja inisiatif Data Raya Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bertumpu kepada program peningkatan kesedaran dan kompetensi *champion* dan pelulus data KKMM terhadap Analitik Data Raya atau *Big Data Analytics (BDA)*. Beberapa program telah diadakan bagi tujuan

tersebut termasuk Bengkel Kesedaran BDA KKMM pada 22 Ogos 2017 dengan kerjasama daripada Telekom Malaysia Berhad (TM).

Bengkel tersebut bertujuan untuk berkongsi dan memberi penerangan berkenaan pelaksanaan BDA dalam perkhidmatan Kerajaan, pembangunan *use case* dan inisiatif BDA yang telah dilaksanakan oleh pihak TM bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain, sistem operasi *Research, Data, Analytics and Reporting (RADAR)* KKMM, pengenalan keperluan *use case* yang berkaitan dengan Bahagian/ Jabatan/ Agensi KKMM serta meningkatkan kesedaran terhadap keperluan, kepentingan dan manfaat melaksanakan BDA di agensi masing-masing.

Selain itu, *champion* dan pelulus data KKMM turut menyertai *Digital Hot Trends Series 8/2017 : Big Data and Data Science Implementation For Government* yang

dianjurkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada 5 Disember 2017. Dalam program tersebut, dua syarikat iaitu DataRobot dan MapR Technologies Inc. telah berkongsi pengalaman melaksanakan inisiatif BDA untuk agensi Kerajaan di Amerika Syarikat.

Program-program yang disertai ini telah membantu meningkatkan kesedaran dan pengetahuan *champion* dan pelulus data KKMM berkenaan inisiatif BDA di dalam dan luar Negara, dan memberikan pendedahan kepada mereka dalam mengenal pasti inisiatif BDA yang boleh dilaksanakan di Bahagian/ Jabatan/ Agensi masing-masing.



Sesi perkongsian dalam Bengkel Kesedaran BDA KKMM Tahun 2017



Peserta Bengkel Kesedaran BDA KKMM Tahun 2017 bersama YBrs. Dr. Yasmeen Yasim, Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik, KKMM dan pegawai-pegawai TM Berhad

PENGUKUHAN ORGANISASI

URUSAN PARLIMEN DAN URUSAN JEMAAH MENTERI

KKMM telah menyelaras urusan Jemaah Menteri bagi tahun 2017 dengan penyediaan **13 Memorandum Jemaah Menteri, 3 Nota Jemaah Menteri dan 59 Ulasan Memorandum Jemaah Menteri** daripada Kementerian lain.

KKMM juga menyelaras urusan Parlimen yang melibatkan Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada setiap persidangan yang diadakan sepanjang tahun 2017 dengan menyedia dan menyelaraskan **137 pertanyaan bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara**.

BAHAGIAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI

Bahagian Teknologi Komunikasi berperanan menyemak dasar-dasar sedia ada serta menggubal dasar-dasar baharu bagi memantapkan lagi pembangunan dan perkembangan sektor perkhidmatan komunikasi dan IT seiring dengan perkembangan global, termasuk peraturan-peraturan dalam mewujudkan perjanjian perdagangan bebas yang berkaitan dengan perkhidmatan telekomunikasi dan IT. Di samping itu, bahagian ini juga menjadi penghubung dengan agensi-agensi antarabangsa yang berkaitan khususnya bidang telekomunikasi.

DASAR LIBERALISASI SEKTOR PERKHIDMATAN DAN PERKARA BERKAITAN URUSAN PERDAGANGAN

- i) Mesyuarat *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* untuk *Working Group on eCommerce (WGEC)* dan *Sub-Working Group Telecommunications (SWGTEL)*, 27 Feb - 3 Mac 2017, Kobe, Jepun;
- ii) Mesyuarat *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* untuk *Working Group on eCommerce (WGEC)* dan *Sub-Working Group Telecommunications (SWGTEL)*, 4 - 12 Mei 2017, Manila, Filipina;

- iii) Mesyuarat *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* untuk *Working Group on eCommerce (WGEC)* dan *Sub-Working Group Telecommunications (SWGTEL)*, 18 - 28 Julai 2017, Hyderabad, India; dan
- iv) Mesyuarat *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* untuk *Working Group on eCommerce (WGEC)* dan *Sub-Working Group Telecommunications (SWGTEL)*, 20 - 28 Oktober 2017, Incheon, Korea Selatan

KERJASAMA DENGAN AGENSI ANTARABANGSA

INTERNATIONAL TELECOMMUNICATION UNION (ITU)

- a. **World Summit On The Information Society Forum 2017 (WSIS 2017)**
Malaysia telah mendapat pengiktirafan dunia apabila beberapa projek ICT tempatan telah disenaraikan sebagai *Prize Champion* di WSIS 2017 di Geneva, Switzerland pada 12 hingga 16 Jun 2017. Delegasi Malaysia diketuai oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Encik Rahim Bain, Pegawai TM.



WSIS PRIZES CHAMPION

Dua (2) projek telah dipilih sebagai *Prize Champion of WSIS 2017* seperti berikut:-

1. **Kategori** : e-Science
Projek : *Biocompatibility Platform for Protein Detection in Latex Glove Multimedia University, Malaysia;*
2. **Kategori** : *International and regional cooperation*
Projek : *Collaborative Information Sharing Model for Malware Threat Analysis: A Case Study for the Organisation of the Islamic Cooperation-Computer Emergency Response Team, Cybersecurity Malaysia, MALAYSIA.*

terhadap pembangunan ICT terutamanya kepada masyarakat luar bandar. Pihak ITU yang diwakili oleh Lucy Spencer dan Julie, Bahagian Komunikasi ITU telah mengadakan lawatan kerja selama dua hari di Malaysia bermula dari 3 hingga 4 April 2017. Artikel berkenaan ICT di Malaysia diterbitkan di ITU Magazines dan ITU Blog.



Encik Mazmalek Mohamad, Setiausaha Bahagian Teknologi Komunikasi, KKMM menerima lawatan kerja dari Lucy Spencer dan Julie, Editor ITU.

- b. **ITU Working Visit : Malaysia's Customer-Centric Crowdsourcing Approach to connecting rural unconnected**

Malaysia telah dipilih oleh *International Telecommunication Union (ITU)* bagi membuat liputan berkenaan inisiatif-inisiatif Malaysia



Taklimat ringkas berkenaan inisiatif Kerajaan dalam memperkasakan ICT di Malaysia. Turut serta wakil dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Malaysia Digital Economy Cooperation (MDEC) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).



Lawatan kerja diteruskan lagi ke Pusat e-Rezeki di Shah Alam.



Lawatan kerja di Pusat Internet 1 Malaysia Melaka



Sesi temubual bersama para peserta e-Rezeki

c. Hari Telekomunikasi Dan Masyarakat Berinformasi Sedunia 2017 (WTISD17)
 Sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (WTISD) tahun 2017 dengan tema "Big Data for Big Impact" telah dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, Jabatan/

Agensi Kerajaan serta Syarikat Telekomunikasi pada 20-21 Mei 2017 di Pejabat Pos dan Pusat Internet Desa (PID), Tanjung Kling, Melaka. Ia telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha (Operas) KKMM.

Pelbagai aktiviti dijalankan bagi memastikan pengisian yang

bermanfaat dapat diberikan kepada para pengunjung. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah bersifat komuniti seperti senamrobik, sukan rakyat, kuiz ICT dan pertandingan mewarna. Selain daripada itu, pengunjung juga disediakan pelbagai ceramah dan taklimat berunsurkan kesedaran kepada masyarakat.



Majlis Perasmian oleh Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KKMM, YBrs. Puan Noraini Tawel, wakil Pejabat SUK Melaka dan YBrs. Encik Mazmalek Mohamad, SUB Teknologi Komunikasi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sambutan WTISD17.



Ucapan dan Perasmian oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Komunikasi dan Multimedia bagi sambutan WTISD di Pejabat Pos dan PID Tanjung Kling, Melaka.



Seminar Sempena Girl in ICT Day dibarisi oleh dua orang ahli panel



Seminar Sempena Girl in ICT Day dibarisi oleh dua orang ahli panel



Upacara penyampaian hadiah bagi cabutan bertuah kepada para pengunjung yang disampaikan oleh YBrs. Encik Azhar Abu Bakar, Ketua Mel Komersial, Pos Malaysia diiringi oleh YBrs. Encik Mazmalek Mohamad.



YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor ditemu bual oleh juruhebah daripada Melaka.fm dalam sambutan WTISD di Pejabat Pos dan PID Tanjung Kling, Melaka.



YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor bersama YBrs. Encik Azhar Abu Bakar, Ketua Mel Komersial, Pejabat Pos Malaysia dalam pelancaran Kad Raya Digital Pos & PID Tanjung Kling, Melaka.

ASIA PACIFIC TELECOMMUNITY

a. Penganjuran 4th Meeting of the APT Preparatory Group for WTDC-17 (APT WTDC17-4)

Malaysia menerusi Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah meningkatkan penglibatan negara dalam APT dengan mengambil inisiatif

untuk menjadi tuan rumah kepada mesyuarat 4th Meeting of the Asia-Pacific Telecommunity Preparatory Group for World Telecommunication Development Conference 2017 (APT WTDC17-4) di Kuala Lumpur pada 7 - 10 Ogos 2017.

Mesyuarat APT WTDC17-4 telah dirasmikan oleh YB Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi

dan Multimedia pada 7 Ogos 2017 di Hotel Pullman Kuala Lumpur. Mesyuarat ini disertai oleh seramai 132 orang yang terdiri daripada pakar-pakar, pengawal selia dan wakil kerajaan daripada 22 buah negara anggota, 14 organisasi ahli bersekutu dan tiga organisasi antarabangsa sebagai pemerhati.



Sesi Pembukaan Mesyuarat APT WTDC17-4 ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Jailani bin Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia.



Mesyuarat turut menampilkan dua sesi pembentangan daripada dua badan antarabangsa seperti berikut:

- a) *International Telecommunication Union: Preparation of ITU for WTDC17*; dan
- b) *Regional Commonwealth in the Field of Communications (RCC) : RCC Preparations for WTDC 2017.*



YB Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia bersalaman dengan semua delegasi-delegasi yang hadir pada mesyuarat APT WTDC17-4.



YB Dato' Jailani bin Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia bergambar bersama-sama Ms. Arewan Haorangsi, Setiausaha Agung APT dan pengerusi-pengerusi mesyuarat APT WTDC17-4.

b. Bengkel Pasukan Kerja Cadangan Penubuhan Board of Computing Professionals Malaysia (BCPM)
 Satu sesi bengkel Pasukan Kerja Cadangan Penubuhan Board of Computing Professionals Malaysia (BCPM) telah diadakan pada 11 Julai 2017 bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks KKMM. BCPM adalah merupakan satu badan tadbir urus bebas untuk pengiktirafan pengamal dan graduan bidang pengkomputeran

bagi memastikan kecekapan pengamal bidang pengkomputeran adalah setaraf dengan *standard* antarabangsa.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyediakan rangka kerja pelaksanaan kajian serta set soalan soal selidik untuk mendapatkan pandangan dan input dari Komuniti ICT tentang cadangan penubuhan BCPM. Bengkel ini telah dihadiri

oleh ahli pasukan kerja yang terdiri daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang KKMM, Majlis Profesor Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, MAMPU, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Majlis Dekan ICT, CyberSecurity Malaysia, Malaysia National Computer Confederation (MNCC), MPC, MIMOS dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).



c. Lawatan bench-marking penubuhan BCPM ke badan-badan profesional di Malaysia.

Lawatan ke dua (2) badan profesional berbeza adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan penubuhan dan pengoperasian sebagai asas serta panduan kepada KKMM dalam menubuhkan BCPM.

i. Lawatan ke Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

Sesi lawatan ke Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah diadakan pada 16 Oktober 2017. Lawatan turut dihadiri oleh Bahagian Teknologi Komunikasi KKMM, Majlis Profesor Negara, MAMPU dan MQA.



ii. Lawatan ke Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)

Sesi lawatan ke Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) telah diadakan pada 23 Oktober 2017. Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan pengalaman, mengetahui isu dan cabaran pengoperasiannya sebagai sebuah badan pengiktirafan yang telah lama ditubuhkan.



SESI TOWNHALL CADANGAN PENUBUHAN BOARD COMPUTING PROFESSIONAL MALAYSIA (BCPM)

Sesi *Townhall* Cadangan Penubuhan BCPM telah diadakan pada 14 Disember 2017 di Dewan Serbaguna Kompleks KKMM yang telah dihadiri oleh seramai 104 orang dalam bidang pengkomputeran dari pelbagai sektor iaitu kerajaan, akademik dan swasta. Sesi ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr Mohd Ali Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KKMM.

Tujuan sesi *townhall* ini adalah untuk mendapatkan pandangan, input dan keperluan dari Komuniti ICT akan cadangan penubuhan satu badan tadbir urus bebas dalam menilai dan mengiktiraf profesionalisme pengamal dan graduan bidang pengkomputeran.



BENGKEL INTEGRATED STRATEGIC, INTELLIGENCE AND TRANSFORMATIVE SYSTEM (INSIGHTS)

Satu sesi Bengkel *Integrated Strategic, Intelligence and Transformative System (INSIGHTS)* telah diadakan pada 6 – 8 Disember 2017 bertempat di Hotel Royale Chulan Seremban.

INSIGHTS merupakan satu *advanced analytics platform* dan repositori data bersepadu mencakupi data-data yang lebih meluas dari bidang-bidang berimpak tinggi berkaitan ekonomi, keselamatan dan aspek-aspek lain yang dapat membantu penggubal dasar merangka pelan-pelan inisiatif menyeluruh dan membuat keputusan untuk pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan. Ia juga dapat menggalakkan perkongsian maklumat dan pengetahuan di antara Kementerian dan agensi

Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 60 peserta dari pelbagai agensi kerajaan di seluruh negara.



Sesi bergambar bersama-sama para Ketua Delegasi dan pegawai kanan KKMM



Sesi bergambar dengan semua delegasi Mesyuarat SCI ke-18 selepas Majlis Perasmian

Delegasi juga telah dibawa untuk melawat Muzium Diraja dan Kompleks Kraf sebagai pengisian lawatan kebudayaan. Lawatan kebudayaan merupakan tradisi yang akan dirancang oleh tuan rumah sebagai pendekatan untuk memperkenalkan secara lebih dekat negara masing-masing.

BAHAGIAN ANTARABANGSA

MESYUARAT ASEAN SUB-COMMITTEE ON INFORMATION KE-18, 24 – 27 JULAI 2017, KUALA LUMPUR

Mesyuarat ASEAN Sub-Committee on Information (SCI) yang bersidang setahun sekali merupakan wadah untuk kerjasama strategik antara negara-negara anggota ASEAN (AMS). Pada tahun ini, Malaysia melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah memainkan peranan sebagai tuan rumah dan juga pengerusi bagi mesyuarat ke-18 tersebut yang telah diadakan pada 24 – 27 Julai 2017 di Kuala Lumpur.



Gambar-gambar delegasi sekitar lawatan kebudayaan ke Kompleks Kraf dan Muzium Diraja

MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN TELEKOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT ASEAN (TELSOM) DAN MESYUARAT MENTERI-MENTERI TELEKOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT ASEAN (TELMIN) KE-17, 29 NOVEMBER – 1 DISEMBER 2017, CAMBODIA

Mesyuarat ini telah diadakan di Bandar Siem Reap, Cambodia dari 29 November hingga 1 Disember 2017. Mesyuarat ASEAN TELMIN merupakan mesyuarat berjadual peringkat ASEAN yang diadakan sekali setahun. YB. Dato' Sri Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah mewakili negara dan telah menyampaikan intervensi di dalam mesyuarat berkenaan. Mesyuarat pada kali ini bertemakan **ICT: Connectedness and Readiness: Towards Integrated Digital Community**.



Mesyuarat sedang berlangsung

Mesyuarat TELSOM dan TELMIN turut mengadakan sesi perbincangan dengan Rakan Dialog ASEAN secara berasingan iaitu dengan Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea, Kesatuan Eropah (EU), dan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (*International Telecommunication Union – ITU*).



Bersama menteri-menteri Telekomunikasi negara anggota ASEAN

MESYUARAT ASEAN COMMITTEE ON CULTURE AND INFORMATION KE-52, 20 - 24 NOVEMBER 2017, KUALA LUMPUR

Kementerian Komunikasi dan Multimedia bersama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menganjurkan Mesyuarat *ASEAN Committee on Culture and Information Ke-52 (52nd ASEAN-COCI)*, Kuala Lumpur dari 20 hingga 24 November 2017.

Majlis Perasmian Mesyuarat ASEAN-COCI Ke-52 telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia di Hotel The Westin, Kuala Lumpur pada 22 November 2017 selaku tuan rumah dan juga pengerusi mesyuarat tahun ini. Majlis tersebut telah dihadiri oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam bidang kebudayaan dan penerangan, ahli pengurusan tertinggi, wakil jabatan/agensi yang berkaitan dalam bidang kebudayaan dan penerangan di kalangan AMS serta wakil Sekretariat ASEAN (ASEC).

Impak Program:

- Memperakukan SCI Operational Plans for 2018 - 2020;
- Melanjutkan tarikh akhir pemberian input untuk dibentangkan semasa Mesyuarat SCC Ke-19 yang dijadualkan pada tahun 2018;
- Meluluskan 9 projek di bawah SCC berjumlah USD360,753 dan 8 projek di bawah SCI berjumlah USD312,636 dengan menggunakan dana peruntukan *ASEAN Cultural Fund (ACF)*;
- Melaporkan status ACF; dan
- Memperakukan *ACF Handbook* terkini.



Sesi bergambar 'ASEAN Way' bersama semua Ketua Delegasi AMS



YBrs. Encik Shakib Ahmad Shakir, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), KKMM mempengerusikan mesyuarat dengan Timbalan Pengerusi daripada Myanmar, Khin Kyi Pyar



Sesi Plenari sedang berlangsung



Sesi bergambar selepas penutup Mesyuarat ASEAN-COCI ke-52 pada 23 November 2017

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KANDUNGAN

PROJEK PENDIGITALAN PENYIARAN NASIONAL

Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional merupakan agenda nasional untuk mentransformasikan industri penyiaran negara melalui siaran digital dan adalah salah satu inisiatif penting dalam Rancangan Malaysia ke-11. Melalui projek ini juga, Kerajaan bakal meraih pulangan dividen digital dengan pelepasan spektrum yang diguna pakai oleh penyiaran TV analog selama ini dan spektrum tersebut akan diperuntukkan semula bagi tujuan perkhidmatan

komunikasi moden yang lain seperti menambah baik rangkaian selular dan perkhidmatan jalur lebar mudah alih berkelajuan tinggi.

Sehubungan itu, satu Majlis Pelancaran Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional telah diadakan pada 6 Jun 2017 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) dan telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak.

Projek ini adalah di bawah naungan Kementerian Komunikasi dan Multimedia

Malaysia (KKMM) dan dipantau oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). KKMM melalui SKMM telah melantik syarikat MYTV pada 2014 sebagai pemegang lesen penyedia infrastruktur tunggal dan MYTV bertanggungjawab untuk membina dan mengendali infrastruktur *myFreeview* untuk tempoh 30 tahun akan datang. Siaran *myFreeview* telah dipancarkan menerusi 30 buah stesen pemancar TV di seluruh negara dan meliputi kira-kira 91.63% kawasan berpenduduk di Malaysia melalui Fasa 1 dan 2. Ini merupakan satu lagi inisiatif Negara dalam melangkah ke

era digital selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membolehkan kita mengambil bahagian dalam kerancakan ekonomi digital dan Malaysia menasaskan tarikh penutupan penyiaran TV analog pada Jun 2018.

PROGRAM KREATIVITI@ KOMUNITI (PROGRAM K@K)

Program K@K merupakan salah satu program *outreach* perkhidmatan awam yang telah digariskan dalam Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam sebagai sebuah program untuk mendaya upayakan bakat rakyat Malaysia.



IKBN KUALA LANGAT, SELANGOR
19 - 21 MEI 2017
200 PENYERTAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
14 & 15 SEPTEMBER 2017
580 PENYERTAAN



IKBN SERI ISKANDAR, PERAK
10 & 11 NOVEMBER 2017
300 PENYERTAAN

Penganjuran Program *Negaraku: Kreativiti @ Komuniti (K@K)* bagi tahun 2017 telah berjaya mencapai empat (4) objektif utamanya iaitu mewujudkan kesedaran dan mendedahkan kumpulan sasaran kepada perkembangan semasa dan trend terkini industri kandungan kreatif, mencungkil bakat-bakat baru dalam industri kandungan kreatif dalam kalangan belia dan pelajar, mendengar perkongsian ilmu oleh pakar dan penggiat

industri dalam bidang kandungan kreatif kepada kumpulan sasaran dan menerapkan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui taklimat #YOUCANDUIT.

IKBN KUALA LANGAT, SELANGOR

Untuk penganjuran sulung Program K@K bagi tahun 2017 ini, KKMM telah bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan telah memilih IKBN Kuala Langat, Selangor sebagai tuan rumah.



Pengarah dan Penulis Skrip iaitu Encik Fadzil Zahari sedang berkongsi ilmu di Bengkel Penulisan Kreatif.



Encik Nik Kamaruzaman Nik Husin, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan menyampaikan hadiah kepada Pemenang Pertandingan Penghasilan Video Pendek Mempromosikan IKBN Kuala Langat iaitu Siti Nadhirah Bt Razali.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

Untuk penganjuran kali kedua Program K@K bagi tahun 2017, KKMM telah memilih UMS sebagai lokasi program bagi menyemarakkan sambutan Hari Malaysia peringkat nasional yang diadakan di Negeri Sabah. Program K@K di UMS telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Nik Kamaruzaman Nik Husin, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan, KKMM, telah berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 14 dan 15 September 2017.



Encik Nik Kamaruzaman Nik Husin, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan menyampaikan cenderahati kepada Tuan Haji Zulkifli Abd Wahab, Timbalan Ketua Pengarah (Produksi & Teknikal), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).



Sebahagian peserta daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Sabah Animation Creative Content Centre (SAC3) bergambar dengan Raja Mukhriz dan Pekin Ibrahim serta pihak urus setia Program K@K.

IKBN SERI ISKANDAR, PERAK

Penganjuran kali ketiga Program K@K bagi tahun 2017 ini, telah diadakan di IKBN Seri Iskandar, Perak yang telah berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 10 dan 11 November 2017. Program K@K kali ini membawakan tenaga pengajar dari Bahagian Komunikasi Visual dan Seni Reka, Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) bagi Bengkel Fotografi. Selain daripada itu, para peserta juga turut didedahkan kepada Bengkel Penghasilan Video oleh tenaga pengajar dari Unit Latihan FINAS dan taklimat keusahawanan #YOUCANDUIT yang disampaikan oleh wakil dari MDEC dalam usaha mendidik para pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan..



Encik Nik Kamaruzaman Nik Husin, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan menyampaikan cenderahati kepada Md. Isa Bin Ibrahim, Pengarah IKBN Seri Iskandar, Perak.



Tenaga pengajar daripada Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) sedang berkongsi ilmu berkenaan teknik fotografi.

JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK

12th ASIAN-PACIFIC POSTAL UNION (APPU) CONGRESS

Delegasi Malaysia telah menyertai Kongres *Asian-Pacific Postal Union (APPU)* yang ke-12, di Tehran, Iran pada 3-7 Julai 2017 yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia serta diwakili oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan juga Pos Malaysia Berhad (PMB). Kongres *APPU* yang berlangsung selama lima (5) hari ini dihadiri oleh 22 daripada 32 negara anggota yang melibatkan seramai lebih kurang 100 orang delegasi.

Malaysia telah membentangkan hasil kertas kerja kumpulan (*working group*) mengenai reformasi *APPU* semasa sesi Plenari hari pertama Kongres. Antara perkara yang telah dibentangkan adalah 45 saranan bagi memperkemas peranan serta struktur *APPU*, memohon kelulusan peruntukan bagi tahun 2017 – 2019 serta kelulusan untuk meneruskan aktiviti reformasi bagi sesi 2018 – 2021. Misi Malaysia telah digalas dengan

jayanya kerana kesemua negara anggota *APPU* bersetuju dengan saranan-saranan tersebut.

Selain itu, delegasi Malaysia turut mengadakan *courtesy call* kepada Ketua Pengarah *UPU*, Bishar A. Hussein dan Timbalan Menteri Komunikasi dan Teknologi Informasi Iran, Hossein Mehri, yang juga merangkap sebagai Pengarah Urusan *Iran Post Company*. Beberapa perkara telah dipersetujui terutamanya dalam memperkukuh hubungan strategik yang telah terjalin serta memperkasa pembangunan industri perkhidmatan pos serantau.

UNIVERSAL POSTAL UNION (UPU) COUNCIL OF ADMINISTRATION (CA) SESSION 1 & 2 2017

Universal Postal Union (UPU) adalah merupakan organisasi pos sedunia di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang ditubuhkan untuk menangani isu-isu pentadbiran dan pengurusan pos sedunia. Malaysia telah memenangi Kerusi *UPU Council of Administration (CA)* bagi sesi 2016 - 2020 semasa *Universal Postal Congress* yang ke-26 di Istanbul, Turki pada September tahun 2016. Kejayaan ini telah membuktikan bahawa kepimpinan Malaysia di dalam industri pos dan kurier serantau diiktiraf oleh negara anggota *UPU* seluruh dunia. Delegasi Malaysia juga turut mengadakan perjumpaan dengan Ketua Pengarah *UPU*, Bishar A. Hussein bagi menyatakan hasrat Malaysia untuk menjadi tuan rumah bagi *UPU Congress* yang ke-28 pada tahun 2024 nanti.



Delegasi Malaysia ke *Universal Postal Union (UPU) Council of Administration (CA) Session 2.017* pada 23 – 27 Oktober 2017 di Ibu Pejabat *UPU* di Berne, Switzerland.



Delegasi Malaysia ke Kongres *APPU* ke-12 pada 3 – 7 Julai 2017 di Tehran, Iran.



YB Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Dato' Sri Jailani Johari Bergambar Bersama Ketua Delegasi Negara Anggota *APPU* Selepas Perasmian Kongres *APPU* ke-12.



Sesi bertukar-tukar pandangan antara Delegasi Malaysia dengan Delegasi Indonesia semasa Mesyuarat *UPU CA Session 2.017*.



Malaysia mempengerusikan *Committee 1 – Human Resource, Finance and Governance* bersama-sama dengan Switzerland semasa Mesyuarat *UPU CA Session 2.017*.



YB Dato' Sri Jailani Johari menyerahkan cenderamata kepada Ketua Pengarah *UPU*, Bishar A. Hussein semasa Kongres *APPU* ke-12 di Tehran, Iran.



Courtesy Call Delegasi Malaysia kepada Timbalan Menteri Komunikasi dan Teknologi Informasi Iran, Hossein Mehri.



YB Dato' Sri Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengambil bahagian semasa sesi *Forum on E-Commerce* sebagai salah seorang panel yang turut disertai oleh negara China, Singapura dan Indonesia.



Courtesy Call Delegasi Malaysia kepada Ketua Pengarah *Universal Postal Union (UPU)*, Bishar A. Hussein semasa Mesyuarat *UPU CA Session 2.017*.



Ketua Delegasi Malaysia, Setiausaha Bahagian Pembangunan Kandungan menyampaikan cenderahati kepada Ketua Pengarah *UPU*.

DIGITAL MAILBOX WORKSHOP BAGI JABATAN/AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)

'Digital Mailbox' adalah merupakan satu platform alternatif dalam talian (online) perkhidmatan komunikasi digital yang mempunyai ciri-ciri keselamatan khusus bagi memenuhi keperluan rakyat dan organisasi pada masa kini dan juga pada masa hadapan. 'Digital Mailbox' ini adalah merupakan transformasi yang dilakukan oleh Pos Malaysia Berhad bagi penghantaran surat-surat fizikal kepada surat berbentuk digital. Bagi memastikan perkhidmatan ini menepati keperluan dan ekspektasi rakyat dan juga organisasi, satu bengkel telah diadakan pada 12 Oktober 2017 (Khamis) bertempat di Holiday Inn Kuala Lumpur Glenmarie melibatkan Jabatan/Agensi di bawah KKMM bagi mendapatkan sokongan agar Jabatan/Agensi di bawah KKMM dapat menjadi perintis kepada penggunaan 'Digital Mailbox' ini.

Bengkel ini telah dihadiri seramai 30 peserta daripada pelbagai Jabatan/Agensi di bawah KKMM serta turut dihadiri oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) serta PEMANDU Associates bagi berkongsi maklumat, pengalaman dan pandangan dalam memantapkan lagi perkhidmatan 'Digital Mailbox'. Bengkel yang dikendalikan oleh pakar-pakar 'Digital Mailbox', DATAPOS dan juga POS DIGICERT ini mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta bengkel serta perkhidmatan 'Digital Mailbox' ini akan diperluaskan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain secara berperingkat sebelum dibuka kepada umum rakyat Malaysia.



Ketua E-Commerce Pos Malaysia Berhad, Encik Shamsul Izhan Abd Majid sedang memberi penerangan tentang ekspektasi dan maklum balas yang diperlukan daripada peserta bengkel 'Digital Mailbox Workshop'.



Sesi perbincangan secara berkumpulan semasa Digital Mailbox Workshop



Sesi Group Photo bersama semua peserta Digital Mailbox Workshop



JABATAN / AGENSI

- 088 JABATAN PENYIARAN MALAYSIA (RTM)
- 108 JABATAN PENERANGAN MALAYSIA (JAPEN)
- 109 JABATAN HAL EHWAL KHAS (JASA)
- 113 INSTITUT PENYIARAN DAN PENERANGAN
TUN ABDUL RAZAK (IPPTAR)
- 115 JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (JPDP)
- 121 PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA
(BERNAMA)
- 126 PERBADANAN KEMAJUAN FILEM
NASIONAL MALAYSIA (FINAS)
- 128 SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC)
- 131 PERBADANAN EKONOMI DIGITAL
MALAYSIA (MDEC)
- 139 MYNIC BERHAD



JABATAN/AGENSI

JABATAN PENYIARAN MALAYSIA (RTM)

PROJEK MEDIA CITY


Projek *Media City* adalah projek utama jabatan yang melibatkan pembangunan infrastruktur dan pemodenan peralatan RTM sejajar dengan perubahan teknologi penyiaran semasa dan persediaan infrastruktur penyiaran berteknologi tinggi selaras dengan pewujudan perkhidmatan TV digital sepenuhnya menjelang tahun 2018.

Kerja-kerja pembangunan sebenar bagi projek ini telah bermula pada 12 Disember 2016 yang melibatkan pembinaan bangunan baharu seperti Menara Pejabat 17 tingkat, Auditorium, Studio TV, Muzik Studio, OB Garaj, Gudang Set & Rekabentuk dan Pusat Rekreasi serta Plaza & Parkir Kereta. Di samping itu juga, projek ini merangkumi pembekalan dan pemasangan peralatan penyiaran di bangunan sedia ada serta bangunan baharu yang akan siap dibina nanti.

Sepanjang tahun 2017, kerja-kerja pembinaan bangunan baharu ini serta pemasangan peralatan penyiaran bagi pakej *Lease 1* telah rancak berjalan. Beberapa bangunan lama telah diroboh iaitu bangunan Rentak 50, Rumah Wartawan, Pusat Sumber, Taska Cumi Ciki, Puspanita, Kantin IBC, Astaka, Padang Semarak, Surau Lama dan Kantin TV bagi memberi laluan pembinaan bangunan baharu ini.

Pakej *Lease 1* yang merangkumi pembekalan dan pemasangan peralatan di Wisma Berita, TOC baharu di bangunan IBC serta pembekalan 4 unit van Siaran Luar TV baharu yang sepatutnya siap pada 12 Disember 2017 telah lewat disiapkan oleh Syarikat. Tempoh siap bagi pakej *Lease 1* ini telah dilanjutkan sehingga 6 bulan lagi iaitu 12 Jun 2018.

Projek ini dijadualkan untuk siap sepenuhnya dalam bulan Disember 2019.



Artist Impression Bandar Media



Angkasapuri Sebelum Projek Bermula



Angkasapuri 2017 (Kawasan Pembangunan – Bangunan Baharu)



Pakej Lease 1 – TOC Baharu di Bangunan IBC (Kawasan OB Garaj Lama)



Pakej Lease 1 – OB VAN TV (Pemasangan di United Kingdom)



Pakej Lease 1 – Newsroom di Wisma Berita

Peratusan Kemajuan Kerja Projek Media City Sehingga Disember 2017

Kemajuan Kerja (%)			
Jadual	Sebenar	Tarikh Mula	Tarikh Siap
L1 – 72%	L1 – 72%	L1 – 12/12/2016	L1 – 11/12/2017 (AWAL) – 11/6/2018 (EOT)
L2 – 53%	L2 – 25.6% (- 170 HARI)	L1 – 12/12/2016	L2 – 11/9/2018
CA – 27%	CA – 10.7% (- 155 HARI)	CA – 12/12/2016	CA – 11/12/2018

SEKSYEN PRODUKSI SIARAN LUAR TV, BAHAGIAN OPERASI PENYIARAN

LIPUTAN SUKAN SEA KE-29 KUALA LUMPUR 2017




PENGENALAN

Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 merupakan Sukan SEA kali ke-29 yang dianjurkan dan kali terakhir Malaysia menjadi tuan rumah adalah pada tahun 2001. Sukan SEA kali ini lebih dikenali sebagai Kuala Lumpur 2017. Secara rasminya, Sukan SEA telah berlangsung bermula 14 Ogos 2017 hingga 30 Ogos 2017. Acara pembukaan telah berlangsung pada 19 Ogos 2017 manakala acara penutup pada 30 Ogos 2017.



RTM telah dilantik menjadi Hos Penyiar Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 manakala ASTRO dan Media Prima sebagai penyiar rasmi oleh Malaysia SEA Games Organising Committee (MASOC). Walau bagaimanapun, badan penyiar Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 pada dasarnya diteraju sepenuhnya oleh ASTRO ARENA yang bertindak sebagai pengendali utama



dari segi penyiaran. Penglibatan RTM hanyalah sebagai penyumbang fasiliti penerbitan di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan.

FASILITI

RTM telah mendapat tugas untuk membuat liputan sebagai Hos Penyiar untuk pertandingan-pertandingan seperti berikut:

- a) Upacara Pembukaan dan Penutup di Stadium Nasional Bukit Jalil
- b) Gimnastik Artistik dan Gimnastik Berirama di Hall 9 & 10, MiTEC
- c) Karate-do dan Taekwondo di Hall 1, KLCC
- d) *Ice Skating, Short Track Speed* di MYNISS, Empire City, Damansara

Liputan Upacara Pembukaan dan Penutup yang berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil hanya melibatkan proses penerbitan sahaja tanpa melibatkan sebarang fasiliti RTM. Segala fasiliti teknikal untuk tujuan tersebut disediakan oleh pihak luar.

Perancangan liputan telah dilakukan bermula akhir tahun 2015. Sebanyak dua (2) fasiliti utama daripada RTM digunakan untuk membuat liputan tersebut iaitu fasiliti OB Van HD dan fasiliti *Fly-Away Kit* MCP HD Sarawak. Terdapat beberapa peralatan tambahan yang telah disewa memandangkan peralatan yang sedia ada tidak mencukupi.

Manakala *Fly-Away Kit* MCP HD digunakan untuk membuat liputan domestik yang bertempat di Hall 2, MiTEC. Beberapa peralatan tambahan telah disewa dari pihak luar memandangkan peralatan yang sedia ada tidak mencukupi dan juga RTM tidak mempunyai beberapa peralatan yang diperlukan.



PETUGAS

Petugas teknikal yang terlibat untuk liputan SEA Game Kuala Lumpur 2017 adalah seramai 92 orang yang terdiri daripada beberapa unit seperti berikut:

- a) Seksyen Kejuruteraan Digital Interaktif (7 orang)
- b) Seksyen Mekanikal & Elektrikal (4 orang)
- c) Seksyen Produksi Radio (5 orang)
- d) Seksyen Produksi Siaran Luar TV (26 orang)
- e) RTM Kuching (5 orang)
- f) Unit Kendalian Teknik (38 orang)
- g) Seksyen Media Teknologi Aplikasi (2 orang)
- h) Seksyen Produksi Berita (5 orang)

Unit-unit tersebut telah menghantar beberapa petugas mengikut keperluan dan kerjasama yang baik telah diberikan oleh setiap petugas sepanjang tempoh liputan.



KEWANGAN

Sebanyak RM 2 juta (siling) diperuntukkan untuk tujuan liputan SEA Games Kuala Lumpur 2017 melalui peruntukan khas berbanding anggaran awal sebanyak RM2.37 juta. Walau bagaimanapun, hanya sebanyak RM 1,561,856.06 telah dibelanjakan untuk perolehan dari segi teknikal (tidak termasuk tuntutan lebih masa & perjalanan petugas dan kos-kos daripada pihak penerbitan). Pendapatan RTM/kerajaan sebanyak RM 1,686,990.00 (tidak termasuk GST) telah diperolehi melalui kontrak RTM dan ASTRO ARENA ke atas fasiliti yang disediakan oleh RTM untuk tujuan liputan lokasi sebagai Hos Penyiar.

SIARAN

Secara keseluruhan, prestasi siaran adalah baik dan bermutu disebabkan oleh dua (2) talian fiber terus dari lokasi di mana tiada perubahan format dilakukan

Secara keseluruhannya, kejayaan liputan Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 ini adalah merupakan kerjasama yang baik daripada semua petugas dan unit-unit yang terlibat

secara langsung atau tidak langsung. Kerjasama yang erat ini harus diteruskan untuk liputan-liputan yang mendatang. Liputan besar seperti ini merupakan peluang yang baik untuk petugas-petugas RTM menimba pengalaman yang berharga dan membantu petugas-petugas muda untuk lebih bersedia menanggung tugas yang lebih mencabar. Liputan-liputan seperti ini wajar diteruskan oleh RTM sebagai badan penyiar nasional dan RTM haruslah bertindak sebagai hos penyiar sebenar, bukan hanya pada nama.

Jadual Siaran Liputan SEA Games KL 2017																															
	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	31													
	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad	Isnin	Selasa	Rabu	Khamis													
0800	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7	REC M7													
0900							LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2													
1000																															
1100																															
1200																															
1300	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1	LIVE M1														
1400							LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1														
1500																															
1600		LIVE BOLA 1500-1600																													
1700	LIVE M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	LIVE M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5	PAKEJ M5														
1800							LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2	LIVE TV2														
1900																															
2000	PAKEJ M8	PAKEJ M8	PAKEJ M8	LIVE M8	LIVE M8	REC XOVER M8	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1														
2100							LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1														
2200	LIVE BOLA 2000-2100 PM		LIVE BOLA 2100-2200 PM				LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1	LIVE TV1														
2300																															
0800																															
0900	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC	M10 REC														
0900																															
Total Medal			4	6	4	4	21	25	45	42	48	29	50	34	25	60	7	484													

LIPUTAN MAJLIS PEMBUKAAN, PENUTUPAN DAN PERTANDINGAN ATHLETICS ASEAN PARA GAMES 2017

RTM telah dilantik sebagai Penyiar Rasmi ASEAN PARA GAMES 2017. Kejohanan ini telah berlangsung dari 17 hingga 23 September 2017. Ini merupakan kali ketiga Malaysia menganjurkan kejohanan ini selepas tahun 2001 dan 2009.

Kejohanan ini telah mengumpulkan seramai 1,452 atlet dari 11 negara ASEAN. Sebanyak 369 acara telah dipertandingkan dari 16 jenis sukan.

Perasmian pembukaan kejohanan ini telah berlangsung pada 17 September 2017 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Sports City oleh Perdana Menteri Malaysia.

Pertandingan Athletics kejohanan ini telah berlangsung dari 18 hingga 22 September 2017 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Sports City.

Perasmian penutupan kejohanan ini telah berlangsung pada 23 September 2017 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Sports City oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Fasiliti SLTV HD telah digunakan sepenuhnya untuk liputan ketiga-tiga acara ini dan dikendalikan sepenuhnya juga oleh petugas RTM. Liputan ini telah disambungkan kepada penyiar negara ASEAN dan live video streaming di saluran YouTube dan di aplikasi mudah alih.



Acara Perasmian Pembukaan



Perarakan Masuk Kkontinjen Atlit



SLTV HD Di Stadium Nasional Bukit Jalil

LIPUTAN HOKI PIALA SULTAN JOHOR 2017

Kejohanan ini merupakan edisi ketujuh melibatkan pertandingan hoki lelaki remaja bawah 21 tahun antarabangsa dari enam (6) negara iaitu Malaysia, Australia, Great Britain, Amerika Syarikat, Pakistan dan Jepun.

Kejohanan ini telah berlangsung di Stadium Hoki Taman Daya, Johor Bahru dari 22 hingga 29 Oktober 2017.

Fasiliti SLTV HD telah digunakan sepenuhnya untuk liputan acara ini

dan dikendalikan sepenuhnya juga oleh petugas RTM. Sebanyak 18 perlawanan telah disiarkan secara langsung termasuk perlawanan akhir dan klasifikasi kedudukan akhir pasukan.



SLTV HD Di Stadium Hoki Taman Daya, JB



Stadium Hoki Taman Daya, JB

SISTEM SKRIN LED DAN LIPUTAN HARI KEBANGSAAN 2017

PENGENALAN

Sambutan Hari Kebangsaan 2017 telah diadakan pada 31 Ogos 2017 bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Konsep persembahan bagi sambutan kali ini ialah 'reenactment' pengisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka dan penceritaan dari zaman penjajahan sehinggalah era pemodenan dan kemajuan Malaysia. Pada kali ini, saiz skrin LED ialah sepanjang 200 meter dan setinggi 9 meter bagi mengambilkira struktur binaan

teres manusia yang dibina seakan-akan stadium.

Liputan siaran langsung sambutan pada kali ini pula, ialah dalam format definisi tinggi (HD). Petugas-petugas yang terlibat dengan siaran langsung telah memulakan persiapan bermula dari tarikh 24 Ogos 2017.

BILANGAN KAMERA LIPUTAN

Sebanyak 28 unit kamera HD yang telah digunakan untuk liputan siaran langsung pada tahun 2017 seperti perincian berikut:-

MCP HD

- 6 kamera (triax) termasuk 2 kamera pengacara
- 1 XDCAM HD atas bangunan Agro Bank
- 1 kamera OBHD atas bangunan DBKL
- 1 XDCAM HD di padang merbok-meriam
- 2 kamera Crane Jimmy Jib
- 2 kamera RF (XDCAM HD)
- 1 Steady Cam RF (XDCAM HD)
- 4 Kamera GoPro
- 2 Drones

ENG Van HD


- 4 kamera (3 Cams + 1 RF Cam di SOGO)

ENG Van HD

- 4 kamera (3 Cams + 1 RF Cam Untuk LED)



Ilustrasi Pandangan Atas Dataran Merdeka



Ilustrasi Pandangan Sisi Dataran Merdeka

BILANGAN KAKITANGAN TEKNIKAL

Seramai 67 orang kakitangan teknikal yang telah terlibat untuk liputan siaran langsung Hari Kebangsaan 2017.

Kru OB

- 1 Jurutera Penyelaras
- 1 Jurutera OB
- 7 Penolong Jurutera
- Kru Kendalian Teknik
- 3 Penerbit Teknik
- 20 Jurukamera
- 6 Juruaudio
- 4 Jurulampu

Kru LINK

- 12 penolong Jurutera

Kru ENG


- 11 penolong Jurutera

Kru M&E

- 1 Juruelektrik
- 1 Chageman




Coach OB Yang Digunakan Untuk Set-Up MCP Fly-Away



Kerja-Kerja Pemasangan Kabel Triax Dan Kabel Audio





Kerja-Kerja Pemasangan Peralatan MCP Fly-Away



Kerja-Kerja Pemasangan Set LINK



Hari Kebangsaan 2017

KESIMPULAN

Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, secara keseluruhannya pasukan teknikal dan produksi LED dan Liputan Hari Kebangsaan 2017 telah berjaya melaksanakan liputan sambutan kali ini. Namun, masih ada ruang untuk penambahbaikan bagi sambutan-sambutan yang akan datang.

SIARAN BES 2017

Berita TV dan Ehwal Semasa menyumbangkan 4,135 jam siaran setahun untuk TV1 dan TV2 bersamaan dengan 36% masa siaran TV1 dan 12% TV2. Jumlah itu tidak termasuk siaran langsung tidak berjadual yang dilaksanakan Seksyen Ehwal Semasa dari masa ke masa. Antaranya Siaran Langsung Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan DYMM SPB Yang di Pertuan Agung, Siaran Langsung Hari Pertabalan DYMM SPB Yang di Pertuan Agung, Siaran Langsung rumah Terbuka dan Siaran Langsung Maal Hijrah. Siaran Langsung semasa Parlimen Bersidang, Siaran Langsung sesi soal jawab selama 2 jam pada hari Isnin hingga Khamis. Seksyen berita radio pula, menerusi empat bahasa dan dialek siaran Orang Asli (Asyikfm) menyumbang sebanyak 3,105 jam setahun. Siaran Berita Radio melalui empat stesen Radio Nasional disambung siar oleh stesen-stesen negeri.

PROGRAM TONGGAK BES

- BERITA / ULASAN BERITA
- BICARAWARA
- MAJALAH
- SPM / AKW
- SIARAN LANGSUNG
- BIZ

LIPUTAN BERITA DALAM NEGARA

Bahagian Berita Ehwal Semasa berusaha memastikan penonton dan pendengar mendapat laporan yang terkini, tepat dan sahih di samping menangkis laporan-laporan yang tular di media sosial.

Antara peristiwa besar yang berjaya dilaporkan ialah liputan menyeluruh lawatan Negara Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdul Aziz Al Saud. Liputan lawatan Diraja yang bermula 26 Februari hingga 1 Mac itu di anggap paling menyeluruh dan bersejarah sepanjang tahun 2017.



Sebelum itu pilihanraya kecil DUN Tanjung Datu, Sarawak berikutan kematian ADUN kawasan tersebut yang juga Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Adenan Satim. Liputan menyeluruh kematian Ketua

Menteri Sarawak pada 12 Januari di ikuti pula dengan laporan proses pilihanraya kecil bermula pada 4 Februari iaitu hari penamaan calon sehingga hari pengundian pada 18 Februari.



Peristiwa-peristiwa lain termasuk Misi Kemanusiaan Food Flotilla For Myanmar, mesyuarat tergempar Majlis Menteri-Menteri Luar Negara Islam (OIC) mengenai Rohingya. Transformasi Nasional TN50, Ekspresi Negaraku, dan Solidariti selamatkan Baitul Maqdis.



Selain itu BES juga membuat liputan menyeluruh peristiwa kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Dato Keramat. Laporan kebakaran yang berlaku pada 15 september itu disiarkan dalam buletin berita dan melalui *breaking news*.



BES turut memberi tumpuan kepada liputan bencana banjir yang melanda beberapa negeri tahun lepas. Antaranya banjir luar biasa yang melanda Pulau Pinang, Perlis, Kedah, di samping banjir kilat di Johor, Selangor dan Sabah.




Berita



LIPUTAN BERITA LUAR NEGARA

Acara-acara penting di luar negara yang melibatkan pemimpin utama negara turut diberi perhatian. Wartawan RTM dihantar membuat liputan samada lawatan kerja pemimpin atau acara penting dunia yang mempunyai nilai berita.

Liputan Lawatan YAB PM Datuk Seri Najib Tun Razak ke Riyadh Arab Saudi, untuk menghadiri Sidang Khas Negara-negara Arab dengan Amerika Syarikat sempena lawatan Presiden Donald Trump bermula 18 Mei hingga 24 Mei. Ia diikuti dengan liputan menyeluruh lawatan bersejarah Perdana Menteri ke Washington DC mulai 7 hingga 16 september 2017.



Liputan Luar Negara lain yang melibatkan YAB Perdana Menteri, termasuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30 di Manila, Sidang Tergempar Khas Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) mengenai Baitulmaqdis, di Turki dan lawatan kerja YAB PM ke Sri Lanka.

Liputan Luar Negara lain termasuk Acara Anugerah PUSKAS FIFA, Zurich, Switzerland, Misi Kemanusiaan Food Flotilla For Myanmar.



PROGRAM TONGGAK EHWAL SEMASA

Sepanjang 2017 Ehwal semasa menyiarkan 364 rancangan Selamat Pagi Malaysia yang berdurasi 2 jam setiap hari. Pengisiannya mencakupi 10 touch point yang meliputi isu semasa, feel good factor, Transformasi Nasional TN50, kempen hentakan jenayah seksual kanak-kanak dan ekspresi negaraku. Isu-isu yang sama turut dibincangkan dalam program mingguan Bicarawara/ Bualbicara.



Program Mingguan Bicarawara / Bualbicara

Beberapa peristiwa pahit manis berlaku sepanjang 2017. Tanggungjawab melaksanakan siaran langsung dipikul Seksyen Ehwil Semasa. Antaranya :

- Pertabalan DYMM SBP YDPA Sultan Muhammad V
- Kemangkatan DYMM Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Muadzam Shah
- Pertabalan KDYMM Sultan Kedah
- Pertabalan YTM Raja Muda Kedah
- Hari Kebangsaan
- Perhimpunan Agung UMNO
- Pembentangan Bajet 2018
- TN50
- Ekspresi Negaraku
- Salam Baitullah
- LIMA 2017
- Pembukaan Sidang ke-5 Parlimen ke-13



Pertabalan DYMM SBP YDPA Sultan Muhammad V





Sambutan Hari Kebangsaan



Perhimpunan Agung UMNO


SEKSYEN MEDIA TEKNOLOGI APLIKASI (MTA) 2017 BAHAGIAN OPERASI PENYIARAN

SISTEM PENYIARAN INTERNET


Seksyen MTA merupakan penyedia infrastruktur bagi perkhidmatan Sistem Penyiaran Internet. Perkhidmatan ini adalah seperti Live Streaming TV /Radio RTM, Live Streaming melalui Facebook dan Youtube serta ke portal pihak ketiga (Portal Agensi Kerajaan), Live Streaming untuk portal RTM (1News, Parlimen RTM dan Perhimpunan Bulanan), Video On Demand serta menyediakan integrasi dengan aplikasi RTM Mobile.

LIVE STREAMING TV DAN RADIO RTM MELALUI PORTAL MyKlik

Siaran secara online ini beroperasi secara 24 jam sepanjang tahun dan dapat diikuti melalui Portal MyKlik dalam format browser atau pun secara mobile melalui aplikasi RTM Mobile. Portal ini boleh diakses melalui URL berikut iaitu <https://myklik.rtm.gov.my>.




Siaran TV yang boleh diakses ialah TV1, TV2, TVi, 1News dan Parlimen RTM.



Siaran radio yang boleh diakses ialah Radio Klasik, Nasionalfm, Traxxfm, Aifm, Minnal, Asyikfm dan Radio Negeri

LIVE STREAMING TV DAN RADIO RTM (INTEGRASI DENGAN APLIKASI RTM MOBILE)

Siaran TV dan Radio Online boleh juga diikuti melalui Aplikasi RTM Mobile. Aplikasi ini boleh dimuat turun dari Google Play atau Apple Play Store.



LIVE STREAMING TV MELALUI FACEBOOK /RAKAMAN MULTI CAMERA PRODUCTION

Sebanyak 90 aktiviti *Live Streaming* melalui *Facebook* telah dilaksanakan untuk portal-portal RTM serta pelbagai agensi kerajaan iaitu Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Pejabat Perdana Menteri dan Pusanita .

Program-program utama yang terlibat termasuklah Rumah Terbuka Tahun Baru Cina, Dialog Transformasi Nasional TN50, Perhimpunan Bulanan KKMM, Perasmian Minggu Amanah Saham, Tilawah Al-Quran, Sukan Sea, Pembentangan Bajet 2018, pelbagai Program Hiburan TV / Sukan dan Mesyuarat Agung Pusanita.



Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2017



Dialog TN50



Perasmian Minggu Amanah Saham 2017



Bajet 2018



Kakitangan Bertugas Di Lokasi



Kakitangan Bertugas Di Lokasi

VIDEO ON DEMAND

Video On Demand (VOD) di RTM merupakan program siaran TV seperti berita, drama, sukan atau *'talk show'* yang telah dirakam. Video-video ini dirakam oleh kakitangan RTM, disunting dan disimpan di *'local storage'* dan di muat naik ke *'cloud server'* melalui talian internet. Sistem VOD ini membolehkan pengguna memilih dan menonton video-video rancangan TV mengikut kesesuaian masa sendiri.



Kakitangan sedang melaksanakan kerja-kerja memuat naik bahan.

Peralatan Sistem Penyiaran Internet

- Managed Internet Leased Line 60Mbps (2 talian, TIME)
- Managed Integrated Services Router (2 unit)
- Managed Firewall Services (2 unit, Sophos SG230)
- CDN 200TB monthly Live Streaming (Amazon)
- CDN 30TB monthly VOD (Amazon)
- 50TB Cloud Storage
- 60TB Local Storage (EMC Isilon X200)
- Content Management System (GlueMPS)
- VOD Server
- TV Encoder (15 unit, Elemental Live)
- Radio Encoder (14 unit, Telos Prostream)
- Tricaster Model (1 set)
- Kamera P2HD (3 set)
- Apple Macbook Pro (1 set)
- Accessories (1 lot)

SISTEM RANGKAIAN INTERNET (LAN DAN WIFI)

Seksyen MTA bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan rangkaian Internet bagi keseluruhan Kompleks Angkasapuri meliputi Wisma TV, Wisma Berita, Wisma Radio dan IBC.

Sistem rangkaian Internet ini membolehkan kakitangan RTM menggunakan aplikasi Internet kerajaan seperti e-mel 1gov.net, HRMIS, e-perolehan, Myselenggara, e-tempahan dan pelbagai aplikasi lain.



Antara sistem-sistem yang boleh di akses menggunakan talian 1GovNet

PERALATAN RANGKAIAN DAN KESELAMATAN RANGKAIAN (LAN)

- Talian internet 1GovNet 250Mbps c/w Exinda BMT
- Talian internet Unifi 100Mbps (4 talian)
- Peplink Load Balancer (1 unit)
- Firewall Juniper SRX5400 (2 unit)
- TrendMicro TippingPoint IPS (1 unit)
- Sangfor IAM5900 (1 unit)
- Core Switch (2 unit)
- Distribution Switch (4 unit)
- Access Switch (80 unit)

PERALATAN RANGKAIAN DAN KESELAMATAN RANGKAIAN (WIFI)

- Talian internet Unifi 100Mbps (3 talian)
- Firewall Fortinet 600C (1 unit)
- Ruckus ZoneDirector 3000 (1 unit)
- Ruckus ZoneDirector 1000 (1 unit)
- Network Switch (10 unit)
- Indoor WiFi Access Point (114 unit)
- Outdoor WiFi Access Point (1 unit)



Keja-kerja Penyelenggaraan rangkaian Internet

KHIDMAT KONSULTANSI**PERANCANGAN DAN KEPERLUAN PODCAST DI RTM**

Seksyen MTA juga diiktiraf dalam kepakaran teknologi video audio streaming dan on-demand di dalam jabatan RTM dan di agensi luar. Ini terbukti ketika Bahagian Program Radio menyatakan hasrat untuk diadakan Audio-on-Demand atau Podcast untuk siaran-siaran terpilih radio RTM. Hasil perbincangan dalam mesyuarat bersama Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Penyiaran) pada Januari 2017, Seksyen MTA dengan kerjasama Seksyen Produksi Radio telah membuat pembentangan Perancangan dan Keperluan Podcast di RTM pada Mesyuarat Pengurusan Operasi Penyiaran bil.1/2017.

TAKLIMAT RADIO ONLINE KEPADA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

Pada 16 Ogos 2017, MTA telah di minta oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk memberikan khidmat konsultasi dan perbincangan mengenai Pelaksanaan Radio Online LLM. Taklimat berkenaan telah diadakan di Bilik Mesyuarat G7, Wisma Radio yang dihadiri oleh 11 orang pegawai dari pelbagai bahagian di LLM dan pengurusan RTM.



Slaid pembentangan cadangan pelaksanaan Podcast di RTM oleh MTA dan Produksi Radio.



Bergambar kenangan antara RTM dan LLM selepas sesi taklimat Pelaksanaan Radio Online LLM.

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA (JAPEN)

PENCAPAIAN

NEGARAKU @KOMUNITI

- Peringkat Komuniti : 1,447 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 727,900 orang
- Peringkat Daerah : 149 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 298,000 orang
- Peringkat Negeri: 15 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 60,000 orang

KEMBARA MERDEKA NEGARAKU

149 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 400,047 orang

PROGRAM RAKAN STRATEGIK

- Masyarakat Melayu: 16 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 8,500 orang
- Masyarakat India: 10 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 3,000 orang
- Masyarakat Cina: 5 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 3,000 orang

MENGHUBUNG MENYATU (CTU)

18 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 27,000 orang

CARING BRIDGE

5 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 215,000 orang

JALINAN KASIH RAKAN STRATEGIK

16 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 8,500 orang

PROGRAM KHAS : PROGRAM ENGAGEMENT & OUTREACH RAKAN STRATEGIK

167 aktiviti setahun, memanfaatkan kepada seramai 42,000 orang

ASEAN@YOURFINGERTIPS

- ASEAN@School (Secondary): memanfaatkan kepada seramai 3,000 orang
- ASEAN@School (Primary): memanfaatkan kepada seramai 1,500 orang
- ASEAN@Campus: memanfaatkan kepada seramai 3,000 orang
- ASEAN@Community: memanfaatkan kepada seramai 5,000 orang
- ASEAN@Jamboree: memanfaatkan kepada seramai 2,500 orang

JABATAN HAL EHWAL KHAS (JASA)

Melalui motto, "Memimpin Pendapat Rakyat", JASA begitu yakin mengorak langkah dalam merancang dan merangka strategi berkesan untuk mendidik rakyat dari pelbagai kaum supaya memahami dan menghayati semangat kenegaraan dan kebangsaan serta menerapkan nilai-nilai murni, progresif dan maju bersesuaian dengan arus pembangunan sosio-politik dan agama.

Seawal penubuhan pada 11 Mei 1960 sehingga kini, JASA begitu komited melaksanakan pelbagai program bertepatan dengan objektifnya iaitu membentuk rakyat Malaysia yang berkeyakinan diri, matang, mempunyai nilai moral yang kukuh serta berjiwa patriotik.

Sepanjang tahun 2017, pelbagai program dan aktiviti telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) di bawah kepimpinan Ketua Pengarah, YBhg. Datuk Dr. Hj. Mohd Puad Zarkashi. Antaranya, *Townhall* JASA Jelajah Kampus, *JASA Connectivity*, *JASA Update*, Pertandingan Instagram Merdeka 2017 (Foto dan Video), Pelancaran Album PATRIOT *Band*, Program Doa Untuk Malaysia, bagi masyarakat (*non-muslim*) dan banyak lagi.

JASA juga turut komited menjalankan program berbentuk titik sentuhan rakyat di pedalaman seperti Lawatan Sehati Sejiwa Bakti Siswa (pelajar USM) ke Meluan, Ekspedisi Mudik dan Kibor #Negaraku Sehati Sejiwa ke Ulu Tembeling, Pahang,

Mesra Jiran dan JASA Sepakat.

Dari segi kajian penyelidikan, JASA telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Sains Malaysia (USM) yang melibatkan 30 orang-orang terdiri di kalangan Panel Pemikir JASA dan Pengarah-Pengarah Bahagian JASA Ibu Pejabat pada 18 Mei 2017.

Pecahan berkaitan senarai aktiviti dan pelaksanaan sepanjang tahun 2017 yang dijalankan oleh JASA boleh dirujuk dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Sepanjang Tahun 2017

Bil.	Aktiviti/Program	Jumlah Aktiviti	Jumlah Peserta
1.	Program JASA Sepakat Perdana	1	1,700 orang
2.	Program JASA Sepakat 2017	8,093	323,720 orang
3.	Program <i>Townhall</i> JASA Jelajah Kampus (TJJK)	15	6,200 orang
4.	Program Mesra Jiran (MJ)	6,883	153,700 orang
5.	Pelancaran Peraduan Instagram Merdeka 2017 (#IM60 / #NEGARAKUMALAYSIA)	1	31,220 penyertaan
6.	Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan <i>Instagram</i> Merdeka 2017 (#IM60 / #NEGARAKUMALAYSIA)	1	300 orang
7.	Ops <i>Dry Run</i> 2017	3	491 urusetia
8.	<i>JASA Connectivity</i> / <i>JASA Update</i>	203	31,366 orang
9.	Kajian Penyelidikan 2017	12	-
10.	Kursus Asas Fotografi Digital	1	30 orang
11.	Kursus Pengenalan Jabatan 2017	2	26 orang
12.	Kursus Kemahiran Pemanduan Pacuan 4 Roda 4x4	1	42 orang
13.	Seminar Penceramah dan Pengelola Program Taqarrub Ramadhan peringkat Negeri Melaka 2017	1	107 orang
14.	Majlis Tandatanganan Memorandum Perjanjian (MoA) antara JASA dan USM	1	30
15.	JASA di <i>Facebook</i>	119	-
16.	JASA di Radio	90	-
17.	Sekolah JASA (Modul Latihan Kenegaraan) - Tingkatan Enam Atas/Bawah	5	2,800 orang

Bil.	Aktiviti/Program	Jumlah Aktiviti	Jumlah Peserta
18.	Alif Ba Ta (Modul Latihan Kenegaraan) - Pelajar IPTA/IPTS	3	1,598 orang
19.	Sekolah JASA (Pemimpin Tempatan)	10	6,430 orang
20.	Pameran JASA <i>Connectivity</i> Sempena Program Semarak Minda	1	1000 orang
21.	Program XPDC Mudik dan Kibor #NegarakuSehatiSejiwa	1	1,000 orang
22.	Doa Untuk Malaysia (<i>muslim</i>)	1	30,000 orang
23.	Doa Untuk Malaysia (<i>non-muslim</i>)	5	15,000 orang
24.	Konvesyen Kebangsaan JASA 2017	1	942 pengawai JASA
25.	<i>Khayr Ummah Convention 2017</i>	1	1,000 orang
26.	Pameran JASA Sepanjang 2017	16	10,000 orang
27.	Program Ekspedisi Kepimpinan dan Bakti Siswa ke Meluan, Sarawak	1	500 orang
28.	Program <i>Micro Targeting</i>	5	5,500 orang
29.	Program Cakna Rakyat bersama Masyarakat India Negeri Perlis	1	120 orang
30.	Program Pemimpin bersama Masyarakat	9	900 orang
31.	Program Kesempurnaan Hidup Beragama	1	450 orang
32.	Program Transformasi Muafakat Belia	1	1,187 orang
33.	Program Wacana Kepimpinan	1	120 orang
34.	Bengkel Pengupayaan Diri PRU-14	1	58 orang
35.	Program Ziarah Kasih Chinese New Year 2017	10	1,350 orang
36.	Program Menjalur Gemilang	5	2,300 orang
37.	Program Bicara Merdeka	53	10,000 orang
38.	Program MySepakat 2017	12	1,200 orang
38.	Program Pelancaran Persatuan Veteran JASA Perak	1	55 orang
39.	Ceramah "Menangani Persepsi Melabur Fitnah"	10	10,000 orang

MESRA JIRAN

Program Mesra Jiran merupakan program penerangan isu semasa berskala kecil melibatkan perbincangan seramai 20 hingga 30 orang di dalam satu program. Program ini dilaksanakan di seluruh negara Malaysia. Sepanjang tahun 2017 sebanyak 6,883 program Mesra Jiran telah berjaya dilaksanakan melibatkan 153,700 orang peserta.

PROGRAM DOA UNTUK MALAYSIA

Program Doa Untuk Malaysia telah diadakan pada 12 Ogos 2017 bertempat di Dataran Putra, Presint 1, Putrajaya bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2017 yang bertemakan

#NegarakuSehatiSejiwa. Penganjurannya yang dikecapi oleh seluruh rakyat Malaysia.

Program ini berjaya mengumpulkan 30,000 khalayak yang turut bersama-sama mendoakan kesejahteraan Negara. Tahun ini merupakan tahun keempat pelaksanaan program Doa Untuk Malaysia. Turut dilaksanakan Program *Pray For Malaysia* yang melibatkan penganut agama Hindu, Buddha, Buddha-Siam, Sikh dan Kristian di seluruh Negara pada tarikh yang sama serta berjaya mengumpulkan 15,000 orang khalayak.

Program Doa Untuk Malaysia yang diadakan sempena Sambutan Hari

Kebangsaan 2017 pada 12 Ogos 2017 bertempat di Dataran Putra, Presint 1, Putrajaya yang turut dihadiri oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Antara puluhan ribu khalayak yang hadir di Program Doa Untuk Malaysia yang diadakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2017 pada 12 Ogos 2017 bertempat di Dataran Putra, Putrajaya.

Program Doa Untuk Malaysia (*non-malaysia*) agama Buddha yang diadakan di Dewan Besar Organisasi Agama Buddha Negeri Perak sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2017 pada 12 Ogos 2017.

Program Doa Untuk Malaysia (non-muslim) agama Kristian yang diadakan di Gereja Kristus Nokotungag Tombotuon, Kampung Tombotuon, Tambunan Sabah sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2017 pada 12 Ogos 2017.

Program Doa Untuk Malaysia (*non-muslim*) agama Sikh masyarakat Punjabi di Gurdwara Sahib Malim Nawar sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2017 pada 12 Ogos 2017.

PERADUAN INSTAGRAM MERDEKA 2017 #IM60 #NEGARAKUMALAYSIA

Peraduan Instagram Merdeka 2017 #IM60 #NEGARAKUMALAYSIA merupakan kesinambungan pertandingan Instagram Merdeka #IM56, #IM57, #IM58 dan #sehatisejiwa yang telah dilaksanakan oleh JASA sempena Sambutan Hari Kebangsaan.

Sesuai dengan aplikasi Instagram itu sendiri yang menyediakan platform kepada penggunanya dalam mengekspresi sesuatu melalui gambar dan video, peraduan ini dilihat dapat mencerminkan Negara Malaysia sebagai sebuah Negara berbilang kaum. Sebanyak 31,220 jumlah penyertaan telah diterima oleh JASA sepanjang peraduan berlangsung.

Sesi bergambar Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Datuk Ketua Pengarah JASA bersama pemenang Peraduan Instagram Merdeka 2017 #IM60 #NEGARAKUMALAYSIA.

JASA SEPAKAT

JASA Sepakat adalah program yang berbentuk penyusunan akar umbi menerusi pendekatan halaqah ilmu di rumah-rumah tertentu di 555 kawasan

Dewan Undangan Negeri (DUN). Pengisian bacaan Yassin dan tahlil arwah serta tazkirah ringkas berbentuk "Tabayyun" turut diadakan dengan penglibatan seramai 555 orang Muzakir JASA dalam usaha meningkatkan kesedaran akar umbi akan bahayanya fitnah dan juga musibah terhadap penyebaran berita palsu di media sosial di samping mengingatkan kewajiban menjaga perpaduan dan kesatuan ummah.

Perlaksanaan program ini telah bermula sejak tahun 2016 dan sehingga Disember 2017 sebanyak 8,093 aktiviti telah dilaksanakan.

PROGRAM MICRO-TARGETING

Program yang dilaksanakan berbentuk ramah mesra antara Orang Berpengaruh (OBP) bersama kumpulan/orang yang mampu dipengaruhinya. Secara keseluruhannya setiap program yang dilaksanakan itu melibatkan peserta di antara 25-30 orang yang berumur di antara 21 hingga 40 tahun. Namun terdapat juga peserta yang masih belum layak mengundi dalam kalangan mereka yang berumur antara 19-20 tahun. Kesemua program yang dilaksanakan berbentuk santai bagi mengeratkan hubungan di antara OBP dan ahli kumpulan. Secara keseluruhannya, kumpulan yang didampingi merupakan golongan yang dikenalpasti tidak aktif dengan politik, terpinggir dan tidak menghadiri program-program yang dianjurkan oleh parti politik.

PROGRAM CAKNA RAKYAT

Program Cakna Rakyat ini dilaksanakan pada 19 Oktober 2017 bersama masyarakat India negeri Perlis, Parlimen Arau yang berbentuk memberi sumbangan dan ziarah kasih dari rumah ke rumah

oleh Jabatan Hal Ehwal Khas Negeri Perlis. Sebanyak 40 buah rumah telah diziarahi oleh JASA dengan kerjasama salah seorang Panel Pemikir JASA iaitu Encik Punithan Paramvisam yang juga merupakan Ketua Penerangan MIC Malaysia.

PROGRAM TOWNHALL JASA- JELAJAH KAMPUS

Program ini merupakan platform kerajaan khususnya untuk memberi penerangan yang jelas kepada mahasiswa-mahasiswa tentang isu-isu seperti GST, 1MDB, TPPA dan isu-isu lain yang sering menjadi persoalan.

Bersesuaian dengan Moto JASA, "Memimpin Pendapat Rakyat" (*Leading Public Opinion*), JASA membariskan Panel Pemikir JASA yang berkualiti bagi memberikan penjelasan bagi setiap isu yang dibangkitkan oleh para mahasiswa melalui pendekatan secara bersemuka dan juga melalui sesi soal jawab secara terus agar mereka mendapat maklumat yang benar dan bukannya hanya terpengaruh dengan maklumat tidak sahih yang mereka dapati di media-media sosial.

JASA CONNECTIVITY

JASA *Connectivity* merupakan satu Jawatankuasa pemantapan dan penguatkuasaan peranan media sosial JASA dalam menjelaskan dasar-dasar Kerajaan dan isu-isu semasa. Ia juga berfungsi menangkis fitnah dan tohmahan pihak-pihak tidak bertanggungjawab secara "real-time" melalui JASA *Update*. Jawatankuasa ini melibatkan penyertaan pemimpin politik, pemimpin masyarakat, pemimpin belia, pemimpin NGO dan penggiat media sosial setempat. Sebanyak 3,596 orang telah berjaya dikumpul bagi hebahan maklumat melalui JASA *Connectivity*.

MODUL LATIHAN KENEGARAAN- SEKOLAH JASA

Bermula sejak tahun 2016, JASA telah menganjurkan Modul Latihan Kenegaraan Sekolah JASA bagi pelajar-pelajar Tingkatan 6 Atas dan 6 Bawah seluruh negeri di Semenanjung. Matlamat utama penganjuran program adalah untuk melahirkan generasi pelapis kepimpinan negara yang memahami asas-asas kenegaraan Malaysia selain menyediakan jaringan keilmuan dan kepimpinan di antara pelajar-pelajar di sekolah menengah atas dan kepimpinan negara. Sebanyak 5 program telah berjaya dilaksanakan melibatkan 2,800 peserta.

PAMERAN JASA SEMPERNA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MALAYSIA

Pada 5 Disember sehingga 9 Disember 2017, JASA telah bersama-sama Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menyertai pameran bersempena Perhimpunan Agung UMNO ke-71 yang diadakan di PWTC. JASA sebagai salah sebuah Jabatan yang turut serta di dalam pameran tersebut turut mengadakan Kuiz Interaktif Kenegaraan yang dilihat berjaya menarik minat pengunjung untuk turut bersama-sama menyertainya. JASA juga telah membawa Band Patriot bagi persembahan *busking*.

Selain aktiviti-aktiviti tersebut, JASA juga turut mengedarkan bahan-bahan terbitan seperti buku Rukun Negara: Ideologi dan buku Kuiz Mega Kenegaraan: Penguasaan Lengkap Fakta-fakta Kenegaraan.

MAJLIS TANDATANGAN MEMORANDUM PERJAJIAN (MOA) ANTARA JASA DAN USM

Program Kerjasama Strategik JASA bersama Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia dalam melaksanakan kajian penyelidikan sosiopolitik. Kajian ini melibatkan 9 kawasan Parlimen tumpuan.

Dari kiri ke kanan, En. Ahmad Lufti Ibrahim (Pengarah JASA Pulau Pinang), Cik Noraniza Chek Ismail (Pengarah Bahagian Perancangan Strategik & Penyelidikan JASA), YBhg. Datuk Dr. Mohd Puad Zarkashi (Ketua Pengarah JASA), YBhg. Profesor Datuk Dr. Ismail (Naib Canselor USM), YBrs. Prof. Emeritus Omar Farouk Sheikh Ahmad (Pensyarah USM), YBrs. Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican (Pensyarah USM) dan YBrs. Dr. Sezali Md Darit (Pensyarah USM).

JASA D'RADIO

Program bual bicara JASA di Radio telah dilaksanakan sejak tahun 2015 di mana ia membicarakan akan topik isu-isu semasa dengan kerjasama penglibatan antara Radio RTM Negeri dan JASA serta tetamu jemputan yang bersesuaian mengikut topik yang dibawa. Sehingga tahun 2017, sebanyak 90 slot bual bicara telah berjaya dilaksanakan oleh seluruh JASA negeri kecuali negeri kecuali negeri Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan dan Sabah.

Program JASA Di Radio Negeri Sarawak iaitu "Sarawak Kamek" pula berbeza dengan program di semenanjung di mana ia terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu, Bahasa Melayu yang disiarkan di dalam saluran Sarawak FM dan Bahasa Mandarin di dalam saluran Red FM.

Bagi JASA Di Radio atau "Sarawak Kamek" kategori Bahasa Melayu dilaksanakan secara rakaman yang disiarkan pada setiap Selasa 2.30 hingga 3.00 petang dan Bahasa Mandarin dilaksanakan secara langsung pada jam 6.00 hingga 7.00 petang. Disiarkan sebulan dua kali dan siaran ulangannya juga dua kali sebulan dengan keseluruhannya sebanyak empat kali sebulan.

JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK (PROGRAM ANTARABANGSA) "KHAYR UMMAH CONVENTION" (KUC) 2017

Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Pertubuhan Al-Khadeem Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta Pertubuhan Ilmuan Malaysia (ILMU) pada 26 dan 27 November 2017 bertempat di Intercontinental Hotel, Kuala Lumpur. Program ini buat pertama kalinya akan diadakan di rantau ini dan Malaysia telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah berasaskan faktor umat Islam yang merupakan penduduk majoriti di Negara ini serta mempunyai kestabilan politik, sosial dan ekonomi.

Antara objektif program adalah bagi membincangkan pembinaan "*Khayr Ummah*" dalam merealisasikan Transformasi Nasional 2050 (TN50) dari aspek keagamaan selain meneroka peluang kerjasama dan perpaduan sesama organisasi dan individu pendakwah dalam pelbagai bidang bagi umat Islam seluruh Asia dan dunia amnya.

INSTITUT PENYIARAN DAN PENERANGAN TUN ABDUL RAZAK (IPPTAR)

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat
1	Kursus Komunikasi Strategik Siri 1	16 – 25 Jan	IPPTAR
2	Kursus Komunikasi Strategik : <i>Creativity in Action & Communication</i>	13 – 17 Mac	IPPTAR
3	Kursus PR <i>Communication Toward Professional</i>	25- 28 April	IPPTAR
4	Seminar Personaliti: <i>Groom and Boom</i>	27 April	IPPTAR
5	Mind Framing: Emosi dan Fikiran Holistik	2 - 3 Mei	IPPTAR
6	Kursus Komunikasi Strategik : <i>Creativity in Action & Communication</i>	15-19 Mei	IPPTAR
7	Protokol, Etiket dan Pengurusan Majlis Rasmi	23 - 24 Mei	IPPTAR
8	Seminar Integriti dan Persepsi	15 Jun	IPPTAR
9	Seminar Personaliti Tingkatkan Prestasi	16 Jun	IPPTAR
10	Kursus Komunikasi Strategik : <i>Creativity in Action & Communication</i>	10 -14 Julai	IPPTAR
11	<i>Mobile Journalism</i>	18 -19 Julai	IPPTAR
12	Kursus PR <i>Beyond Boundries: High Impact Performance PR Communication</i>	24 - 27 Julai	IPPTAR
13	Demokrasi Berparlimen Paksi Keutuhan	6 - 7 September	IPPTAR
14	<i>PR Synergy Strategy and Achievement</i>	24 -29 September	IPPTAR
15	<i>Big Data Analytic for Strategic Decisions</i>	30 - 31 Oktober	IPPTAR
16	<i>English For Communications</i>	30 - 31 Oktober	IPPTAR
17	Bengkel <i>Corporate Grooming and Etiquette Sosial</i>	3 - 7 November	Melaka
18	Kursus Mendepani Media	13 - 14 November	IPPTAR
19	Kursus <i>3D Max</i>	23 - 26 Januari	IPPTAR
20	Kursus Pembikinan Video Korporat Menggunakan <i>Adobe Premiere</i>	13 - 16 Februari	IPPTAR
21	Kursus Pengendalian Sistem Automasi Radio Netia	20 - 24 Februari	IPPTAR
22	Kursus Pengendalian Pemancar TV	7 - 9 Mac	IPPTAR
23	Kursus Pengendalian Siar Raya	6 - 10 Mac	IPPTAR
24	Kursus Asas Pendawaian Elektrik	20 - 22 Mac	IPPTAR
25	Kursus <i>Video Time Lapse</i>	13 - 17 Mac	IPPTAR
26	Kursus Siaran Luar TV (<i>OB Van</i>)	10 - 14 April	IPPTAR
27	Kursus Sistem Gelombang Mikro	25 - 27 April	IPPTAR
28	Kursus <i>Adobe Flash</i>	15 - 18 Mei	IPPTAR
29	Kursus Pengendalian Sistem Automasi Radio Zenon	2 - 5 Mei	IPPTAR
30	Seminar Stok Foto	20 Jun	IPPTAR
31	Kursus Kreatif dan Suntingan Audio	17 - 25 Julai	IPPTAR
32	Kursus <i>HD Filebase Workflow</i>	17 - 19 Julai	IPPTAR
33	Kursus Penyelenggaraan Sistem Sejuk Beku dan Penyaman Udara	21 - 23 Ogos	IPPTAR
34	Kursus Pengendalian Kamera Tunggal (SCP)	1 - 4 Ogos	IPPTAR
35	Seminar - Cabaran Penyiaran Dalam Era Pendigitalan	13 September	IPPTAR
36	Kursus Pengimbangan Muzik	25 - 29 September	IPPTAR

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat
37	Kursus Kreatif Fotografi	9 - 13 Oktober	IPPTAR
38	Kursus Pengendalian Audio	23 - 27 Oktober	IPPTAR
39	Kursus Sistem Kendalian Kamera Menggunakan <i>Drone</i>	1 - 10 November	IPPTAR
40	Kursus Aplikasi <i>Mobile Android</i>	6 - 09 November	IPPTAR
41	Kursus <i>Surround Sound 5.1</i>	6 - 10 November	IPPTAR
42	Bengkel Penyelarasan Bahagian Akademik IPPTAR 2017	3 - 05 Mac	Bukit Tinggi
43	Seminar "U r Special"	15 - 16 Mei	IPPTAR
44	Bengkel <i>Training Needs Analysis</i>	07 - 09 Jun	IPPTAR
45	Kursus <i>Photo and Video Journalism</i>	11 - 15 September	IPPTAR
46	Bengkel <i>Training Needs Analysis (Roll out)</i>	18 - 20 September	KLANG
47	Program Pengukuhan Pasukan Bersama Menuju Kecemerlangan	9 - 11 Oktober	Langkawi
48	Bengkel <i>Pre Council</i> Perancangan Program latihan IPPTAR 2018	14 - 15 September	IPPTAR
49	Bengkel <i>Training Needs Analysis</i> – Lanjutan	27 September - 2 Oktober	Banting
50	Anda Seorang <i>Cyber Trooper?</i> (Siri 1)	16 - 18 Januari	IPPTAR
51	Kursus <i>Outsmart Through Your Creativity</i> (Kerjasama KSU & UPM)	23 Januari	IPPTAR
52	Mendepani Media (Siri 1)	24 - 25 Januari	IPPTAR
53	Penerbitan Bual Bicara: <i>Face to Face</i>	6 - 10 Februari	IPPTAR
54	<i>Convergence Journalism</i>	14 - 17 Februari	IPPTAR
55	Ulasan Langsung & Laporan Khas	28 Februari - 2 Mac	IPPTAR
56	Bengkel Shooting Video <i>With Smartphone</i> (Kerjasama dengan AIBD)	13 - 15 Mac	IPPTAR
57	Kewartawanan Radio & TV (Siri 1: Pilihan Raya)	20 - 23 Mac	IPPTAR
58	Wawancara Radio (Siri 1: Pilihan Raya)	28 - 30 Mac	IPPTAR
59	Kewartawanan Radio & TV (Siri 2: Pilihan Raya)	10 - 13 April	IPPTAR
60	Tatacara Mendepani Media: JAPEN	19 - 20 April	IPPTAR
61	<i>Workshop ABU TV Prizes</i>	26 - 27 April	IPPTAR
62	Bengkel Pemerksaan Penguasaan Bahasa Melayu (Siri 1)	28 April	IPPTAR
63	<i>File Transfer Protocol & Editing</i>	3 - 5 Mei	IPPTAR
64	Penerbitan PSA, Kapsul dan <i>Jingle</i>	15 - 18 Mei	IPPTAR
65	Pengacara dan Pengulas Sukan Radio & TV	22 - 24 Mei	IPPTAR
66	Bengkel Pemerksaan Penguasaan Bahasa Melayu (Siri 2)	26 Mei	IPPTAR
67	Seminar Bijak Wang, Bijak Akal	6 Jun	IPPTAR
68	Sub-regional Workshop on Data Journalism (Kerjasama dengan AIBD)	24 - 26 Julai	IPPTAR
69	Bengkel Pemerksaan Penguasaan Bahasa Melayu (Siri 3)	28 Julai	IPPTAR
70	Photography: <i>Shape the Idea</i>	31 Julai - 3 Ogos	IPPTAR
71	Wawancara Radio (Siri 2: Pilihan Raya)	1 - 3 Ogos	IPPTAR
72	<i>Cinematography (Video)</i>	8 - 10 Ogos	IPPTAR
73	Penyiar Versatil	14 - 17 Ogos	IPPTAR

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Tempat
74	Penerbitan TV Bersepadu (Asas)	4 September - 10 November	IPPTAR
75	<i>Expressing Caricature (Digital Art)</i>	5 - 7 September	IPPTAR
76	<i>Adobe Primer</i>	25 - 28 September	IPPTAR
77	Kewartawanan Radio & TV (Siri 3: Pilihan Raya – Sabah)	25 - 29 September	SABAH
78	Anda Seorang <i>Cyber Trooper?</i> (Siri 2)	26 - 28 September	IPPTAR
79	<i>Shooting with Smartphone</i>	2 - 5 Oktober	IPPTAR
80	Penerbitan Dokumentari Radio	11 - 13 Oktober	IPPTAR
81	Penilaian Program	25 - 27 Oktober	IPPTAR
82	Penyampaian Berita Radio	31 Oktober - 2 November	IPPTAR
83	Kemahiran Penyampaian Berita Radio (Kerjasama dengan PKNS)	22 - 23 Februari	IPPTAR
84	Pemberitaan TV	6 April	IPPTAR

JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (JPDP)

KESEDARAN DAN PEMATUHAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709)

Di era ekonomi digital yang sedang giat membangun, data peribadi merupakan suatu komoditi yang berharga. Justeru itu, kepentingan untuk melindungi data peribadi amatlah dititikberatkan. Dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman dan menggalakkan pematuhan Akta 709 kepada Pengguna Data khususnya dan Subjek Data amnya, pelbagai program telah dianjurkan oleh Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

Selain kempen kesedaran melalui media cetak dan elektronik, Jabatan Perlindungan Data Peribadi juga telah menganjurkan sebanyak **12 Persidangan Perlindungan Data Peribadi** (Persidangan) di seluruh negara bagi menerangkan dengan lanjut mengenai pematuhan Akta 709 dan seterusnya menjadi platform

perhubungan di antara Pengguna Data dan pihak Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dalam mengemukakan pandangan dan isu-isu yang dihadapi berkaitan dengan pematuhan Akta 709.

Bagi memastikan Pengguna Data sentiasa peka dengan perkembangan isu-isu semasa yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi, Jabatan Perlindungan Data Peribadi turut menjemput penceramah luar yang terdiri daripada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Polis Diraja Malaysia, Bahagian Jenayah Komersial (PDRM) dan Ahli Akademik daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA). Platform ini digunakan untuk berkongsi pengetahuan dan menghuraikan isu-isu yang berkaitan, serta memberikan cara penyelesaian yang terbaik untuk menangani penyalahgunaan data peribadi melalui penggunaan Internet atau alat telekomunikasi serta ancaman jenayah siber dan komersial.


Ini supaya Pengguna Data sedar akan pentingnya perlindungan data peribadi yang dimiliki oleh organisasi mereka dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengelakkan penyalahgunaan data peribadi tersebut. Sejuta penghargaan diberikan kerana penglibatan mereka memberikan kerjasama yang mantap dan sekaligus menjayakan persidangan yang telah diadakan sepanjang tahun 2017. Syabas!

Di samping itu juga, maklumat mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang baharu oleh **Kesatuan Eropah (EU)** iaitu **General Data Protection Regulation (GDPR)** bermula 28 Mei 2018 juga telah disampaikan kepada para peserta persidangan bagi memastikan pematuhan perundangan antarabangsa yang melibatkan data peribadi warga EU yang diproses oleh organisasi mereka.

Senarai Tarikh Dan Tempat Persidangan Tahun 2017

Bil.	Tarikh Persidangan	Tempat	Kategori Peserta
1.	14 Februari 2017 (Selasa)	Pulau Pinang	Pengguna Data
2.	27 Mac 2017 (Isnin)	Perak	Badan Berkanun
3.	28 Mac 2017 (Selasa)	Perak	Pengguna Data
4.	17 April 2017 (Isnin)	Kuching, Sarawak	Badan Berkanun
5.	18 April 2017 (Selasa)	Kuching, Sarawak	Pengguna Data
6.	8 Mei 2017 (Isnin)	Kota Kinabalu, Sabah	Pengguna Data
7.	23 Mei 2017 (Selasa)	Kuala Lumpur	Pengguna Data
8.	21 Ogos 2017 (Isnin)	Johor Bahru, Johor	Pengguna Data
9.	3 Oktober 2017 (Selasa)	Kota Bahru, Kelantan	Pengguna Data
10.	3 Oktober 2017 (Selasa)	Kota Bahru, Kelantan	Badan Berkanun
11.	2 November 2017 (Khamis)	Putrajaya	Pengguna Data
12.	2 November 2017 (Khamis)	Putrajaya	Badan Berkanun

Peratusan Maklum Balas Berdasarkan Borang Penilaian Persidangan Bagi Tahun 2017



- Graf menunjukkan peratusan maklum balas berdasarkan Borang Penilaian Soal Selidik yang telah diedarkan kepada para peserta Persidangan.
- Peratusan yang dinilai berdasarkan kriteria-kriteria seperti berikut:
 - Objektif Persidangan;
 - Isi Kandungan Ceramah;
 - Pengurusan Persidangan dan Kemudahan;
 - Penceramah; dan
 - Pengurusan Keseluruhan Persidangan.


Berdasarkan maklumbalas yang diterima, peratusan menunjukkan peserta berpuas hati dan memberi penilaian yang baik terhadap penganjuran seminar. Rata-rata mereka boleh manfaat daripada penganjuran tersebut dan berharap usaha ini diteruskan. Penganjuran persidangan merupakan aktiviti tahunan yang dibuat bagi membantu golongan Pengguna Data dalam melaksanakan pematuhan kepada peruntukan akta.

PENDAFTARAN PENGGUNA DATA

Bilangan paling banyak mendaftar pada tahun 2017 ialah Golongan Pengguna Data Pemberi Pinjam Wang sebanyak 1195 dan Pajak Gadai sebanyak 342 kerana pindaan terhadap Perintah Perlindungan Data Peribadi (Golongan Pengguna Data) 2016 telah berkuatkuasa pada 16 Disember 2016.

Tiada penambahan Pendaftaran Golongan Pengguna Data Pengangkutan dan Utiliti kerana pendaftaran pengguna data di dalam golongan tersebut telah selesai sepenuhnya sebelum tahun 2017.


Pendaftaran Pengguna Data Pada Tahun 2017



ADUAN

Bermula dari akhir tahun 2013 hingga tahun 2017, Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah menerima sebanyak 545 aduan rasmi yang telah dikenalpasti berada dalam bidang kuasa jabatan ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 318 aduan atau 56.9 peratus daripada keseluruhan aduan yang direkodkan adalah merupakan aduan baharu yang diterima pada tahun 2017. Pada peringkat awal, aduan yang diterima akan disaring dan dikategorikan untuk diambil tindakan selanjutnya. Ada aduan yang boleh diselesaikan dengan segera dan ada juga yang memerlukan siasatan. Aduan yang memerlukan siasatan akan melalui pelbagai peringkat siasatan, sehinggalah dibawa ke mahkamah. Pada tahun 2017, telah ada aduan yang dijadikan kes dan dibawa ke mahkamah dan telah selesai dijatuhkan hukuman.

Aduan Yang Diterima Dari 2013 Hingga 2017 Jabatan Perlindungan Data Peribadi




Berdasarkan draf di atas, didapati peningkatan mendadak aduan ini didorong oleh faktor kesedaran awam mengenai kepentingan melindungi data peribadi selain kesan tidak langsung daripada liputan media ke atas isu-isu ketirisan dan pelanggaran Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 di Malaysia. Selain itu, pelbagai program kesedaran dan hebahan yang dilaksanakan oleh pihak JPDP juga turut memberi impak dan menyumbang kepada peningkatan ketara statistik aduan.

Isu-isu utama yang sering menjadi punca aduan adalah berkaitan kesalahan memproses data peribadi tanpa kebenaran (231 aduan), menyebabkan penzahiran maklumat peribadi kepada pihak ketiga (65 aduan), isu keselamatan data, penyimpanan tanpa justifikasi dan ketepatan maklumat yang diproses.

Organisasi pengguna data yang berskala besar dan bertaraf multinasional masih mendahului senarai pihak-pihak yang diadakan dengan sektor komunikasi,

perbankan dan insurans merupakan penyumbang utama kepada angka tersebut. Antara lain, dua (2) sektor baharu yang mula diwartakan sejak akhir tahun 2016 iaitu Pengendali Pajak Gadai dan Pemberi Pinjaman Wang telah mencatatkan jumlah aduan yang agak tinggi berbanding beberapa sektor sedia ada.

Jumlah Aduan Mengikut Sektor Pengguna Data Bagi Tahun 2017



PEMERIKSAAN DAN PEMANTAUAN

Bermula tahun 2017, fokus Jabatan adalah kepada aspek penguatkuasaan Akta 709 namun begitu outreach programme masih diteruskan dan dijalankan. Pelaksanaan penuh Akta 709 adalah melalui pemeriksaan, penyiasatan dan penguatkuasaan. Pemantauan dibuat kepada sistem dan operasi Pengguna Data yang mengendalikan data peribadi di organisasi masing-masing. Justeru, pemeriksaan yang dilaksanakan oleh Bahagian Pemantauan pada tahun 2017 lebih menekankan pemeriksaan di bawah Seksyen 101 berbanding memberikan khidmat nasihat dan pendidikan kepada pengguna data.

PEMERIKSAAN SISTEM DATA PERIBADI (SEKSYEN 101)

Seksyen 101 membenarkan Pesuruhjaya untuk menjalankan pemeriksaan ke atas sistem perlindungan data peribadi yang digunakan oleh pengguna data. Melalui pemeriksaan di bawah Seksyen 101, pengendalian sistem perlindungan data peribadi di organisasi pengguna data akan diperiksa dan cadangan penambahbaikan akan diberikan.



Sepanjang tahun 2017, sebanyak 32 pemeriksaan di bawah Seksyen 101 telah dilaksanakan berbanding 7 pemeriksaan pada tahun 2016. Graf di bawah menunjukkan jumlah pelaksanaan lawatan pemeriksaan di bawah Seksyen 101 mengikut golongan pengguna data bagi tahun 2017 berbanding 2016.

Jabatan Perlindungan Data Peribadi Pemeriksaan Seksyen 101 Mengikut Golongan Pengguna Data (2016-2017)



Peluasan pemeriksaan Seksyen 101 telah dilaksanakan ke atas golongan pengguna data bagi sektor hartanah, komunikasi dan perkhidmatan. Selain daripada itu, pemeriksaan Seksyen 101 ke sebelah sektor pengguna data yang kritikal seperti sektor kesihatan, pelancongan & hospitaliti, dan sektor pendidikan turut dipertingkatkan pada tahun 2017. Graf di sebelah menunjukkan pemeriksaan Seksyen 101 pada tahun 2017 berbanding 2016 di sektor kesihatan meningkat sebanyak 400%, sektor pelancongan & hospitaliti meningkat pada 600% dan sektor pendidikan meningkat sebanyak 300%.

EU-GDPR

European Union - General Data Protection Regulation (EU-GDPR) merupakan perkembangan terbaru di negara-negara Kesatuan Eropah. Bermula 25 Mei 2018, EU GDPR akan berkuatkuasa sebagai dokumen perundangan utama dalam perlindungan data dan bakal menggantikan Perintah Perlindungan Data 1995 (1995 *Data Protection Directive*) yang sedang digunakan oleh pihak awam dan swasta di negara Kesatuan Eropah.

Malaysia tidak terkecuali dalam perkembangan ini memandangkan EU-GDPR adalah terpakai kepada semua pihak yang memproses data peribadi warga EU. Oleh yang demikian, beberapa siri mesyuarat dan bengkel telah

PENERBITAN BAGI RUJUKAN DAN KHIDMAT NASIHAT

Berdasarkan lawatan, pemeriksaan dan pertanyaan yang diajukan oleh para pengguna data, JPDP telah melaksanakan beberapa penelitian dan analisa lanjut. Hasil daripada analisa tersebut, JPDP telah menerbitkan beberapa risalah yang bertujuan membantu dan memberi panduan kepada Pengguna Data mengenai pematuhan Akta 709.

Risalah-risalah ini turut bertujuan untuk membantu meningkatkan pemahaman Pengguna Data dan memudahcara pengendalian sistem data peribadi di organisasi masing-masing. Penerbitan risalah-risalah tersebut adalah seperti di bawah:


A Quick Guide to Privacy Notice



Frequently Asked Questions on PDPA



PDPA: 1001 Solution-Focused Questions



Panduan Perlindungan Data Peribadi (Sektor Awam)



diadakan bagi memberi kesedaran awam kepada pengguna data di Malaysia terhadap penguatkuasaan EU GDPR, seperti berikut:

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh dan Tempat	Catatan
1.	Taklimat Implikasi EU-GDPR Kepada Industri Di Malaysia	13 April 2017 Putrajaya	
2.	Mesyuarat Kerja Penyediaan Pelan Tindakan Pematuhan EU-GDPR Oleh Industri Malaysia	7 Julai 2017 Putrajaya	
3.	Mesyuarat EU-GDPR bersama MITI	6 Oktober 2017 Putrajaya	Mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Dato' TKSU (O) KKMM
4.	Bengkel EU GDPR Kepada Pengguna Data	29 November 2017 Putrajaya	Penglibatan seramai 220 orang pengguna data

PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)

JABATAN PENGARANG

Jabatan Pengarang yang didokong oleh tiga perkhidmatan utamanya iaitu Perkhidmatan Berita Dalam Negeri (PBDN), Perkhidmatan Berita Ekonomi (PBE) dan Perkhidmatan Berita Antarabangsa (PBA), secara keseluruhannya telah menghasilkan sejumlah 100,360 berita, atau purata 275 berita sehari sepanjang tempoh itu. PBDN kekal menghasilkan berita tertinggi dengan 69,751 berita, ini diikuti oleh PBE sebanyak 29,488 berita dan PBA sebanyak 1,121 berita.

Pada tahun 2017, sejumlah 7,373 berita eksklusif disumbangkan oleh PBDN, Biro-biro Negeri sebanyak 5,135 berita eksklusif, manakala PBE dan PBA pula masing-masing merekod 1,983 dan 255 berita eksklusif.

Meja Rencana dan Tugas Khas pula mengeluarkan sejumlah 880 artikel manakala Meja Mandarin menghasilkan sejumlah 6,721 berita. Manakala unit foto menyumbangkan sebanyak 67,487 foto dalam tempoh tahun 2017.

Berita-berita BERNAMA telah disiarkan secara meluas oleh pelbagai pelanggan media BERNAMA. BERNAMA sendiri menyiarkan berita-beritanya dalam lima bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin, Arab dan juga Sepanyol melalui pelbagai platform medianya seperti BERNAMA News Channel, BERNAMA Radio, portal berita BERNAMA di www.

bernama.com, Facebook, Twitter, Youtube, Instagram dan aplikasi mudah alih BERNAMA.

Setakat Disember 2017, pengunjung Bernama.com mencecah 3.053 juta dengan 83.28 juta *hits*, pengikut Facebook mencatat 341,669 dan pengikut Twitter 670,893. Jumlah tontonan *Youtube Front Desk* pula setakat bulan Disember ialah 510,348.

Mulai 15 Disember 2017, Facebook BERNAMA *Offbeat* yang dikendalikan oleh *Multi Media Desk (MMD)* yang beroperasi sejak 1 Februari 2017 ditutup dan ia digantikan dengan Facebook *Front Desk* bagi menyeragamkan semua produk yang dihasilkan di bawah satu jenama *Front Desk MMD*.

Liputan peristiwa besar BERNAMA seperti banjir di Pantai Timur, Kematian Ketua Menteri Sarawak, Istiadat Angkat Sumpah Kabinet Baharu Sarawak, Kes Pembunuhan Kim Jong Nam di KLIA2, Insiden Rempuhan Lapan Remaja Berbasikal di Johor Baharu, Istiadat Pertabalan Agong ke-15 Sultan Muhammad V, Tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Ittifaqiah, Perhimpunan Agung UMNO 2017 dan Lawatan Rasmi Putera Charles ke Malaysia.

ANUGERAH

Anugerah Rencana Terbaik Bahasa Inggeris anjuran Kerajaan Negeri Melaka, Anugerah Berita Atas Talian (*Online*) Bahasa Melayu, Anugerah Media Portal Berita di Majlis Anugerah Sastera dan Media Negeri Sembilan 2017, Anugerah Rencana Bahasa Melayu Terbaik dan Anugerah Khas Menteri Besar Johor tempat pertama dan kedua bagi Kategori Media Cetak dan Portal Berita Dalam Talian (Berita dan Rencana) Pertandingan Penulisan anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

PRESTASI KEWANGAN (PRA AUDIT)

BERNAMA telah mencatatkan defisit sebanyak RM1.68 juta bagi tahun kewangan 2017 berbanding surplus RM1.34 juta pada tahun 2016. Penurunan sebanyak RM3.02 juta berikutan peningkatan dalam perbelanjaan BERNAMA.

Pendapatan BERNAMA pada tahun 2017 berjumlah RM99.91 juta menunjukkan peningkatan sebanyak RM5.12 juta atau 5.40% berbanding RM94.79 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pendapatan ini juga merangkumi geran belanja mengurus yang diterima daripada kerajaan pada tahun 2017 iaitu berjumlah RM61.22 juta berbanding RM60.5 juta pada tahun 2016 dan geran pembangunan dilunaskan berjumlah RM9.56 juta pada

tahun 2017 berbanding RM8.75 juta pada tahun 2016.

Perbelanjaan pada tahun 2017 berjumlah RM101.51 juta menunjukkan peningkatan sebanyak RM8.10 juta atau 8.67% berbanding RM93.41 juta pada tahun 2016. Peningkatan dalam perbelanjaan disebabkan oleh peningkatan belanja hutang ragu sebanyak RM1.96 juta dan belanja susut nilai sebanyak RM2.14 juta pada tahun 2017 berbanding pada tahun 2016. Belanja emolument juga meningkat sebanyak RM5.24 juta disebabkan oleh kenaikan dua tangga gaji pada tahun 2017.


JABATAN NIAGA

Pencapaian 2017 adalah seperti berikut:

Bahagian / Unit	Pencapaian (RM)
Perhubungan Media dan Pengurusan Acara	2.09 juta
Media dan Agensi Berita Asing	7.62 juta
Pemasaran Foto	2.39 juta
Pangkalan Data dan Maklumat Korporat	1.23 juta
Portal	2.77 juta
Jualan Nasional	2.76 juta

KURSUS DAN LATIHAN

Dalam tempoh Januari hingga Disember 2017 sebanyak 249 kursus meliputi bengkel, seminar, program ceramah dan sesi pembelajaran telah diadakan. Jumlah ini merangkumi 53 (22%) kursus Pengurusan dan Kepimpinan, 56 (23%) kursus Kualiti dan Produktiviti, 36 (14%) kursus Pembangunan Diri, 93 (37%) kursus Komputer & Teknologi Maklumat, 8 (3%) Kursus Bahasa & Komunikasi serta 3 (1%) Kursus Pembangunan Perniagaan. 88% daripada keseluruhan warga BERNAMA telah menghadiri pelbagai program latihan yang dianjurkan.



BERNAMA NEWS CHANNEL (BNC)

(dahulunya dikenali sebagai Sykt Gem Bytes Sdn Bhd)

BERNAMA News Channel (BNC) dianggap sebagai simbol sumber berita utama yang boleh dipercayai dan diiktiraf oleh organisasi tempatan dan luar negara. Signifikan dengan usianya yang mencecah sedekad, BNC dilihat lebih matang dalam pengeluaran berita terkini.

Tahun 2017 merupakan tahun amat produktif BNC dengan beberapa program baharu diperkenalkan bertujuan untuk memantapkan pengisian saluran BNC. Program berkenaan adalah 'Nine11', 'BizTalk', 'Special Interview' dan 'Turun Padang'. Manakala program sedia ada seperti Buletin Bernama, rangkaian program lain termasuk 'BERNAMA Today', 'The Nation', 'Hijabsters', 'Famous 2 Famous', 'Jurnal Bernama', 'Salam Dari Jakarta' dan program utama 'Ruang Bicara' dikekalkan memandangkan program berkenaan sudah mempunyai pengikutnya sendiri.

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 855 program telah disiarkan di saluran BNC. Program (secara langsung) mencatatkan sebanyak 96.14% iaitu sebanyak 822 program dan merupakan program utama yang menyumbang kepada kandungan program di BNC. Manakala selebihnya adalah program berunsurkan perpaduan rakyat iaitu 2.22% dengan 19 program dan 1.64% pula adalah program berbentuk kapsul/slaid iaitu sebanyak 14 program yang diperoleh daripada badan-badan kerajaan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Filem Negara Malaysia dan sebagainya.

BNC masih meneruskan usahasama dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) sepanjang tahun 2017 di mana beberapa program siaran langsung diambil daripada stesen berkenaan. Program yang dimaksudkan adalah seperti jadual berikut :

Bil.	Nama Program	Tarikh Siaran Langsung
1.	Pelancaran Transformasi Nasional 2050	19 Januari 2017
2.	Ucapan Dan Pelancaran Inisiatif Negaraku	18 Mac 2017
3.	Konsert Ekspresi Negaraku	18 Mac 2017
4.	Istiadat Pertabalan KDYMM SPB Yang Di-Pertuan Agong XV	24 April 2017
5.	Sambutan Hari Umno 2017	11 Mei 2017
6.	Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2016	23 Mei 2017
7.	Pelancaran Perdana My Freeview	6 Jun 2017
8.	Sambutan Hari Peneroka Ke-60	23 Julai 2017
9.	Opening Ceremony Kuala Lumpur 2017 29 th Sea Games	19 Ogos 2017
10.	Majlis Penutup Kuala Lumpur 2017 Sukan Sea Ke-29	30 Ogos 2017
11.	Perbarisan Dan Perarakan Hari Kebangsaan 2017	31 Ogos 2017
12.	Sambutan Hari Malaysia 2017	16 September 2017
13.	Budget 2018	27 Oktober 2017
14.	PAU 2017 - Perasmian Persidangan Pergerakan Sayap	5 Disember 2017
15.	Perasmian Persidangan Agung Umno 2017	7 Disember 2017
16.	PAU 2017 - Ucapan Penanguhan Dan Penutup Oleh Presiden	9 Disember 2017

Penghasilan berita BNC sepanjang tahun 2017 pula amat memberangsangkan dengan penghasilan sebanyak 9,566 berita. Bahan berita dari Lembah Klang mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 71.46% dengan jumlah 6,836 berita. Diikuti oleh bahan berita dari luar Lembah Klang iaitu sebanyak 22.29% dengan 2,132 berita. Manakala laporan eksklusif sebanyak 5.58% dengan 534 berita. Berita secara langsung pula adalah sebanyak 0.29% dengan 28 berita, berita perpaduan rakyat 0.22% dengan 21 berita dan akhir sekali berita terkini 0.16% dengan 15 berita.

Siaran Bernama News Channel boleh ditonton di saluran Astro 502, Unifi TV 631, MYTV Channel 121 dan live streaming di webtv.bernama.com.

Facebook : Bernama News Channel
Twitter : @bernamanews
Instagram : @bernamanewschannel
Youtube : Bernama News Channel
Email : info.bernamanewschannel@gmail.com

BERNAMA RADIO

Tahun kewangan BERNAMA Radio (BR) pada 2017 mencatatkan inouis tertinggi iaitu RM4,011,654.53 manakala nilai kontrak pula ialah RM4,940,895.23

Biar pun secara keseluruhan industri media di Malaysia khususnya percetakan mencatatkan penurunan dari segi hasil pengiklanan pada 2017, namun BR berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 20.2% berbanding 2016.

BERNAMA Radio kini menggunakan tagline "Semuanya Tentang Anda", menyampaikan berita ekstra, berita dunia niaga dan di setiap puncak waktu serta pada minit ke 30. Kandungan lain meliputi laporan lalu lintas, program-program yang disiarkan secara langsung dan interaktif, program-program tajaan, program yang bersifat Islamik, segmen perniagaan dan sukan.

China Radio International (CRI) menjadi penyumbang terbesar bagi pembelian ruang udara atau "airtime" BR pada 2017 apabila menyambung kontrak mereka untuk tahun kedua dengan nilai USD180,000 (RM720,000) bagi tempoh setahun bermula 15 Disember 2017.

Majlis menandatangani Memorandum Kerjasama program "Kabir Merah Putih" bagi musim ke 4 bersama pihak Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) pula diadakan pada 3 Mac 2017 di Kuala

Lumpur dengan BERNAMA diwakili oleh Pengurus Besarnya, Datuk Zulkefli Salleh.

UXERA SDN BHD (dahulunya dikenali sebagai Bernama Systems & Solutions Advisor Sdn. Bhd. Atau pun BESSAR)

Uxera Sdn Bhd telah menghasilkan pendapatan sebanyak RM13.547 juta bagi tahun 2017 berbanding RM24.447 juta pada tahun 2016. Keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan oleh Uxera adalah sebanyak RM0.212 juta berbanding RM0.244 juta pada tahun 2016. Manakala, baki tunai Uxera adalah sebanyak RM0.873 juta.

NAM NEWS NETWORK (NNN)

NNN kini memasuki tahun ke-12 operasinya di bawah pengurusan BERNAMA, Agensi Berita Nasional Malaysia.

NNN dilancarkan pada 2006 di Kuala Lumpur di bawah mandat yang diberikan Persidangan ke-6 Menteri-menteri Penerangan Negera-negara Berkecuali (COMINAC VI) yang dianjurkan oleh Malaysia pada 2005.

Ia adalah sesawang berita rasmi NAM yang dianggotai 120 negara. Malaysia menyumbangkan peranan yang ketara kepada pertubuhan ini, kumpulan serantau yang kedua terbesar selepas PBB. NNN juga merangkumi ASIA NET, BUSINESS Wire dan GLOBE NEWSWIRE, tiga perkhidmatan BERNAMA di bawah Unit MREM.

NNN juga mempunyai bahagian khas Save Palestine, selaras dengan dasar utama NAM dan hubungan luar Malaysia.

Dari Januari hingga Disember 2017, perkhidmatan Bahasa Inggeris NNN menerima 329,694 kunjungan, perkhidmatan Sepanyol 12,332 kunjungan dan perkhidmatan Arab 30,428 kunjungan.

ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN

1. Eksekutif Editorial Bahagian Jualan BERNAMA telah menerima Anugerah Laporan Berita *Online* Terbaik menerusi laporan berita "*Worldwide Holding's Mission of Compassion*" pada Majlis Makan Malam Media PKNS.
2. Pegawai Berita BERNAMA, Mohd Khairi Idham Amran kerana telah memenangi tempat kedua dalam kategori portal berita dalam talian dan media cetak (Berita dan Rencana), menerusi artikelnya "*Malaysia Works at Cultivating Strong Economic Ties with China*" sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
3. AKRAB BERNAMA telah memenangi Anugerah AKRAB Gemilang (Anugerah Terbaik Organisasi) sempena Sambutan Hari Psikologi Peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).
4. Editor Meja Rencana, Hj Mohd Nasir Bin Yusoff telah memenangi Anugerah AKRAB Bestari dan Pengurus Infolib, Hasnita Ibrahim pula menerima Anugerah AKRAB Proaktif Sambutan Hari Psikologi Peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).
5. Pegawai Berita BERNAMA telah menerima Anugerah Media Portal Berita sempena Majlis Anugerah Sastera dan Media Negeri Sembilan 2017.
6. Penolong Pengurus Pusat Latihan dan Kecemerlangan BERNAMA telah

memenangi Hadiah Penghargaan Kategori Puisi sempena Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) 2016.

7. Wartawan BERNAMA Lucia Terey John telah menerima Anugerah Rencana Bahasa Melayu Terbaik dan juga Anugerah Khas Menteri Besar Johor manakala Pegawai Berita BERNAMA Suhainie Mohd Khalid memenangi Anugerah Berita Pelancongan Kebudayaan Terbaik (Kategori Bahasa Melayu). Jurufoto BERNAMA Shaifuldin Ahmad menerima Anugerah Fotografi Sukan Terbaik. Anugerah-anugerah tersebut disampaikan sempena Anugerah Media Johor 2017.
8. Pegawai Berita BERNAMA, Kurniawati Binti Kamarudin telah memenangi Hadiah Penghargaan bagi Kategori '*Best Placemaking Article in Print Media*' bagi artikel yang bertajuk '*Komuniti Hidupkan Kembali Sungai Bunus*' sempena '*MIP-Think City, My PLACE AWARDS 2017*'.
9. Pegawai Berita BERNAMA, Kurniawati Binti Kamarudin telah memenangi Anugerah Kategori Media Cetak dan Portal Berita Dalam talian (Berita & Rencana) menerusi laporan bertajuk '*Pulau Banggi Tidak Akan Terpinggir Lagi*' manakala Sakini Mohd Said memenangi tempat kedua kategori yang sama dengan laporan bertajuk '*Anyaman Bulu*' Salingkawang Keunikan Kraf Sabah'. Petugas Radio BERNAMA, Nurliyana Farhah Ruslan memenangi hadiah saguhati menerusi laporan bertajuk '*Felcra Bantu Naik Taraf Sosioekonomi Pulau Banggi*'. Anugerah yang disampaikan bersempena Malam Media Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) 2017.

10. Petugas Unit Foto BERNAMA, Zulkarnain Kamaruddin telah memenangi tempat ketiga manakala Zahari Abdul Razak menerima hadiah saguhati menerusi Pertandingan Fotografi Perdana Menteri Prihatin Rakyat sempena Perhimpunan Agung UMNO 2017.
11. Petugas Biro Pahang BERNAMA, Nurul Huda Ahmad Lutfi memenangi tempat kedua bagi Laporan Berita Sukan manakala Zulfaidi Muhammad meraih tempat pertama Fotografi Berita Sukan. Mohd Faizol Ab. Aziz pula memenangi tempat kedua menerusi dua kategori iaitu Fotografi Berita dan Berita Sukan. Anugerah yang disampaikan bersempena Majlis Media Pahang DRB-HICOM.

PROGRAM / AKTIVITI

1. BERNAMA Radio telah mengadakan Majlis Pelancaran Program Radio "Tamil Oli" dengan kerjasama pelanggan mereka New Wave Event Sdn Bhd pada 2 Februari 2017 di Tingkat 10, Wisma BERNAMA. Majlis ini dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, Menteri Komunikasi dan Multimedia serta turut dihadiri Dato' Seri Samy Vellu, Duta Khas ke India dan Afrika Selatan.
2. Kumpulan Media Karangkrif telah menganjurkan program *Tea Talk #Quran Hour* dengan kerjasama BERNAMA pada 16 Ogos 2017 di Wisma BERNAMA. Ia merupakan satu usaha membantu menyebarkan kempen *WORLD#QuranHour* dan *Merdeka#QuranHour* kepada seluruh masyarakat.
3. Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

(KKMM), Dato' Samsuni Mohd Nor yang turut disertai oleh seramai 15 orang pegawai KKMM telah mengadakan kunjungan ke BERNAMA pada 19 Oktober 2017.

4. Pada 19 Oktober 2017, BERNAMA telah menerima kunjungan rasmi Kebawah Kaus YTM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Dato' Muhammed Bin Haji Abdullah, Undang Luak Johol yang disertai oleh 16 orang pegawai kanan beliau.
5. Pada 22 Mei 2017, BERNAMA telah menyambut ulang tahunnya yang ke-50 dengan Majlis Sambutan Ulang Tahun BERNAMA Ke-50 yang berlangsung di Dewan Perdana Felda.



6. Pada 18 Julai 2017, satu ekspedisi yang diberi nama "Jelajah 1 Jiwa" yang dianjurkan oleh BERNAMA yang bertujuan untuk mengembara ke seluruh semenanjung Malaysia mengunjung pesara-pesara BERNAMA.



7. Pada 24 April 2017, sebahagian daripada 142 penerima anugerah khidmat cemerlang, perkhidmatan lama dan para pesara BERNAMA pada majlis penganugerahan yang berlangsung di Wisma BERNAMA.



8. Pada 25 Feb 2018, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak (tengah) disambut ribuan rakyat jelata setibanya pada Program Negaraku: Komuniti 1Malaysia di Taman Tasik Sultan Abu Bakar hari ini. Turut hadir Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak serta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah ditubuhkan pada 1981 dengan objektif menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman Malaysia. Pada tahun 2017, Empat Fokus Teras Pembangunan dan Transformasi FINAS iaitu

- Pembangunan Dasar, Organisasi dan Perkhidmatan
- Pembangunan Kandungan, Sinergi dan Pembangunan Industri
- Pembangunan Kemahiran, Potensi dan Profesionalisme Modal Insan
- Pembangunan Ekonomi, Pasaran dan Pelaburan Industri

telah digerakkan dengan misi memperkasakan industri kreatif secara holistik dan menjana kepada kesejahteraan rakyat. Justeru, FINAS bertanggungjawab kepada fungsi-fungsi strategik iaitu

- Meningkatkan Perkhidmatan dan Kemudahan yang Cepak dan Berkesan
- Meningkatkan Profesionalisme dalam Kalangan Penggiat Industri

- Meningkatkan Sokongan, Penontonan dan Semangat Mencintai Filem Tempatan
- Mendokumentasi, Memelihara dan Memulihara Kandungan Audio Visual
- Menerbitkan Kandungan Audio Visual Berkualiti Tinggi sebagai Wadah Aspirasi dan Komunikasi Kerajaan
- Mempromosi dan Meningkatkan Eksport Kandungan Tempatan ke Peringkat Global dengan Jaringan Kerjasama Strategik dan Perhubungan Antarabangsa
- Mempromosi Malaysia sebagai Lokasi Penggambaran dan Penerbitan di Peringkat Domestik dan Antarabangsa

Di dalam aspek membina masyarakat bermaklumat, meningkatkan komunikasi dan hubungan strategik, FINAS telah menjayakan program berteraskan rakyat seperti berikut:

PROJEK MEDIATHEQUE DAN MUSEUM OF MOVING IMAGES (MOMI) SEBAGAI PUSAT MAKLUMAT

Mediatheque merupakan pusat maklumat yang memfokuskan empat teras utama iaitu pembangunan prasarana koleksi ilmu, mempromosikan bahan koleksi dan perkhidmatan, penyediaan dan memperkayakan koleksi serta mendokumentasi dan menyediakan perkhidmatan rujukan bahan kandungan kreatif sebagai warisan dan khazanah negara. Bahan-bahan audio visual dalam pelbagai format yang disimpan dalam bilik kawalan '*film vault*' adalah bernilai sejarah dan merupakan aset khazanah Negara. Sepanjang tahun 2017, bahan audio visual bagi koleksi Dokumentari,

Treler dan Cereka adalah sebanyak 4,072 tajuk (1,203 jam), koleksi Liputan Arkib sebanyak 6,597 liputan (1,886 jam) dan koleksi bahan Pita Audio sebanyak 16,883 pita (8,441 jam). Koleksi audio visual yang telah dibuat alihan format digital boleh diakses dan pratonton melalui terminal yang disediakan diruang *Mediatheque*.

POGRAM PEMBANGUNAN ILMU DAN MODAL INSAN

FINAS mengadakan kerjasama dengan persatuan perfileman, NGO, badan antarabangsa dan komuniti perfileman untuk penganjuran enam (6) program bersama tenaga pengajar profesional antarabangsa, bengkel dan wacana interaktif bagi meningkatkan pendedahan dan pembangunan kemahiran karyawan industri kreatif negara seperti berikut:

INTERNATIONAL AMERICAN SOCIETY OF CINEMATOGRAPHERS MASTERCLASS

Sinematografer Hollywood, Mr. Dean Cundey, berkongsi ilmu dan pengalaman dalam teknik kamera dan green screen kepada 42 sinematografer tempatan dan negara-negara jiran di *Studio Sound Stage*, FINAS.

BENKEL LAKONAN FINAS

Seramai 23 peserta yang terdiri daripada kalangan pelakon baru dan professional menyertai Bengkel Lakonan FINAS bersama tenaga pengajar berpengalaman Puan Fauziah Nawi dan Puan Fatimah Abu Bakar.

BUY THE FUTURE!

Kerjasama antara FINAS & FELDA berjaya menganjurkan sebuah Bengkel Kemahiran Filem dan Multimedia bagi mencungkil minat dan bakat 30 orang belia FELDA di FELDA Trolak, Perak.

CROSSING BORDERS 2017

14 judul projek dokumentari bertaraf antarabangsa telah melalui latihan pembangunan dokumentari *Crossing Borders 2017* (usahasama FINAS, *MyDocs & Documentary Campus*, Jerman) selama 6 bulan bagi memberi persiapan yang mencukupi untuk mengkomersilkan produk kandungan masing-masing.

VFX MASTERCLASS

FINAS bekerjasama dengan *KRU Academy* bagi melatih tenaga pengajar kolej vokasional. Seramai 25 orang peserta menerima sijil penyertaan dalam *Masterclass in VFX & Animation*.

YOUNG FILMMAKERS WORKSHOP 2017

Mr. Benedict Lazaroo dan Encik Ariff Syafzan telah dipilih mewakili Malaysia ke program *Film Leaders Incubator (FLY2017)* setelah menjalani latihan video pendek anjuran FINAS iaitu *Young Filmmakers Workshop 2017* di Kuala Lumpur. Turut menerima Anugerah Khas Mentor YFW2017, Encik Chew Boon Wai.

PROGRAM PENERBITAN KANDUNGAN AUDIO VISUAL AGENDA DAN DASAR KERAJAAN

FINAS berjaya menerbitkan 44 judul promo dan PSA, 5 projek dokumentari dan 209 liputan program utama negara yang mempunyai nilai sejarah dan disiarkan di setiap platform termasuk di media sosial bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan rakyat mengenai dasar, program dan pencapaian kerajaan.

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI FILEM

Sebanyak 3 program melalui aktiviti jelajah Kelab Pencinta Filem (KPF) di sekolah-sekolah semenanjung Malaysia telah dijalankan dengan sasaran 35% bakal menjadi pelapis di dalam sektor kandungan kreatif. Melalui program KPF, FINAS membantu menyediakan program-program dan modul perfileman seperti bengkel perfileman, tayangan dan apresiasi filem dan pusat pembangunan kemahiran asas filem di kalangan rakyat. Secara langsung ia menjadi medium sebagai pusat maklumat filem khususnya di kawasan luar bandar.

Sebanyak 11 program tayangan filem secara wayang pacak melalui Program Merakyatkan Filem telah diadakan di 11 destinasi di seluruh negara khususnya di luar bandar. Tayangan filem-filem cereka, dokumentari, promo dan pendek berkonsepkan patriotisme, perpaduan negara dan aspirasi kerajaan telah berjaya menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negara.

PROGRAM PAMERAN STRATEGIK INDUSTRI KREATIF

Sebanyak 25 sesi pameran interaktif bersama rakyat dan komuniti luar bandar telah diadakan dengan penglibatan FINAS bersama pihak KKMM, rakan strategik dan agensi kerajaan seluruh negara. Dengan jumlah pengunjung melebihi 69,000 ribu orang, masyarakat dari pelbagai komuniti berpeluang menyertai promosi interaktif berkaitan industri kreatif, tayangan dokumentari dan promo kerajaan dan juga program pembangunan bakat industri dan pelapis anjuran FINAS.

PROGRAM INTEGRASI ILMU DAN SINERGI INDUSTRI

Sebanyak 83 program integrasi ilmu dan sinergi industri telah dilaksanakan. Program seumpama ini dianjurkan bagi menyampaikan maklumat secara jelas berkaitan fungsi FINAS dalam memajukan industri kreatif negara. Lawatan berpandu ke *Museum of Moving Image (MOMI)* yang memaparkan khazanah perfileman dan melihat lebih dekat peralatan perfileman di Negatif Room dan Makmal Warna P. Ramlee bagi mendalami pengetahuan dalam bidang restorasi dan pendigitalan kandungan

PROGRAM PEMASARAN KANDUNGAN KREATIF NEGARA

Hubungan strategik bersama badan perfileman antarabangsa seperti *Association of Film Commissioners International (AFCI)*, *ASEAN Film Committee*, *Asian Film Commission Networks (AFCNet)* telah menjadikan Malaysia sebagai hub perfileman antarabangsa dan program perkongsian kemahiran ke dalam negara. Selain itu, Program Pemasaran Kandungan Kreatif Malaysia ke dua (2) Pasaran Filem Antarabangsa seperti *MIPCOM Cannes* di Perancis dan *Asia Television Forum (ATF)* di Singapura berjaya membantu 17 syarikat produksi tempatan mendapatkan jaringan perniagaan selain meneroka pasaran baru global dengan nilai potensi jualan bernilai RM5.485 juta.

PROGRAM FIMI (INSENTIF PENERBITAN FILEM DI MALAYSIA)

Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) bagi menggalakkan pelaburan

produksi asing ke dalam negara melalui promosi lokasi penggambaran telah mencatat pelaburan sebanyak RM141.8 juta pada tahun 2017 melalui 8 projek produksi asing.

PROGRAM PENYERTAAN DI FESTIVAL FILEM ANTARABANGSA

Selaras dengan misi program untuk mempromosikan filem keluaran syarikat produksi tempatan yang berkualiti di luar negara, FINAS telah menghantar lapan (8) filem untuk menyertai tayangan di empat (4) festival filem antarabangsa seperti di *10th Asia Pacific Screen Awards* di Brisbane, Australia, *Asean Film Awards 2017* di Danang, Vietnam, *TINGIN – South East Asia Through The Eyes of Cinema* di Mandaluyong City, Filipina dan *ASEAN-ROK Cinema Week* di Jakarta, Indonesia.

PROGRAM GALAKAN INSENTIF TAYANGAN FILEM CEREKA

Melalui Skim Wajib Tayang tahun 2017, sebanyak 59 judul filem dengan jumlah

kutipan sebanyak RM55 juta telah direkodkan. Selain daripada itu, bantuan kerajaan melalui Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) adalah sebanyak RM3.6 juta telah diterima oleh 57 penerbit dari syarikat tempatan yang layak.

PROGRAM DANA PEMBANGUNAN KANDUNGAN INDUSTRI KREATIF

Sistem suntikan dana disediakan bagi pembangunan kandungan dengan proses saringan yang telus bagi menjamin penerbitan kandungan yang berkualiti agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Pembangunan kualiti kandungan berteraskan jatidiri akan menyokong kepada pembudayaan kreativiti di kalangan rakyat Malaysia khususnya generasi muda tanpa mengeneipkan elemen komersil. Melalui permohonan dana seperti Dana Mikro, Dana Pesanan Khidmat Masyarakat, Dana Pembangunan, Dana Produksi, Dana Produksi Bersama (Co-Production) dan Dana Pemasaran, sebanyak 142 permohonan telah diluluskan dan 9,560 peluang pekerjaan dihasilkan sebahagian daripada komponen pembangunan kandungan industri.

SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC)

PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM SKMM BAGI TAHUN 2017

Bagi tahun 2017, SKMM telah melaksanakan pelbagai program pembangunan infrastruktur telekomunikasi dan pelbagai inisiatif lain bertujuan untuk menaiktaraf kelajuan jalur lebar bagi memastikan perkhidmatan jalur lebar dapat ditawarkan secara menyeluruh dan berkualiti di seluruh negara dari masa ke semasa samaada melalui perluasan jalur lebar talian tetap atau mudah alih. Antara program-program

pembangunan infrastruktur telekomunikasi, aktiviti pengawalseliaan dan program jangkauan kesedaran yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:-

PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI DAN PROJEK JALUR LEBAR SEHINGGA DISEMBER 2017

Bil.	Perkara	Statistik
1.	Statistik Komunikasi dan Multimedia	Kadar Penembusan Jalur Lebar (3Q17) 84.5 % per 100 isi rumah (<i>household</i>)
2.	Liputan Rangkaian Internet	Seluruh Malaysia sehingga Nov 2017: • 2G: 95.7% • 3G: 93.5% • LTE: 76.4%
3.	Langganan Jalur Lebar Talian Tetap	Trend menurun 2.5 Million (3Q2017) 2.5 Million (4Q2016) 2.7 Million (2016) 3.1 Million (2015)
4.	Langganan Jalur Lebar Mudah Alih	Trend menunjukkan peningkatan 34.1 Million (3Q2017) 33.4 Million (2Q2017) 28.5 million (4Q2016)
5.	Projek Pan Borneo Highway	213 menara siap 115 menara dalam perancangan
6.	PI1M	850 siap & beroperasi 25 dalam pelaksanaan
7.	WiFi Komuniti	2,502 siap & beroperasi 40 dalam pelaksanaan
8.	Pengagihan Peranti Pintar (unit)	2,428,160 telah diaktifkan
9.	Netbook 1 Malaysia (unit)	1,668,772 siap diagihkan
10.	Fiber-KM (kilometer)	562.09 siap dipasang 536.8 dalam pelaksanaan
11.	SKR1M (kilometer)	3,819 siap dipasang
12.	BBGP (kilometer)	2,874 siap dipasang
13.	Menara Baru (Disember 2017)	1,664 siap & beroperasi 136 dalam pelaksanaan
14.	Menara Aktif (Disember 2017)	1,664 Menara USP 20,980 Menara Komersial
15.	Penaiktarafan Menara Sedia Ada (Disember 2017)	3,978 siap dinaiktaraf 217 sedang dinaiktaraf
16.	HSBB 1 (port)	2,096,428 tersedia
17.	HSBB 2 (port)	466,342 tersedia 53,224 dalam pelaksanaan
18.	SUBB (port)	353,310 tersedia 130,768 dalam pelaksanaan
19.	RBB (port)	36,799 tersedia 40,154 dalam pelaksanaan

AKTIVITI PENGAWALSeliaAN DAN PORTAL SEBENARNYA.MY

SKMM giat melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan pengawalseliaan sepanjang tahun 2017 dan usaha ini akan terus dipergiatkan pada tahun semasa dan seterusnya. Sebagai agensi penguatkuasa yang menguatkuasakan undang-undang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], SKMM akan sentiasa menjalankan tindakan penguatkuasaan dan penyiasatan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta tersebut. Tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah berteraskan prosedur undang-undang yang ditetapkan. Sebagai contoh, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 211 dan Seksyen 233 Akta 588 terhadap individu yang menyalahgunakan Internet atau perkhidmatan aplikasi termasuk media sosial sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik. Jika disabitkan kesalahan, pihak tersebut boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya terdapat kekangan bidang kuasa oleh SKMM, tindakan sewajarnya masih boleh diambil di bawah peruntukan undang-undang sedia ada oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Terdapat beberapa peruntukan undang-undang lain yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Fitnah 1957, Akta Hak Cipta 1987, Akta Jenayah Komputer 1997 dan lain-lain.

Sebagai contoh, bagi kes akaun palsu, sejak Januari hingga Disember 2017, SKMM telah mengambil tindakan terhadap 3,721 akaun palsu yang dikenal pasti dalam pelbagai

platform media sosial. Hampir 80 peratus daripada jumlah tersebut telah dipadam oleh penyedia platform media sosial seperti Facebook dan Twitter kerana melanggar terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal perkhidmatan masing-masing.

Sebagai langkah proaktif, pihak SKMM juga telah melancarkan portal Sebenarnya.my (<http://sebenarnya.my/>) pada 14 Mac 2017 bagi membolehkan orang awam menyemak berita dalam talian yang diragui kesahihannya. Portal tersebut dilihat mendapat tindak balas positif daripada masyarakat umum berdasarkan jumlah layaran sejak pelancaran hingga akhir Disember 2017 iaitu sebanyak 17.60 juta. Pemerhatian dari aspek perkongsian maklumat daripada sumber portal Sebenarnya.my oleh masyarakat awam di media-media sosial memberi indikasi yang positif dari segi keberkesanan portal di dalam membantu menangani masalah penulisan maklumat serta berita yang tidak sah atau palsu dalam talian.

PROGRAM JANGKAUAN KESEDARAN

Sepanjang tahun 2017, SKMM telah mengadakan sebanyak lebih kurang 343 program-program kesedaran kepada masyarakat umum di seluruh negara dengan anggaran capaian lebih kurang seramai 923,378 audiens/individu.

Antara kandungan mesej-mesej utama advokasi yang disampaikan melalui program jangkauan ini ialah:

- Isu perkongsian maklumat dan penyebaran maklumat palsu;
- Peranan ibubapa bagi melindungi keselamatan kanak-kanak semasa dalam talian;

- Pengaruh 'Extremism' & 'Radicalization' di kalangan masyarakat;
- Ketagihan Internet di kalangan masyarakat; dan
- Membudayakan penggunaan Internet secara beretika dan positif melalui program "Klik Dengan Bijak".

Program-program ini dilaksanakan melalui 18 rakan strategik yang berkerjasama dalam melaksanakan program jangkauan yang terdiri dari sektor Kerajaan, NGO, IPTA/S, UNICEF dan lain-lain. Ini termasuklah pengedaran secara berperingkat poster-poster mengenai etika penggunaan Internet di kesemua masjid & surau di seluruh negara hasil kerjasama dengan JAKIM.

MANFAAT KEPADA RAKYAT

Inisiatif-inisiatif yang diterajui oleh Kerajaan melalui projek-projek dan program yang dilaksanakan oleh SKMM memberi limpahan faedah dan manfaat kepada masyarakat secara keseluruhannya tanpa mengira bangsa, agama dan latarbelakang politik. Setiap negeri di seluruh negara menerima manfaat dan faedah yang sama. Pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur telekomunikasi akan terus dilaksanakan bagi memastikan semua rakyat memperoleh impak positif dan memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat yang memerlukan perkhidmatan komunikasi yang berkualiti dan sekaligus membantu memacu pembangunan transformasi digital. Bagi tujuan itu, RM1 billion lagi diperuntukkan oleh SKMM untuk tahun 2018 bagi melaksanakan pembangunan infrastruktur telekomunikasi di negeri Sabah dan Sarawak. Melalui inisiatif berterusan seperti ini, negara telah berjaya mencapai tahap peratusan liputan jalur lebar berpenduduk di seluruh negara sehingga 93.5%. Kerajaan

dengan kerjasama pemain industri sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif yang berasaskan pembangunan infrastruktur komunikasi bagi memastikan 95% peluasan kawasan liputan jalur lebar berpenduduk dapat dicapai pada tahun 2020.

Pelaksanaan program-program pembangunan infrastruktur telekomunikasi, aktiviti pengawalseliaan dan program jangkauan kesedaran yang dilaksanakan oleh SKMM, bukan sahaja berupaya menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan komunikasi yang berkualiti dan mampu milik tetapi juga mendidik dan memberi latihan kepada masyarakat untuk memanfaatkan fasiliti berkenaan dengan bijak dan sekaligus membantu rakyat menjana pendapatan tambahan secara digital. Pada masa yang sama, keupayaan perkhidmatan dalam sektor Pos dan Kurier juga diperkasakan melalui transformasi perkhidmatan Pos dan inisiatif-inisiatif penambahbaikan perkhidmatan yang dilaksanakan secara bersama oleh SKMM dan pemberi perkhidmatan Pos di seluruh Negara.

Selain daripada membiayai projek dan program yang dilaksanakan sendiri oleh SKMM dengan kerjasama pengiat industri dengan menggunakan peruntukkan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP), SKMM juga terlibat dengan program-program di bawah inisiatif Dasar Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), di mana SKMM memberi bantuan dana kepada kementerian/ Jabatan/ Agensi bagi membantu membiayai program-program yang selari dengan matlamat dasar kebangsaan bagi industri komunikasi dan multimedia serta menepati kuasa dan fungsi SKMM sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

PERBADANAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA (MDEC)

Memandangkan tahun 2017 dikenali sebagai "Tahun Ekonomi Internet", banyak aspek ekonomi digital telah mengalami pelbagai pecutan dan penambahbaikan. Kejayaan-kejayaan ini memperkuat keyakinan bahawa ia adalah penggunaan inovasi digital dan teknologi gen-gen yang akan memberi kuasa penuh kepada sosioekonomi Malaysia.

Ini telah memberi inspirasi kepada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dalam usaha untuk memacu ekonomi digital ke tahap yang lebih tinggi - dan juga melampaui sasaran sumbangan KDNK sebanyak 20% bagi tahun 2020. Ini termasuk memperluaskan keupayaan inisiatif semasa yang kini sedang dilaksanakan dan ini bermakna lebih banyak platform akan diperkenalkan untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah rumah kuasa inovasi serantau.

PENCAPAIAN MDEC PADA TAHUN 2017

Dalam usaha memacu agenda ekonomi digital ke hadapan dan menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk ASEAN untuk pelaburan dan permulaan pertumbuhan tinggi bagi syarikat awalan, MDEC telah membina pencapaian asas pada tahun 2016.

Usaha ini termasuk pengenalan platform baru, yang telah dibangunkan dari asas penawaran sedia ada serta menarik lebih banyak pelaburan yang strategik. Langkah-langkah ini telah mendorong perkembangan kepada industri kritikal, khususnya di

pasaran baru, yang kini mengalami cabaran dalam pelbagai bidang.

Walaupun keadaan ekonomi global masih tidak menentu dan terus menghadapi cabaran baru, MDEC bertekad untuk memacu ekonomi digital ke tahap yang lebih tinggi. Sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan prestasi perniagaan dan meluaskan jangkauan pasaran adalah dengan pengenalan inisiatif baharu yang bertaraf dunia dan juga melalui perkhidmatan sokongan.

Setelah berupaya meningkatkan kebolehan dan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan teliti, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC YBhg Datuk Yasmin Mahmood dan kepimpinan kanan MDEC bersedia untuk mengambil langkah seterusnya bagi mengembangkan ekonomi digital Malaysia. Inisiatif baru ini terdiri daripada penglibatan di peringkat akar umbi dalam usaha memperkasa perusahaan kecil dan sederhana (PKS), meningkatkan nilai pelaburan untuk negara dan juga menggerakkan pertumbuhan baru untuk menghidupkan kembali matlamat Malaysia agar menjadi hab Ekonomi Internet serantau.

Inisiatif berpusat dari sumber yang datangnya dari pelbagai platform yang telah diperkenalkan pada tahun ini dimana kesemuanya telah membantu dalam meningkatkan sumbangan ekonomi digital daripada 17.8% kepada 18.2% pada tahun 2016. Pertumbuhan yang sama juga dapat dilihat dalam bentuk pelaburan baru yang menghasilkan pendapatan dan jualan eksport yang semakin meningkat yang

didorong serta dipercepatkan oleh sektor yang berkaitan dengan teknologi.

Memandangkan Malaysia berazam untuk menjadi hub teknologi dan inovasi untuk rantau ini, maka masih banyak lagi yang perlu dilakukan. MDEC secara keseluruhannya akan memastikan dan membantu dalam meningkatkan prestasi dan memberikan impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi digital.

MSC Malaysia menyaksikan pertumbuhan yang rancak bagi syarikat-syarikat baru dimana 315 syarikat telah dianugerahkan status MSC pada 2017 dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM6.15 bilion. Pelaburan domestik menyumbang kepada 44 peratus daripada jumlah pelaburan bernilai RM2.71 bilion manakala pelaburan asing terdiri daripada baki 56 peratus dengan RM3.44 bilion. Sebanyak 16,286 pekerjaan dijangka diwujudkan oleh pelaburan ini.

Komitmen dan usaha berterusan kami telah menyumbangkan kepada pertumbuhan sumbangan Ekonomi Digital Malaysia terhadap KDNK. Ekonomi Digital sudah menyumbang sebanyak 18.2% kepada KDNK negara dan juga merupakan sektor ekonomi yang paling pesat berkembang.

MDEC telah diberi mandat untuk melaksanakan 4 teras utama dalam melaksanakan agenda pembangunan ekonomi digital negara iaitu memacu pelaburan, memperkasa pencapaian syarikat teknologi tempatan, memangkin ekosistem digital inovatif dan merakyatkan ekonomi digital. Dalam inisiatif yang diambil oleh MDEC, setiap teras ini adalah kritikal dalam usaha memperkasa ekonomi digital dan sosioekonomi dan mendorong pertumbuhan yang menggalakkan.

ZON PERDAGANGAN BEBAS DIGITAL (DFTZ)

Zon Perdagangan Bebas Digital atau Digital Free Trade Zone (DFTZ) secara konsepnya adalah merupakan "microcosm" atau lokasi fizikal setempat yang menawarkan persekitaran yang kondusif bagi syarikat-syarikat dalam sektor ekonomi internet menjalankan kegiatan ekonomi yang berteraskan internet dan digital termasuk aktiviti perdagangan, penyediaan perkhidmatan serta pembangunan dan penghasilan penyelesaian.

Langkah paling penting bagi 2017 adalah pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) oleh Perdana Menteri, YAB Dato 'Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 22 Mac 2017, ianya diperkenalkan bagi membantu PKS tempatan untuk menggunakan platform ini untuk menembusi pasaran dunia untuk menarik jenama global dan "marketplaces" untuk menjadikan Malaysia sebagai gerbang bagi pasaran ASEAN dan serantau. Inisiatif yang dilancarkan ini telah memberi impak kepada lebih 5,058 PKS tempatan dengan menyediakan peluang eksport melalui platform DFTZ dan juga menawarkan manfaat seperti berikut kepada PKS tempatan :

- platform terbaik bagi PKS tempatan untuk menembusi pasaran eksport melalui aktiviti eDagang rentas sempadan;
- fasiliti gudang eFulfilment yang lebih efisien;
- platform perkhidmatan Kerajaan secara lebih berintegrasi dan seragam; dan
- penambahbaikan ke atas sistem pelepasan Kastam dan kargo dari enam jam ke tiga jam.

Malaysia telah bekerjasama dengan Alibaba untuk memulakan fasa perintis untuk DFTZ

kerana syarikat gergasi eCommerce mempunyai pengalaman melakukan inisiatif Platform Perdagangan Dunia Elektronik (eWTP). EWTP bertujuan untuk membantu PKS mengatasi peraturan, proses dan halangan yang kompleks untuk penyertaan dalam perdagangan global. Visinya adalah untuk membantu syarikat, termasuk negara ASEAN (Persatuan Negara-negara Asia Tenggara) yang mempunyai potensi dagangan terutama dalam ekonomi digital.

INISIATIF DFTZ FASA PERTAMA – DFTZ GOES LIVE

Inisiatif DFTZ fasa pertama – DFTZ Goes Live telah berjaya dilancarkan pada 3 November 2017 oleh YAB Perdana Menteri yang berlangsung di dua lokasi iaitu Sepang International Circuit (SIC) dan KLIA Air Cargo Terminal 1 (KACT1). Inisiatif ini bertujuan bagi menyediakan persekitaran yang lebih kondusif kepada para usahawan terutamanya PKS yang menyertai ekonomi digital untuk memperluaskan perkhidmatan mereka ke peringkat global. PKS juga mudah mendapat akses segera kepada pelanggan besar-besaran di platform Alibaba. Ini telah membuka jalan untuk pelbagai perniagaan mengeksport barangan dan perkhidmatan mereka ke ruang pengguna yang belum dimanfaatkan.



DFTZ Goes Live yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri bersama Jack Ma, pengasas dan Pengerusi Eksekutif Alibaba Group



Upacara Pecah Tanah KLIA Aeropolis



Pihak-pihak yang berkepentingan bagi inisiatif DFTZ semasa pelancaran DFTZ Goes Live

e-COMMERCE

Di bawah program e-Commerce pula, MDEC telah melancarkan portal sehati "Go-eCommerce" pada Julai 2017 bagi membantu PKS mengakses pasaran tempatan dan antarabangsa serta membangunkan perniagaan secara atas talian. Melalui portal ini juga, PKS dapat menilai tahap kesediaan mereka dalam urusan eDagang melalui modul-modul pembelajaran yang disediakan serta mendapat bimbingan daripada beberapa penyedia perkhidmatan terpilih untuk membantu mereka mengembang perniagaan. Portal ini boleh dilayari di <https://www.go-ecommerce.my>.

MDEC juga telah bekerjasama dengan Persatuan ICT Kebangsaan Malaysia (PIKOM) untuk mengadakan #MYCYBERSALE 2017 yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan para usahawan atas talian seterusnya meningkatkan industri e-dagang di Malaysia.



Pelancaran #MYCYBERSALE yang berlangsung dari 9 – 13 Oktober 2017



Pelancaran Go eCommerce Platform oleh YB Menteri Industri dan Perdagangan Antarabangsa

MALAYSIA DIGITAL HUB

Malaysia Digital Hub merupakan lokasi fizikal yang menawarkan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi serta ekosistem holistik merangkumi program pembangunan startups atau syarikat awalan, program pembangunan bakat, peluang dan seliaan terhadap pembiayaan perniagaan termasuk kemudahan dan gaya hidup, khusus bagi syarikat-syarikat startups. Sejak pengenalannya, telah ada lima *Digital certified - The CO, APW, Common Ground, WORQ, dan Sunway iLabs - to-date*. Hub ini menawarkan sokongan pembangunan impak yang tinggi dan pertumbuhan ekosistem yang mendalam untuk permulaan, skala-up, dan usahawan pelbagai saiz.

Sebagai langkah tambahan untuk menarik syarikat-syarikat startups dan syarikat-syarikat yang mempunyai ekosistem bertaraf dunia, Malaysia juga memperkenalkan satu pas baru yang dikenali sebagai Program Usahawan Teknologi Malaysia dimana ianya akan mempercepatkan kemasukan usahawan global ke Malaysia.



Antara aktiviti yang dijalankan di WORQ



Salah satu Malaysia Digital Hub, iaitu WORQ

MERAKYATKAN EKONOMI DIGITAL

Salah satu penggerak terbesar untuk tahun 2017 adalah kempen #YouCanDuit. Merupakan satu inisiatif yang berlangsung sepanjang tahun, ia memacu keterangkuman digital dengan memperkembangkan keupayaan platform eRezeki dan eUsahawan. Selain membantu beribu-ribu kumpulan B40 di seluruh negara, kedua-dua program yang dipromosikan secara meluas di media arus perdana dan melalui acara jelajah ini juga dapat mempertingkatkan pengetahuan serta memberi peluang kepada rakyat untuk meraih pendapatan tambahan isi-rumah melalui penggunaan teknologi digital. Oleh itu, ia berupaya meningkatkan kualiti dan taraf kehidupan kumpulan B40 dan M40.

eREZEKI

Program eRezeki yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup dan menjana pendapatan tambahan bagi golongan B40, telah menghasilkan impak yang positif dan berjaya merubah kehidupan golongan ini dengan mengupaya dan menghubungkan mereka kepada peluang pendapatan secara digital. Seramai 98,580 peserta telah dilatih dan 62,790 pekerja digital dari golongan B40 telah berjaya meraih pendapatan tambahan dengan jumlah sebanyak RM95.64 juta.

eUSAHAWAN

Bagi program eUsahawan pula, lebih 100,000 graduan TVET dan usahawan mikro telah dilatih melalui kursus eUsahawan yang dijalankan di seluruh negara. eUsahawan merupakan suatu inisiatif yang menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan

digital kepada orang ramai, seterusnya membolehkan mereka memanfaatkan kuasa platform digital bagi tujuan memperkembangkan perniagaan mereka. Jualan tambahan yang diperolehi oleh graduan TVET dan usahawan mikro melalui platform digital telah mencecah RM175 juta. Persidangan Daya e-Usahawan yang dihadiri oleh 3,000 peserta telah dianjurkan dengan jayanya pada 30 -31 Oktober 2017 bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada para peserta eUsahawan. Ia juga bertujuan untuk menyediakan platform khas bagi mentor program untuk berkongsi pengalaman dan ilmu dengan para usahawan digital.



Kempen #YouCanDuit



DAYA eUsahawan



Dialog TN50 oleh YAB Perdana Menteri dan CEO MDEC sempena DAYA eUsahawan



Forum: From Zero to Hero yang diadakan pada Persidangan DAYA eUsahawan

#MYDIGITALMAKER

Inisiatif #mydigitalmaker yang diterajui oleh MDEC dengan kerjasama rakan industri dan pelbagai institusi akademik, bertujuan untuk memberi pendedahan kepada anak muda Malaysia mengenai peluang kerjaya dalam industri teknologi digital yang semakin berkembang. Ini bertujuan agar mereka mempunyai persediaan yang secukupnya untuk menghadapi kerjaya masa hadapan. Untuk melaksanakan program ini, MDEC telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menerapkan kemahiran pemikiran komputasional dan

sains komputer dalam kurikulum sekolah kebangsaan bermula Januari 2017.

Lebih 120,000 murid sekolah telah pun mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pembuatan digital seperti *coding* (pengekodan), *content creation* (penciptaan kandungan), *embedded system* (sistem terbenam) dan robotik melalui aktiviti ko-kurikulum dan kurikulum tambahan di seluruh negara dengan sokongan padu daripada universiti-universiti, syarikat-syarikat dan rakan-rakan NGO.

Melalui kerjasama MDEC dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Kementerian Pendidikan, #mydigitalmaker Fair 2017 telah diadakan buat julung kalinya pada 16-17 September 2017. Acara ini merupakan pameran inovasi, teknologi dan kreativiti dan telah berjaya menarik lebih 20,000 orang pengunjung. Matlamat pameran ini adalah untuk memberi inspirasi kepada orang ramai, terutamanya para pelajar, pendidik dan ibu bapa untuk menyertai inisiatif #mydigitalmaker serta untuk mendedahkan para pelajar kepada peluang kerjaya dalam

dunia teknologi digital daripada syarikat gergasi teknologi terkenal. Ia juga menawarkan peluang kepada pelajar untuk belajar di institusi akademik yang bekerjasama dengan inisiatif #mydigitalmaker ini.



Digital Maker Hub @ Cyberjaya



Digital Maker Hub @ Kepala Batas



#mydigitalmaker Fair 2017



Pelancaran #mydigitalmaker PINTAR Mobile Learning Unit

PREMIER DIGITAL TECH IHL

Sebagai salah satu usaha untuk terus meningkatkan mutu graduan di Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama MDEC telah melaksanakan inisiatif untuk membangunkan status Premier Digital Tech IHL. Ini adalah salah satu langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mencungkil dan merangsang bakat terbaik dan pemimpin masa depan dalam industri teknologi digital.

Lapan universiti dan lima buah politeknik di Malaysia telah dianugerahkan status

Premier Digital Tech University dan Preferred Digital Tech Polytechnic. Institusi-institusi ini diiktiraf atas kelayakan dan komitmen mereka dalam menawarkan kursus-kursus teknologi digital terkemuka untuk meningkatkan perkembangan graduan-graduan yang berkemahiran tinggi yang dapat memenuhi tuntutan kerja digital masa hadapan di dalam dan luar negara.

Lapan universiti yang menerima status Premier Digital Tech University adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi

MARA (UiTM), Taylor's University, Sunway University, Multimedia University (MMU), Tunku Abdul Rahman University College (TAR UC) dan Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU). Bagi Preferred Digital Tech Polytechnic, 5 politeknik tersebut adalah Politeknik Ungku Omar di Perak, Politeknik Balik Pulau di Pulau Pinang, Politeknik Mersing di Johor, Politeknik Sultan Idris Shah di Selangor, dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin di Terengganu.



Penganugerahan status institusi Premier Digital Tech oleh YB Menteri Pengajian Tinggi

ASEAN DATA ANALYTICS EXCHANGE (ADAX)

ADAX adalah inisiatif MDEC untuk mewujudkan ekosistem Big Data Analytics (BDA) bagi membangun dan menerimapakai BDA. ADAX merupakan platform fizikal dan ekosistem teknologi terkini BDA yang menawarkan penggunaan (use cases), penyelesaian, pembangunan bakat, dan kemudahan untuk syarikat awalan BDA. ADAX dibentuk melalui Public Private Partnership untuk memastikan kesinambungan inisiatif ini. ADAX telah beroperasi sejak Januari 2017 dan menempatkan sebanyak 9 data saintis yang menawarkan kepakaran dalam bidang dan penyelesaian BDA.



ADAX yang terletak di Bangsar South City



Ruang hadapan ADAX

Industri Kreatif merupakan sektor yang sedang berkembang maju di Malaysia. Sehingga 31 Disember 2017, terdapat 370 syarikat berstatus MSC Malaysia di bawah kluster Kandungan dan Teknologi Kreatif daripada jumlah keseluruhan 3,213 syarikat berstatus MSC Malaysia yang aktif.

MDEC telah melaksanakan pelbagai program untuk membangunkan industri kreatif di Malaysia. Antaranya adalah melalui penganjuran Festival dan Persidangan Kandungan Kreatif Asia Tenggara 2017 (Kre8tif!) pada 9 hingga 10 Ogos 2017 yang menyasarkan seni, permainan, kesan khas dan media digital sebagai kandungan utama acara itu. Acara ini telah membuka peluang kepada industri

tempat dan secara tidak langsung mempromosikan industri kreatif kepada rakyat Malaysia dan negara asing mengenai keupayaan Malaysia dalam bidang ini.

Level Up KL yang merupakan salah satu daripada persidangan dan pameran permainan video dan interaktif media yang terkenal di rantau Asia Tenggara juga telah dianjurkan untuk memacu pertumbuhan industri permainan di Malaysia dan Asia Tenggara. Persidangan ini menghimpunkan semua pemain industri dari dalam dan luar negara untuk berinteraksi, berkongsi maklumat mengenai pembangunan permainan video, pemasaran dan dana.

Selain itu, MDEC telah bekerjasama dengan UOA Group untuk melancarkan *Level Up Inc*, ruang inkubator untuk startup bagi membangunkan sektor permainan digital (*game development*). Menawarkan kira-kira 6,000 kaki persegi ruang lantai, *Level Up Inc* terletak dalam Komune, ruang kerja di Menara UOA, *Bangsar South* dan merupakan salah satu ruang inkubator yang terbesar di Lembah Klang. Pemula permainan (*gaming startups*) yang ditempatkan di *Level Up Inc* akan mempunyai akses kepada alat pembangunan, termasuk kit pembangunan *Sony PlayStation* dan pemaju *HTC Vive VR* yang mahal dan biasanya tidak berada dalam jangkauan permulaan kecil.

MYNIC BERHAD

MAJLIS PELANCARAN MERDEKA MYBUDDIES RUN @ IM4U

Majlis pelancaran *MERDEKA MYBUDDIES RUN* telah berlangsung di IM4U Sentral, Puchong dimana 200 remaja menjadi saksi majlis yang gilang-gemilang itu. Turut hadir bagi melancarkan acara ini adalah Datuk Hasnul Fadhly Hasan, Kartini Arifin iaitu Pengarah iM4U fm serta Muhammad Muqharabin, anak muda termuda menawan Gunung Everest.

Selain majlis pelancaran *MYBUDDIES RUN*, MYNIC turut mengedar 5,000 bendera bersempena kemerdekaan serta persembahan istimewa dari Ismail Izzani dan Eleena Harris.

Buat pertama kali, MYNIC berkolaborasi dengan iM4U fm, dimana ia merupakan platform terbaik untuk berinteraksi dengan golongan muda. Bersempena sambutan hari kebangsaan Malaysia tahun ini, MYNIC menganjurkan larian *MERDEKA MYBUDDIES RUN 2017* berikutan kejayaan Larian Sehati Sejiwa 2015, *MYBUDDIES RUN 2015* dan *MYBUDDIES RUN 2016* yang berjaya menyuntik semangat perpaduan dan kemerdekaan sesama rakyat Malaysia di bawah satu acara larian.

MERDEKA MYBUDDIES RUN 2017

Lebih daripada 10,000 peminat larian bersama ahli keluarga dan sahabat handai telah berkunjung ke MAEPS bagi menyertai program larian *MERDEKA MYBUDDIES RUN 2017* yang diadakan pada pagi Ahad. *MERDEKA MYBUDDIES RUN 2017* diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-60 yang melibatkan tiga kategori iaitu 21km, 10km dan 5km

(*Fun Run*). Semenjak tahun 2015, program ini telah menjadi satu program larian yang dinantikan oleh rakyat Malaysia dengan penyertaan oleh ribuan pelari tempatan termasuk program yang diadakan buat kali ke-4 ini yang mana turut melibatkan penyertaan yang lebih ramai berbanding tahun sebelumnya.

Program yang telah mengambil tempat dalam kawasan Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Institut Penyelidikan & Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) mempunyai pemandangan yang cantik turut menyaksikan kehadiran para peserta, tetamu serta orang kenamaan seawal jam 5.00 pagi.

Acara pelepasan larian telah disempurnakan oleh YB Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri KKMM, YBhg Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha KKMM, YBhg Datuk Bridget Lai, Pengerusi MYNIC dan Datuk Hasnul Fadhly Hasan, Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC. Larian tersebut kemudian turut disertai oleh para tetamu VIP dan juga ibu bapa yang hadir bersama anak-anak kecil.

NEGARAKU: KOMUNITI 1 MALAYSIA

Negaraku: Komuniti 1 Malaysia merupakan program peringkat kebangsaan anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang diadakan pada 23 hingga 26 Februari 2017 bertempat di Taman Tasik Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang. Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya generasi muda.

Program yang berlangsung selama empat (4) hari itu telah dijayakan dengan

pelbagai aktiviti menarik seperti Kembara Jalinan Kasih, sebuah program mesra rakyat, keusahawanan dan juga pameran *Caring Bridge* Komuniti 1 Malaysia. Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah merasmikan program tersebut yang telah dihadiri lebih 30,000 orang pengunjung dari seluruh pelusuk komuniti.

EKSPRESI NEGARAKU

Ekspresi Negaraku telah berjaya menyatukan ribuan rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat di bawah satu program bagi memupuk semangat cintakan negara. Program yang diadakan pada 18 Mac 2017 di Dataran Istana Kehakiman Putrajaya tersebut dimulakan dengan "Larian Bendera Negaraku" seawal jam 7.00 pagi melibatkan 5,000 orang peserta.

MYNIC turut serta memeriahkan ruang pameran Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan aktiviti melukis pada wajah bertemakan patriotisme seperti lukisan bunga raya, Jalur Gemilang, Menara Petronas dan banyak lagi. Selain itu, MYNIC juga mempromosikan pendaftaran *MYBUDDIES RUN 2017* dengan harga pakej yang istimewa untuk penyertaan terawal.

"Ekspresi Negaraku diinspirasi oleh kejayaan dan kemajuan yang telah dikecapi sebagai sebuah negara," jelas YB Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak. Bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini, Ekspresi Negaraku telah menjadi platform yang menghidupkan inisiatif "Negaraku" melalui kisah-kisah kejayaan yang menyumbang kepada pembangunan negara sekaligus memberi ruang kepada rakyat Malaysia untuk berkongsi harapan dan aspirasi untuk negara.



Persidangan Kre8tif!



Salah satu bengkel yang diadakan sempena Persidangan Kre8tif!



Festival Kre8tif! Content



NEGARAKU: KREATIVITI ATAU KOMUNITI

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah menganjurkan program *Negaraku: Kreativiti atau Komuniti* pada 19 hingga 21 Mei 2017 bertempat di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kuala Langat. Program tersebut turut diadakan di pelbagai lokasi dari semasa ke semasa dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta pelbagai agensi kerajaan yang lain. Objektif program *Negaraku: Kreativiti atau Komuniti* dianjurkan adalah bertujuan untuk memperkasakan industri kandungan kreatif dalam kalangan generasi muda di kawasan luar bandar terutamanya dari aspek kebolehpayaan dan pembangunan kemahiran.

Selain daripada pameran serta penerangan berkenaan fungsi dan peranan MYNIC dalam industri kandungan, pengunjung ruang pameran MYNIC turut dihiburkan dengan persembahan silap mata dan aksi menarik daripada "Gold Man".

MYNIC sentiasa mengambil peluang pendekatan melalui program-program kemahiran dan kesedaran yang boleh memajukan serta meningkatkan potensi industri kandungan kreatif tanah air terutamanya dalam kalangan generasi muda.

SAMBUTAN HARI TELEKOMUNIKASI & MASYARAKAT BERINFORMASI SEDUNIA 2017 (WTISD 2017: BIG DATA FOR BIG IMPACT)

Bersempena dengan Sambutan Hari Telekomunikasi & Masyarakat Berinformasi Sedunia 2017 (WTISD 2017, pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bersama agensi-agensi berkaitan telah menganjurkan satu

program sambutan peringkat kebangsaan pada 20 hingga 21 Mei 2017 bertempat di Pusat Internet Desa (PID), Tanjung Kling, Melaka.

Sambutan tersebut telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Dr Mohd Ali Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), KKMM. Bertemakan "*Big Data for Big Impact*", terdapat pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti sesi perkongsian, permainan, pameran serta persembahan daripada artis tempatan.

Tujuan sambutan WTISD 2017 adalah bagi melahirkan generasi pelapis yang cakna dengan kehendak dan keperluan industri masa kini di samping meningkatkan kesedaran masyarakat luar bandar mengenai peluang menjana pendapatan secara dalam talian serta mewujudkan kerjasama antara kementerian bersama agensi berkaitan dan juga syarikat telekomunikasi dalam memajukan industri telekomunikasi negara.

SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2017

Seramai 60,000 pengunjung hadir bagi memeriahkan Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2017 bertempat di Stadium Likas, Kota Kinabalu, Sabah. Sambutan disemarakkan lagi dengan hiasan bendera Malaysia di sepanjang jalan ke stadium serta orang ramai mengibarkan Jalur Gemilang tersebut pada malam yang penuh makna bagi menyambut hari ulang tahun penubuhan Malaysia yang ke 54.

Sambutan yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak turut dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti yang menarik seperti konsert siaran langsung oleh ASTRO, TV3 dan RTM, persembahan kebudayaan, permainan serta pameran oleh agensi-agensi kerajaan.

Bagi acara kemuncak sambutan pada malam tersebut, YAB Datuk Seri Mohd Najib bersama YB Tan Sri Musa Hj Aman, Ketua Menteri Sabah dan YB Datuk Amar Hj Mohamad Asfia Awang Nassar, Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak telah menandatangani Buku Hari Malaysia 2017 sebagai simbolik kepada persetujuan pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963.

MYNIC telah mempromosikan KREATIFMARKET.MY bagi memperkenalkan inisiatif MYNIC dalam menginovasi platform e-dagang yang memuat naik hasil karya fotografi tempatan di samping memberi peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan sampingan secara dalam talian. Melalui KREATIFMARKET.MY juga, MYNIC turut mempromosikan peredaran "Tangkap-tangkap" yang memberi peluang kepada orang ramai untuk memenangi hadiah yang lumayan melalui hasil karya fotografi yang dihantar.

PERASMIAN NEGARAKU SEHATI SEJIWA

MYNIC turut mengambil bahagian bagi program perasmian *Negaraku Sehati Sejiwa* yang juga merupakan kesinambungan program Kibar Jalur Gemilang yang diadakan setiap tahun bersama sambutan Hari Kebangsaan. Seramai 25,000 pengunjung telah hadir bagi menyemarakkan bagi sambutan perasmian tersebut yang diadakan pada 6 hingga 8 Ogos 2017 bertempat di Stadium Batu Pahat, Johor. Pelbagai aktiviti menarik turut mengisi kemeriahan program seperti perasmian Konvoi Kembara Merdeka *Negaraku*, Pameran *Caring Bridge* serta jualan produk-produk tempatan.

Perasmian *Negaraku Sehati Sejiwa* telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak, Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Turut serta, dua Ikon Patriotik Bulan Kebangsaan 2017 iaitu Prof Dr Sivamurugan Pandian dan juga Prof Datuk Dr Teo Kok Siong.

NEGARAKU 1 MALAYSIA

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) meneruskan lagi usaha menyemarakkan semangat "Negaraku" melalui program *Negaraku 1 Malaysia* yang diadakan pada 24 hingga 26 November 2017 bertempat di Padang Bola Sepak Flat Sri Johor, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan telah merasmikan program tersebut yang dihadiri lebih 20,000 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Program *Negaraku 1 Malaysia* turut diwarnai dengan pelbagai aktiviti meriah seperti Kembara Jalinan Kasih, sukan rakyat, pameran serta persembahan daripada artis-artis popular seperti Ismail Izzani, Farah Hazel, Datuk A Rahman Hassan dan ramai lagi.

MYNIC mengambil kesempatan untuk beramah mesra bersama komuniti tempatan di samping mempromosikan produk terbaru iaitu G02 yang juga merupakan salah satu inisiatif MYNIC dalam menggalakkan rakyat Malaysia mengaplikasikan kaedah digital data, strategi pemasaran dan keusahawanan.

SUMBANGAN FASILITI KEPADA PUSAT INTERNET DESA (PID) SELURUH MALAYSIA

MYNIC telah memberikan sumbangan sebanyak 19 unit pendingin hawa untuk dipasang di Pusat Internet Desa (PID) yang terlibat di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Selain itu, MYNIC turut memberikan nama domain "internetdesa.

my" secara percuma untuk tempoh lima (5) tahun beserta pakej web *hosting* untuk 1 tahun.

Majlis penyerahan sumbangan bernilai RM 28,804 tersebut telah berlangsung pada 4 April 2017 bertempat di Pusat Internet Desa, Tanjung Kling, Melaka. MYNIC telah diwakili oleh Ketua Pegawai Pemasaran, Encik Talib Sabri Sulaiman manakala pihak PID diwakili oleh Encik Mazmalek Mohamad, Setiausaha Bahagian Teknologi Komunikasi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

Sumbangan tersebut dilihat sebagai salah satu inisiatif MYNIC bagi menyokong usaha pihak kerajaan dalam menyediakan kemudahan yang inklusif kepada rakyat luar bandar khususnya dari aspek pembangunan teknologi maklumat. Pemberian nama domain "internetdesa.my" pula bertujuan untuk mempromosikan usaha murni tersebut kepada orang ramai di samping memberikan penjenamaan dalam talian kepada IPD di seluruh Malaysia.

MYKOMUNITI SCHOOL2U

MYNIC telah melancarkan program *MYKOMUNITI SCHOOL2U* sebagai salah satu inisiatif untuk memberikan penjenamaan dalam talian kepada sektor pendidikan negara di samping menyediakan peluang latihan kepada guru-guru yang terlibat.

Melalui program tersebut, MYNIC telah memberikan nama *domain* *EDU*. MY secara percuma kepada sekolah-sekolah di daerah Kota Belud di samping menganjurkan sesi bengkel latihan pembangunan laman web melibatkan seramai 98 orang guru yang berlangsung pada 3 hingga 5 Mei 2018 bertempat di SMK Pekan II, Kota Belud, Sabah.

Setakat ini, hanya 600 daripada 10,

180 buah sekolah di Malaysia yang mempunyai penjenamaan dalam talian. Sehubungan itu, program *MYKOMUNITI SCHOOL2U* memainkan peranan penting dalam memberikan pendedahan berkenaan kepentingan penggunaan laman web kepada pihak sekolah. Selain daripada nama domain dan latihan, MYNIC turut memberikan pakej emel, perkhidmatan pemetaan domain serta web *builder* kepada sekolah-sekolah yang terlibat.

Secara tidak langsung, program ini akan memberi peluang kepada sektor pendidikan di Malaysia untuk mengaplikasikan penggunaan teknologi maklumat khususnya secara dalam talian sebagai medium komunikasi di antara pengurusan sekolah dan juga pihak-pihak berkepentingan terutamanya ibu bapa dan para pelajar sekaligus mempromosikan sektor pendidikan secara menyeluruh melalui internet di peringkat tempatan dan juga global.

MESYUARAT AGUNG ASIA PACIFIC TOP LEVEL DOMAIN ASSOCIATION (APTLD KE-71)

MYNIC telah menghadiri Mesyuarat Agung APTLD ke-71 yang diadakan pada 2 – 3 Mac 2017 bertempat di Ho Chin Minh City, Vietnam. Mesyuarat tersebut disertai oleh 26 ahli APTLD yang terdiri daripada organisasi seperti ISOC, RIPE NCC, APRALO, APNIC, ICANN (PTI) dan banyak lagi.

Mesyuarat tersebut diisi dengan pelbagai program dan sesi perbincangan melibatkan isu-isu berkaitan pendaftaran dan infrastruktur nama domain di rantau Asian. Ketua Pegawai Pemasaran MYNIC, Encik Talib Sabri Sulaiman, telah menjadi moderator bagi sesi forum bertajuk *Marketing the Net Effect – Using Social Networks in Marketing* yang membariskan

panel-panel profesional daripada pelbagai latar dan organisasi termasuk RU ccTLD, APNIC, ME ccTLD, Belarus IDNccTLD, NIXI India dan DotAsia.

MYNIC turut memainkan peranan dalam perbincangan mengenai kebenaran penggunaan nama negara dan wilayah di peringkat kedua oleh 11 buah pendaftar di bawah ruang nama baru Gtld yang ditadbir oleh ICANN sekaligus menyumbang kepada hasil perbincangan tersebut dihantar kepada ICANN untuk tindakan selanjutnya pada 9 Mac 2017.

Di samping itu, MYNIC turut mengadakan perbincangan tertutup bersama Ketua Pengarah Pendaftar cCTLD Vietnam (VN), (VNIC), Encik Tran Minh Tan yang diadakan pada 1 Mac 2017. Delegasi MYNIC ke perbincangan tersebut diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Hasnul Fadhy Hasan yang juga merupakan kesinambungan daripada lawatan rasmi VNIC ke Malaysia pada 3 Oktober 2016 yang diketuai oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) - *ITC LEGAL TECH WORKSHOP SERIES : SECURING YOUR DIGITAL ASSETS*.

Pada 9 Mac 2017 yang lalu, MYNIC telah dijemput sebagai panel jemputan bagi Siri Pertama Bengkel *ITC Legal Tech* anjuran The Kuala Lumpur Bar bertempat di KL Bar Auditorium, Wisma Hangsam, Kuala Lumpur yang dihadiri oleh pengamal serta organisasi perundangan dari dalam dan luar negara.

Mewakili panel jemputan MYNIC, Cik Yeo Yee Ling telah memberikan penerangan berkaitan penggunaan dan pentadbiran nama domain MY serta perkhidmatan lain yang disediakan oleh pihak MYNIC. Tujuan bengkel tersebut dianjurkan adalah bagi meningkatkan pengetahuan mengenai penggunaan dan polisi media digital dalam kalangan pengamal undang-undang. Secara tidak langsung, MYNIC

telah berjaya memberikan pendedahan berkaitan fungsi dan peranan kepada orang ramai.

SHE'S THE BOSS - WOMEN IN BUSINESS BAZAAR

SHE' THE BOSS- WOMEN IN BUSINESS BAZAAR adalah merupakan sebuah program usahawan anjuran *HerPortal.Co* yang merupakan salah sebuah portal dalam talian yang memberikan informasi berkaitan pembangunan usahanya di Malaysia seperti peluang pekerjaan, jaringan industri, dana usahawan dan banyak lagi.

Program yang diadakan pada 11 hingga 12 Februari 2017 bertempat di Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur tersebut telah menghimpunkan usahanya-usahanya dalam talian bagi menjual serta mempromosikan perniagaan masing-masing yang terdiri daripada variasi produk dan perkhidmatan seperti tekstil, kosmetik, makanan, penjagaan kesihatan dan banyak lagi.

Sebagai salah satu penaja utama program, MYNIC turut menaja enam (6) buah vendor termasuk *Batik by Silk Closet, Yanmeena, DaniaFacon, Roxxafriya, Classyposh* dan *Cetak Kayu* yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan seperti fesyen, aksesori serta kraftangan.

Selain itu, MYNIC juga berkesempatan untuk mempromosikan inisiatif terbaru daripada MYNIC, iaitu KREATIFMARKET.MY serta pakej produk *Business Online Bundle (BOB)* di dalam sesi perkongsian bersama para pengunjung. Program tersebut telah dihadiri lebih daripada 30,000 orang pengunjung.

MYNIC sentiasa melibatkan diri dalam program-program relevan sebagai inisiatif untuk membantu usahawan masa kini lebih cakna dalam penggunaan media digital terutama golongan wanita dan generasi muda.

EXABYTES E-COMMERCE CONFERENCE

Exabytes Ecommerce Conference adalah sebuah persidangan tahunan yang dianjurkan oleh Exabytes Network Sdn Bhd yang mengumpulkan syarikat dan agensi e-dagang terkemuka bagi berkongsi idea dan informasi terkini berkaitan platform, trend serta teknologi masa kini yang menyumbang kepada pembangunan perniagaan berasaskan e-dagang di samping menggalakkan jaringan industri sesama organisasi.

Sebagai salah seorang penaja utama, MYNIC turut tidak melepaskan peluang untuk menyertai *Exabytes Ecommerce Conference 2017* yang diadakan pada 24 May 2017 bertempat di Pusat Inovasi & Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), Cyberjaya.

MYNIC berkesempatan untuk membuka ruang pameran di samping mempromosikan #HargaDomainGilerCrazy yang menawarkan nama domain dengan diskaun harga sehingga 75%. Selain itu, MYNIC turut mempromosikan produk-produk serta inovasi terbaru MYNIC seperti *Business Online Bundle (B.O.B)* dan KREATIFMARKET.MY.

SEMINAR USAHAWAN MUDA & BENGKEL LATIHAN

Sepanjang tahun 2017, MYNIC telah menganjurkan pelbagai program berbentuk seminar dan bengkel latihan yang melibatkan pembangunan usahawan, teknologi maklumat dan kandungan kreatif khususnya dalam kalangan generasi muda dengan kerjasama pelbagai agensi dan syarikat seperti Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN), Malaysia Digital Economic Corporation (MDEC), Pusat Internet Desa (PID) dan sebagainya.

Antara objektif utama bagi setiap program tersebut dijalankan adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada komuniti berkenaan kepentingan serta keperluan teknologi terkini dalam pembangunan usahawan dan perniagaan terutamanya melalui platform e- dagang. Di samping itu, melalui pendekatan ini, MYNIC berkesempatan untuk mempromosikan produk-produk inovasi MYNIC yang dilihat mampu membantu para peserta untuk lebih mendalami ciri-ciri teknologi masa kini dalam industry keusahawanan dan kandungan seperti KREATIFMARKET.MY, *Biz Pack, Go2* dan banyak lagi.

Program	Tempat	Tarikh
EDU.MY Seminar	SMK Pekan II, Kota Belud, Sabah	3-5 May 2017
	UNITEN, Bangi	12 September 2017
	Kolej Polytech MARA, Bangi	23 September 2017
	Politeknik Port Dickson	10 Oktober 2017
Usahawan Muda	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	10 Oktober 2017
	UIA Petaling Jaya	12 Oktober 2017
	International Open College (IOC)	13 Oktober 2017
	UiTM, Shah Alam	20 Oktober 2017
	Kolej Polytech MARA Batu Pahat	15 November 2017
	UPM Serdang	26 November 2017
	UniKL	29 November 2017
	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	20 Disember 2017
	Kolej Komuniti Selayang	21 Disember 2017
	Content Creation	Kuching, Sarawak
USM, Pulau Pinang		23 Oktober 2017
Ipoh, Perak		25 Oktober 2017
UTM Skudai, Johor		10 November 2017
Kota Bharu, Kelantan		9 Disember 2017

PROGRAM CEO DESA ATAU TV3

Program CEO Desa adalah merupakan sebuah rancangan realiti televisyen anjuran Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah (KKLW) bagi mencari usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) yang berpotensi tinggi di samping melatih mereka untuk lebih agresif dan kompetitif di dalam pasaran semasa.

Melalui program tersebut, MYNIC telah menaja produk-produk inovasi MYNIC yang dilihat mampu memberikan kemudahan kepada para peserta untuk mengembangkan lagi perniagaan masing-masing khususnya dari aspek pemasaran digital.

Penglibatan MYNIC dalam program CEO Desa secara tidak langsung telah memperkenalkan MYNIC sebagai salah sebuah agensi di bawah KKMM yang turut memainkan peranan dalam melahirkan usahawan muda yang cakna digital sekaligus mempromosikan inisiatif kerajaan dalam membantu komuniti tempatan khususnya usahawan IKS dalam aspek pembangunan perniagaan.

PROGRAM KREATIFMARKET.MY

Program KREATIFMARKET.MY adalah inisiatif MYNIC dan disokong oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) merupakan platform pertama di Malaysia yang mengkomersialkan hasil karya seni fotografi tempatan secara dalam talian (online) berdasarkan konsep "crowdsourcing" di samping memberi peluang kepada komuniti untuk menjana pendapatan sampingan secara berterusan standing platform-platform antarabangsa yang lain seperti *Shutterstock, Getty Images, 123rf* dan banyak lagi.

KREATIFMARKET.MY memberikan keutamaan pada hasil karya yang mempunyai ciri-ciri budaya tempatan yang boleh dijadikan sebagai aset kreatif Negara untuk dikomersialkan secara dalam talian.

Selain itu, pihak MYNIC turut menyediakan Program Latihan KREATIFMARKET.MY yang memberi peluang kepada orang ramai untuk mempelajari kemahiran asas fotografi dan keusahawanan digital yang boleh dijadikan sebagai sumber untuk menjana pendapatan sampingan yang berterusan secara dalam talian.



PERISTIWA DAN AKTIVITI



PERISTIWA DAN AKTIVITI

19 JANUARI 2017

TAKLIMAT HALATUJU SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2017



26 JANUARI 2017

PROGRAM TAKLIMAT ISU-ISU SEMASA



20 FEBRUARI 2017

HELLO KKMM SIRI 1 TAHUN 2017



23 FEBRUARI 2017

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2016



24 FEBRUARI 2017

MENGHUBUNG MENYATU TASIK CHINI, PAHANG



11 MAC 2017

MENGHUBUNG MENYATU RUMAH PANJANG BUJANG AK EMPADING EMPAYONG BAROH PASIR KABONG SARAWAK



25 FEBRUARI 2017

PERASMIAN PROGRAM NEGARAKU KOMUNITI 1MALAYSIA



18 MAC 2017

EKSPRESI NEGARAKU PUTRAJAYA



22 MAC 2017

MAJLIS PERASMIAN DIGITAL FREE TRADE ZONE



2 APRIL 2017

MENGHUBUNG MENYATU KG PULAU PASIR MANDI TEMERLOH DAN KG KUALA TRIANG BERA PAHANG



11 APRIL 2017

SAMBUKAN ULANGTAHUN RTM KE 71 TAHUN



24 APRIL 2017

ISTIADAT PERTABALAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV SULTAN MUHAMMAD V



7 MEI 2017

EKSPRESI NEGARAKU DI SANDAKAN SABAH



19 MEI 2017

NEGARAKU KREATIVITI @ KOMUNITI DI IKBN KUALA LANGAT



19 MEI 2017

SAMBUTAN HARI TELEKOMUNIKASI & MASYARAKAT BERINFORMASI SEDUNIA 2017 DI PEJABAT POS DAN INTERNET DESA TANJUNG KLING



15 JUN 2017

RAMADAN KAREEM MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI BERSAMA WARGA KKMM



5 JULAI 2017

MESYUARAT JAWATANKUASA BERSAMA DALAM BIDANG PENERANGAN DAN KOMUNIKASI MALAYSIA-SINGAPORE



19 JULAI 2017

JALINAN MESRA RAYA KKMM DI DEWAN PUSPANITAPURI



20 JULAI 2017

MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA BIL 1 TAHUN 2017



22 JULAI 2017

MENGHUBUNG MENYATU JERANTUT PAHANG



12 OGOS 2017
DOA UNTUK MALAYSIA



12 OGOS 2017
JENJALAN NEGARAKU



14 OGOS 2017
HELLO KKMM
SIRI 2 TAHUN 2017



15 OGOS 2017
ANAK ANAK MALAYSIA



20 OGOS 2017
MYBUDDIES RUN




31 OGOS 2017
HARI KEBANGSAAN 2017



9 SEPTEMBER 2017
YBGH TAN SRI KSU
KKMM DAPAT ANUGERAH



16 SEPTEMBER 2017
HARI MALAYSIA 2017
DI STADIUM LIKAS KOTA KINABALU SABAH



19 SEPTEMBER 2017
MENGHUBUNG MENYATU PADANG
AWAM FELDA BUKIT JALOR
GEMENCHEH NEGERI SEMBILAN



23 SEPTEMBER 2017

FESTIVAL FILEM MALAYSIA KE-29 PWTC KUALA LUMPUR



27 SEPTEMBER 2017

MAJLIS MALAM JASAMU DIKENANG 2017



28 SEPTEMBER 2017

MAJLIS PERASMIAN FORUM MEDIA KEBANGSAAN 2017 HALA TUJU DAN MASA DEPAN KEWARTAWANAN DI MALAYSIA



30 SEPTEMBER 2017

MESYUARAT MBJ KKMM



9 OKTOBER 2017
PELANCARAN
HARI POS SEDUNIA 2017



10 OKTOBER 2017
KKMM MENERIMA ANUGERAH PENARAFAN 5 BINTANG STANDARD KUALITI
PERKHIDMATAN PSIKOLOGI SUMBER MANUSIA TAHUN 2017



21 OKTOBER 2017
MENGHUBUNG MENYATU
KAMPUNG INDERASABAH,
TAWAU, SABAH



24 OKTOBER 2017
YBTM
TERIMA PINGAT



24 OKTOBER 2017

PERASMIAN HARI PSIKOLOGI & SEMINAR RAKAN PEMBIMBING (AKRAB) KKMM TAHUN 2017



3 NOVEMBER 2017

MAJLIS PELANCARAN DIGITAL FREE TRADE ZONE



25 OKTOBER 2017

PROGRAM PENGUKUHAN JARINGAN STRATEGIK MERDEKA 2017



15 NOVEMBER 2017

PERASMIAN EXPO NEGARAKU 2017



19 NOVEMBER 2017

PERASMIAN FIESTA NBOS SAYANG MALAYSIA



28 NOVEMBER 2017

LAWATAN KE PUSAT MEL NASIONAL, POS MALAYSIA BERHAD



11 DISEMBER 2017

PELANCARAN COMMUNICATIONS & MULTIMEDIA BLUEPRINT 2018-2025 FORUM AND SOFT LAUNCH "DIGITISE & HUMANISE"







KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya, Malaysia.

Tel : +603-8911 5000 | E-mel: webmaster@kkmm.gov.my

www.kkmm.gov.my



 www.facebook.com/kementeriankomunikasidanmultimedia

 www.twitter.com/kkmm_gov

 www.instagram.com/kkmm_gov